
**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 24

Selasa

21 Jun 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

- **Ijazah Perubatan Crimea State Medical University**
– **Menarik Balik Pengiktirafan**
– *Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor)*

(Halaman 25 & 106)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005 (halaman 27)

USUL:

Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 130)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Pemaju Kondominium Le Chateau Gagal Mohon Hak Milik Strata
– *Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)* (Halaman 131)

Tindakan Keberkesanan Jabatan Insolvensi Malaysia
– *Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)* (Halaman 134)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 21 Jun 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAN

1. **Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Perdana Menteri menyatakan usaha dan langkah secara terperinci ke arah membangunkan 'modal insan' yang diilhamkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Apakah sasaran pencapaian bagi RMK-9 dan jumlah peruntukan yang akan dibelanjakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sedang menyiapkan Rancangan Malaysia Ke-9 dan ia dijangka dimuktamadkan pada akhir tahun 2005 untuk dilaksanakan bermula pada tahun 2006 hingga 2010 dan pada awal tahun depan 2006 Insya-Allah akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Untuk RMK-9 YAB. Perdana Menteri telah menetapkan bahawa pembangunan modal insan akan diberi keutamaan paling tinggi, inilah atas kesedaran keinsafan bahawa sumber manusia adalah penentu dan penggerak kepada kemajuan ekonomi negara. Ini tidak bermakna bahawa sebelum ini kerajaan tidak memberi perhatian kepada pembangunan sumber manusia ataupun pembangunan insan yang berbezanya hari ini dengan izin, *renew emphasis* ataupun penekanan yang lebih akan diberikan kepada modal insan dan keutamaan tertinggi akan diberikan kepada sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal kita mencapai kemerdekaan, kita telah memberi perhatian kepada kestabilan negara, kepada keamanan, selepas itu kita membangunkan infrastruktur banyak hard ware dengan izin, telah pun kita bina. Maka ini tumpuan akan diberikan lebih kepada dengan izin, *soft ware development* untuk membina dengan izin, *towering Malaysian* memastikan bahawa mereka mempunyai

sifat-sifat yang mulia, memastikan Malaysia dapat menyediakan guna tenaga yang mencukupi untuk bersaing dengan negara-negara lain.

Yang penting dalam konteks ini ialah sistem pendidikan dan latihan akan diberi tumpuan. Kita berada dalam era pasca industri ataupun *post industry society* di mana ekonomi berasaskan pengetahuan menjadi realiti. Oleh yang demikian kerajaan akan pastikan bahawa guna tenaga yang dikeluarkan oleh institusi latihan pendidikan akan memenuhi keperluan industri ataupun ekonomi pasca industri sesuai dengan keperluan *knowledge economy* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu juga isu-isu moral, akhlak, integriti juga akan diberi perhatian oleh kerajaan dalam membina sumber insan ini. Kita akan melakukan lonjakan besar untuk memastikan ataupun dengan izin, *quantum leap* untuk mencapai kemajuan yang lebih pesat memastikan tenaga kerja yang kita keluarkan dalam negara kita ini mampu untuk bersaing dengan yang terbaik dalam dunia, kita bersaing dengan guna tenaga, tenaga kerja di negara-negara lain kita nak pastikan bahawa tenaga kerja yang kita keluarkan dan sistem latihan pendidikan ini mampu bersaing dengan mana-mana negara di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini kerajaan akan memberi penekanan kepada sistem latihan dan pendidikan umpamanya untuk sekolah rendah kerajaan telah menetapkan bahawa kita akan memperkasakan sekolah kebangsaan, kita akan cuba kurangkan jurang antara sekolah-sekolah bandar dan luar bandar, kita akan cuba tingkatkan kemudahan di Sabah dan Sarawak supaya taraf pendidikan dapat ditingkatkan di negeri-negeri tersebut, manakala universiti pula akan dapat mengeluarkan tenaga kerja yang diperlukan untuk industri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RMK-7 kerajaan telah membelanjakan RM19.7 bilion ataupun 19.9 peratus daripada jumlah perbelanjaan untuk sektor pendidikan dan latihan. Untuk RMK-8 kerajaan dijangka membelanjakan RM42.1 bilion ataupun 24.8 peratus bermakna dalam tempoh RMK-8 terdapat peningkatan yang ketara lebih dua kali ganda dari segi *quantumnya*, dalam perbelanjaan ia merupakan 24.8 peratus kepada jumlah perbelanjaan untuk RMK-8.

Dalam RMK-9 perbelanjaan ini kita akan teruskan dan yang diberi tekanan oleh kerajaan bukan sahaja aspek kuantiti ataupun jumlah perbelanjaan yang dibuat tapi

aspek-aspek kualiti termasuklah kualiti guru, pensyarah, pelajar-pelajar dan lain-lain. Jadi, ini semua menggambarkan komitmen kerajaan untuk memastikan bahawa modal insan diberikan tekanan yang ataupun tumpuan yang utama dan kerajaan akan pastikan bahawa matlamat yang ditetapkan ini dapat dijayakan dalam tempoh RMK-9.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih, sebelum saya dengan soalan tambahan selamat datang kepada pemimpin-pemimpin masyarakat daripada Batu Pahat, kiriman [*Tepuk*] daripada Yang Berhormat Batu Pahat dan pelajar-pelajar kita dan soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah selalunya apabila kita memperkatakan pembangunan soal modal insan selalunya fokus selalu diberi kepada kakitangan kerajaan, sedangkan modal insan ini merangkumkan seluruh masyarakat.

Saya memang setuju dengan Yang Berhormat Menteri mengenai pembangunan pendidikan sebagai satu alat yang begitu penting dalam pembangunan modal insan ini, namun demikian untuk memperkasakan sistem pendidikan kita hanya dengan infrastruktur tidak begitu memadai dalam pembinaan ini. Perkara yang menjadi pokok ialah adalah pelajar-pelajar, guru-guru dan juga dalam konteks integriti negara.

Oleh kerana ada orang memberi baru ada orang yang mengambil maka masyarakat ini, soalan tambahan saya adalah bagaimanakah masalah insan ini dapat ditangani hanya dengan hanya ada program-program yang banyak memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Adalah tidak benar bahawa kerajaan cuma memberi perhatian kepada aspek fizikal ataupun infrastruktur sahaja, memanglah ada beberapa kelemahan mungkin tekanan kepada aspek *software* dengan izin, itu tidak memadai. Jadi, dalam RMK-9 kerajaan akan memberi perhatian lebih kepada tadi saya sebut mengenai kualiti guru umpamanya, pensyarah dan kualiti latihan aspek moral, nilai integriti budi bahasa ini semua aspek-aspek penting yang memang telah diberi penekanan sebelum ini tetapi mungkin tidak mencukupi.

Dalam RMK-9 akan memberi penekanan yang lebih di samping kemudahan struktur yang mencukupi kita akan pastikan bahawa aspek kualiti, aspek *soft ware* juga diberi perhatian yang sama dan dengan itu kita akan dapat mewujudkan manusia yang seimbang dan dengan itu juga boleh memastikan modal insan ini boleh menyumbang

kepada kemajuan negara yang lebih pesat lagi sehinggalah kita mencapai wawasan 2020, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju daripada berbagai-bagai dimensi. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri di mana penekanan untuk memberikan perhatian kepada bidang latihan dan pendidikan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri bagaimana pula fokusnya kepada pembangunan belia, apakah tumpuan yang sama berat diberikan kepada bidang pelajaran dan pendidikan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada perbelanjaan untuk sektor pendidikan dan latihan ini adalah untuk golongan belia, cumanya agensi pelaksanaanya Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi antara lainnya. Selain itu kita tahu juga kita ada Kementerian Belia dan Sukan yang mana tugas utamanya ialah untuk memastikan belia ini menyertai organisasi, membina sahsiah mereka supaya mereka tidak terlibat dalam perkara-perkara mungkar.

Jadi, perbelanjaan untuk pelajaran dan pendidikan saya katakan tadi 24.8 peratus daripada jumlah peruntukan RMK-8 sebahagian besarnya kalau pun tidak semua adalah untuk belia. Jadi, untuk belia dan sukan kerajaan sedang merangka pendekatan-pendekatan baru melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan bahawa aspek-aspek lain selain daripada latihan dan pendidikan yang sedang diuruskan, dikendalikan oleh Kementerian-kementerian Pelajaran dan Pengajian tinggi dapat juga ditambah lagi oleh Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

2. Dato' Jacob Dungau sagan [Baram] minta Menteri Kerja Raya menyatakan projek jalan raya besar yang baru dan yang sedang dijalankan di sekitar kawasan Baram yang akan terus dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini terdapat satu projek yang sedang dijalankan di Bahagian Baram iaitu pembinaan jalan dari Long Tidur ke Long Lama sepanjang 13.8 kilometer. Projek yang berharga RM22.82 juta ini sedang dijalankan dengan tempoh 31 bulan iaitu daripada 24 Februari 2003 hingga 14 September 2005.

Setakat ini kemajuan fizikal projek adalah 51.8 peratus, sebenarnya berbanding 56.4 peratus jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengenai projek baru di Bahagian Baram, kementerian telah mencadangkan satu projek untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9, projek tersebut ialah menaik taraf jalan dan mengitar jalan dari Beluru ke Batang Tinggaal sepanjang 36 kilometer. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan kerajaan kelak.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Dato' Menteri atas jawapan itu tadi, kita rakyat Baram memang mengalu-alukan pembinaan jalan dari Beluru ke Lapuk dan juga ke Long Lama ini, kerana setakat ini kita tidak mempunyai jalan yang secukup sempurna untuk rakyat kawasan Baram kerana itulah hanya satu jalan yang kita boleh sebutkan jalan besar di kawasan Baram. Jadi, saya ingin tahu juga pada tahun 2000 Jabatan Kerja Raya ada membinakan sebahagian daripada jalan tersebut mengikut tender kurang lebih 20 kilometer.

Jadi jalan tersebut hanya dibina sampai ke tahap standard R3 sahaja. Jadi setakat ini oleh kerana jalan itu selalu diguna oleh kenderaan yang berat seperti lori kuari, kayu balak dan juga lori sawit yang sangat banyak menggunakan jalan ini. Jadi saya ingin tahu sebelum kementerian membuat sesebuah jalan seperti ini, adakah kerajaan membuat kajian terperinci supaya kenderaan yang berat seperti ini boleh menggunakan jalan ini kerana kalau tidak buat dengan cukup standard dalam satu tahun semua jalan tersebut rosak sehinggakan ke tahap yang teruk sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Jadi kita mempunyai banyak kompelin dari pengguna-pengguna. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, muatan untuk lori yang telah dibenarkan setakat ini ialah 11 tan satu *excel*. Tetapi lori-lori yang memuatkan balak mereka meminta undang-undang, pertama mereka menggunakan jalan itu seperti jalan kepunyaan mereka sendiri kerana tidak mengikut undang-undang. Kita tidak boleh menukar piawai jalan kita mengikut dengan apa yang diminta oleh lori-lori balak. Kami ikuti dengan JKR R5, iaitu jalan yang boleh mengambil muatan 11 atau sehingga 13 tan

satu *excel*. Banyak di antara lori-lori dengan dua *excel* sahaja dia ambil 40 tan. 40 tan itu mesti merosakkan jalan yang sedia ada atau jalan yang akan dibina.

Walau bagaimanapun saya suka juga menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat jalan ada taraf, tetapi kita perlu menjaganya iaitu penguat kuasa oleh polis atau pihak-pihak bertanggungjawab mesti dilakukan. Kalau tidak mana-mana jalan pun boleh rosak juga. Jika kita membenarkan lori seperti lori balak menggunakan jalan, dia tidak peduli. Apa pedulinya dia? Siapa buat? Kerajaan punya wanglah. Hancurlah ini jalan!

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dato' Seri S. Samy Vellu: Jadi macam itulah. Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh juga kita memberi sedikit gambaran kepada *drivers* lori. Terima kasih.

3. **Datuk Ronald Kiandee [Beluran]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan rangka dasar baru industri automobil negara. Sejauh mana dasar ini mampu mengimbangi kehendak untuk terus melindungi industri automobil negara di samping membuka pasaran kepada automobil luar secara terkawal.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kepong yang perlu dijawab pada 5 Julai 2005 kerana soalan-soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, rangka dasar industri automotif negara adalah untuk memastikan industri sentiasa berdaya saing di peringkat domestik serantau mahupun global. Dalam mengimbangi perlindungan kepada industri automotif tempatan dengan pembukaan pasaran kepada negara luar, kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif bagi menghadapi cabaran pembukaan pasaran tersebut.

- (i) memansuhkan penetapan harga jualan bersih bagi kenderaan yang dipasang tempatan mulai 1 Januari 2003;
- (ii) membenarkan kelulusan baru lesen pengilang bagi projek pengeluaran kenderaan mulai 1 Januari 2003;

- (iii) memansuhkan sepenuhnya dasar penggunaan barang komponen tertentu tempatan dengan izin, *monetary deleted item* mulai 1 Januari 2004;
- (iv) menurunkan kadar duti import di bawah ASEAN Industrial Cooperation (AICO) Scheme, dengan izin kepada sifar bagi menggalakkan perolehan komponen automotif dari sumber-sumber ASEAN untuk mengurangkan kos pengeluaran kenderaan tempatan;
- (v) membenarkan pengeluar automotif tempatan mengimport komponen dari pelbagai negara sumber *multi sourcing*, dengan izin bagi memperoleh harga yang kompetitif; dan
- (vi) mengekalkan penggunaan lesen import bagi tujuan pengimportan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi persaingan ke peringkat domestik dan global syarikat pengeluar kenderaan nasional hendaklah sentiasa meningkatkan daya saing masing-masing. Langkah-langkah yang boleh diambil untuk lebih berdaya saing ialah:

- (i) mempertingkatkan lagi tahap kualiti keluaran kepada kos yang kompetitif;
- (ii) menitikberatkan ciri-ciri keselamatan dan mematuhi syarat piawaian antarabangsa;
- (iii) meneroka pasaran baru di luar negara supaya mampu mencapai jumlah pengeluaran yang berskala ekonomi;
- (iv) memperkenalkan pelbagai model baru untuk pelbagai segmen pasaran dan sasaran pelanggan;
- (v) membangunkan vendor tempatan yang lebih kompetitif supaya bekalan komponen yang digunakan berkualiti tinggi serta mengurangkan kos pengeluaran kenderaan;
- (vi) mempertingkatkan tahap kemahiran pekerja terutama di bahagian teknikal dan kejuruteraan melalui penyediaan latihan yang bersesuaian di dalam dan luar negara; dan

- (vii) mempertingkatkan penguasaan teknologi dan kepakaran dalam aktiviti pengeluaran daripada rakan usaha sama yang strategi.
Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada jawapan daripada Timbalan Menteri. Isu AP banyak menjadi isu yang dibangkitkan dalam akhbar. Seolah-olah AP ini menghambat pertumbuhan perkembangan Proton. Saya ingin tahu apa pendirian kerajaan terhadap ini dan saya juga ingin tahu di mana kelemahan pelaksanaan dasar kita, pendekatan kita, bantuan kita terhadap Proton, kerana sehingga hari ini kita lihat Proton masih lagi bergantung dengan perlindungan kerajaan dan masih lagi jauh kepada mampu bersaing dengan kenderaan lain, walaupun AFTA sudah dilaksanakan setakat ini. Di mana kelemahan kita dan apa pendekatan kerajaan. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, tujuan AP diperkenalkan adalah untuk mengawal kemasukan kereta di samping untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam industri automotif. AP kita bahagi kepada dua bahagian satu *open AP* atau AP terbuka. Yang ini telah dimansuhkan bermula daripada tahun 1987 dan sekarang ini berteraskan kepada AP yang diberi kepada *franchise holder*.

Isu tentang AP ini antara lain kemasukan kereta luar ke negara kita yang dikatakan begitu kompetitif sehingga ia menjejaskan pasaran Proton. Sehubungan itu, saya ingin menyatakan bahawa kereta yang diimport oleh AP ini yang bersaing dengan Proton sebenarnya berjumlah hanya 16,000, iaitu kereta yang CC bawah 1800 yang betul-betul bersaing dengan Proton. Dari segi pasaran sebenarnya, pasaran proton masih dapat dipertahankan di pasaran domestik sekarang ini pada kadar 44.5% daripada pasaran domestik sepenuhnya.

Melihat dari segi kuantiti kereta yang dijual dalam pasaran domestik meningkat daripada 155,420 pada tahun 2003 kepada 166,833 pada tahun 2004. Perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah tentang bagaimana Proton hendak mempunyai dengan izin, *sustainability* untuk jangka panjang. Kita sedia maklum dalam industri automotif ia berpindah dari satu peringkat ke satu peringkat. Pertama, kemampuan untuk satu-satu pengeluar untuk menghasilkan kereta secara berskala

besar. Kemudian dia dapat jual di dalam pasaran domestik. Ini telah dilakukan. Kemudian, yang ketiganya dijual di pasaran antarabangsa. Di sini sehingga ini Proton masih lagi dibandingkan dengan syarikat-syarikat lain. Bilangan kereta yang dijual di luar negara masih lagi kecil. Dari segi statistiknya pada tahun 2003 sebanyak 7,622 pada tahun 2004 sebanyak 12,818 unit semata-mata. Kalau kita banding dengan kereta lain jumlahnya begitu kecil.

Proton mempunyai beberapa strategi ke arah itu. Mereka menyasarkan dalam jangka waktu pertengahan, mereka akan dapat meningkatkan penjualan kereta ke luar negara pada 100,000 unit dan ini dilakukan melalui kerjasama termasuk di pasaran luar umpamanya di Iran, mereka telah mempunyai *joint venture* dan telah mula mengeluarkan kereta sasarannya sebanyak 10,000 unit setahun. Manakala di Indonesia proses pengeksportan CKG daripada Malaysia dan pemasangan di Indonesia telah mula berlaku dan ini juga melibatkan sebanyak 10,000 unit kereta. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Salah satu daripada faktor keupayaan daya saing sesebuah industri itu adalah bergantung kepada ekonomi *skill* dengan izin. Tetapi saya difahamkan proton ini ekonomi *skill* atau keupayaan pengeluarannya hanya lebih daripada 400,000 unit setahun *slightly more than that*.

Tetapi dalam masa yang sama masalah utama sekarang di dalam automotif industri di dalam negara ini ada dua sebab, iaitu harga yang lebih tinggi secara perbandingan dengan kereta-kereta yang lain dan juga kekurangan pilihan ataupun *choices* untuk pengguna dan juga cabaran-cabaran yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Beluran mengenai AP dan juga komitmen kita dalam AFTA. Apakah satu kajian ataupun rancangan yang lebih sempurna mengenai daya saing industri automobil negara kita ini. Kalau kita tidak ada *competitiveness* yang tinggi, bolehkah negara kita beralih kepada industri yang lain di mana kita mempunyai daya saing yang lebih tinggi atau daya saing yang lebih kompetitif.

Tuan Lau Yeng Peng: Apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ada dua aspek yang perlu kita lihat. Satu dasar dan satu lagi dari segi industri sendiri. Bagaimana reaksi kepada dasar. Dari segi dasar kerajaan kita mengambil kira perkembangan AFTA dan perlu keterbukaan ekonomi kita. Jika kita tidak buka ekonomi kita orang lain akan tutup ekonomi mereka sehingga kita tidak dapat mengeksport produk kita, seperti mana kita maklum negara kita merupakan negara ke-18 terbesar dari segi eksport di seluruh dunia dan kita eksport kepada 230 buah negara.

Dari segi dasarnya, seperti mana yang saya nyatakan tadi kita telah mula *liberalize* pasaran ini kerana kita melihat cabaran-cabaran yang kita hadapi daripada Thailand dan kereta-kereta China yang mula dijual di kawasan Asia ini. Perkara kedua dari segi industri sendiri. Industri mesti mengambil peranan yang proaktif. Pada peringkat ini kita dapati bahawa daya saing Proton di pasaran antarabangsa tidak begitu kukuh dan beberapa pendekatan perlu diambil. Itu sebabnya kerajaan menggalakkan Proton supaya mengadakan strategi *alliance* dengan syarikat yang lain sebagai salah satu langkah.

Untuk makluman, kita lihat dari segi industri automotif pernah saya menyatakan daripada 28 buah *manufactures* mereka bergabung di bawah lima. Di bawah jana motor kita ada salah satu syarikat seperti Isuzu, Suzuki, Daewoo daripada Korea juga masuk situ, Ford, ada Mazda, Lincoln, Volvo, Jaguar dan sebagainya. DaimlerChrysler, ada Mercedes Benz, Mitsubishi, Hyundai, Volkswagen, ada Audi, Toyota, Daihatsu, Hino dan sebagainya. Jadi syarikat-syarikat ini bergabung dan sebuah syarikat yang duduk secara *isolation* bagaimana hendak bersaing dengan syarikat ini daripada pelbagai segi. Kita berharap melalui *alliances*, dengan izin yang dibuat oleh Proton dan pihak Volkswagen, ini akan dapat mencipta sesuatu dari segi bidang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun Yang Amat Berhormat ada mengarahkan semua Menteri datang untuk jawab soalan, nampaknya Menteri MITI dikecualikan. Adakah dia ada imuniti, kenapa dia tidak perlu patuh arahan Perdana Menteri.

[Dewan menjadi gamat seketika]

Tuan M. Kula Segaran: Bagus, bagus.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan saya ialah dalam kajian rangka baru untuk dasar industri automotif, adakah kerajaan rela untuk menetapkan satu kajian yang mendalam mengenai AP khasnya iaitu satu sistem yang terbuka oleh kerana kerugian yang dihadapi oleh bukan sahaja industri ataupun negara, satu bilion ringgit dia rugi. Rugi oleh negara dan bukan sahaja menjejaskan industri automobil negara, tetapi satu punca rasuah yang bermaharajalela lebih daripada 50,000 AP dikeluarkan sehingga bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir perlu mengumumkan, kenapa kerajaan sekarang yang kata lebih menegaskan mengenai *accountability*, tidak rela buat atau mengumumkan AP-AP. Adakah oleh kerana ada konco-konco ataupun kroni-kroni yang takut untuk diumumkan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan AP, kita ada dua peringkat. Satu dari segi pentadbiran AP iaitu pengeluaran AP. Untuk makluman Dewan, pengeluaran AP ini dibuat melalui satu jawatankuasa di MITI. Dasar kita semenjak tahun 1987, kita hanya memberi AP kepada *francais holder* yang mempunyai *agreement* dengan *principal* dan ada syarat-syarat lain dari segi kemampuan kewangan dan sebagainya.

Pemberian ini berdasarkan kepada permohonan syarikat setelah kita kaji sejauh mana pasaran ini dapat *absorb*, dengan izin, keperluan tersebut dan kemudiannya pada setiap tahun kita akan sama ada menambah atau pun mengurangkan. Tambahan ini *very objective*, dengan izin. Kalau syarikat telah mencapai prestasi 60%, kita beri pertambahan sehingga maksimum 20%, sekiranya tidak kita akan mengurangkan. Jadi, polisi ini begitu telus dan telah dijalankan.

Yang Berhormat menyatakan tentang soal kerugian. Soal kerugian *is another thing*. *It is the implementation of the AP* - kemasukan kereta melalui *Bill of Lading dan declaration* dengan Kastam. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini juga telah disentuh oleh Perdana Menteri sendiri. Pada awal tahun ini Perdana Menteri berkata pihak Kastam yang mengendalikan perkara ini sedang mengambil tindakan. Masalah kita, Tuan Yang di-Pertua, saya ambil dalam contoh bidang *steel* umpamanya, apabila kita eksport keluar pada harga yang kurang daripada dijual dalam negara ini, negara

lain, industrinya mengambil tindakan untuk register *petition* di bawah Akta Anti Lambakan manakala perkara ini tidak dilakukan di negara kita. Sehingga ini belum dilakukan secara rasmi.

Jadi, Akta Anti Lambakan ini mempunyai kaitan dengan WTO. Kita mesti mengikut prosedur yang ditentukan dan ini yang akan lebih memudahkan dari segi tindakan kerajaan. Dari segi sama ada kita akan hebahkan atau tidak, perkara ini telah dimaklumkan oleh Kabinet. Ini bukan satu dasar negara kita. Tiap-tiap kelulusan kita akan hebahkan, bukan kerana kita hendak menutup, tidak ada tujuan kerajaan hendak menutup sekiranya ada kelemahan. Kita mengamalkan beberapa dasar. Kita mahukan masyarakat yang mempunyai integriti, tetapi bukan menjadi dasar. Kabinet membuat keputusan tidak akan menghebahkan perkara tersebut.

4. **Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah jejantas di Jalan Besar Sungai Durian (depan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krai) dapat dilaksanakan memandangkan jalan berkenaan sentiasa sibuk apabila tamatnya waktu persekolahan dan berlakunya kesesakan lalu lintas hingga menyebabkan kemalangan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Kerja Raya telah siap menjalankan kerja-kerja mengukur di lokasi pembinaan jejantas pejalan kaki tersebut dan sehingga kini dalam proses penyediaan dokumen tender. Keperluan jejantas tersebut telah disenarai utamakan di bawah Program Keselamatan Jalan Rancangan Malaysia Kesembilan dan pembinaannya dijangka akan dimulakan pada tahun 2006.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Vanakam*. Saya apabila ada Menteri - pengundi-pengundi saya daripada MIC suruh katakan "*vanakam*". Mereka kata apabila berjumpa dengan Dato' Seri katakanlah "*vanakam*". Itu adalah lebih baik dari mengucapkan terima kasih. Jadi, saya mengucapkan terima kasih.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat kerana membawa murid-muridnya ke sini. Mengenai jejantas ini saya teringat murid-murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Durian yang mana soalnya nanti, murid-muridnya ramai melintasi jalan besar ini. Saya merasa dukacita apabila Yang Berhormat

mengatakan tahun 2006 baru hendak dimulakan, sedangkan rakyat menunggu-nunggu pada tahun ini dan beliau telah pun diberikan mandat yang begitu hebat di Kuala Krai. Kita menang 5 - 0 di sana.

Soalan saya, dapatkah atau tidak dipercepatkan sebelum tahun 2006. Janganlah menjadi contoh seperti Rantau Panjang di Klang baru-baru ini heboh dalam surat khabar mati dahulu baru buat jejantas. Begitu juga di Dabong, belum siap lagi. Ini sudah tiga kali *terminated!*

Jadi saya harapkan Yang Berhormat dapat mempercepatkan kerana negeri Kelantan begitu jauh ketinggalan. Harap dapatlah Yang Berhormat mempercepatkan, surat khabar pun sudah masuk, Datuk Pa pun sudah terima. Jadi, saya mengucapkan terima kasih diharap dapat dipercepatkan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan pada tahun 2006, sekarang pun sudah bulan Jun. Apabila sampai ke bulan Januari kerja-kerja pun sudah dimulakanlah. Untuk makluman Yang Berhormat. Terima kasih.

5. **Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan program yang sedang dijalankan berkaitan membasmi kemiskinan di bandar dan apakah pertimbangan yang digunakan untuk memilih program berkenaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Program Pembasmian Kemiskinan di bandar telah dijalankan sejak negara kita merdeka sampai ke hari ini oleh pelbagai agensi dan kementerian secara berterusan. Pada tahun ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan Unit Perancang Ekonomi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia telah berjaya menjalankan bancian profil penduduk miskin bandar bagi kawasan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ).

Program ini bertujuan menyediakan pangkalan data bagi mengenal pasti kumpulan sasar secara khusus. Dijangkakan pada Julai sehingga Disember pada tahun ini, bancian yang sama akan dilaksanakan di 50 buah bandar utama di 46 PBT bertaraf bandar raya dan perbandaran seluruh negara dan seterusnya akan diperluaskan kepada semua kawasan PBT di seluruh negara.

Hasil daripada itu, pangkalan data mengenai kemiskinan yang akan diwujudkan akan dikongsi secara bersama dengan semua agensi kementerian dan kerajaan negeri sebagai bahan rujukan untuk menjalankan program aktiviti kemiskinan di bandar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak diberi tugas untuk menjalankan fungsi penyelarasan bagi Program Pembasmian Kemiskinan di bandar sejak tahun lalu sehingga sekarang telah pun menyediakan perancangan strategik dan pelan tindakan untuk tujuan pembasmian kemiskinan.

Matlamat rancangan strategik ini ialah untuk menyediakan persekitaran hidup sejahtera menerusi peluang meningkatkan pendapatan dan meningkatkan *accessibility* kepada pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan serta kemudahan asas dan awam. Matlamat yang utama ialah memupuk semangat berdikari dan daya tahan melalui program *capacity building*.

Tuan Yang di-Pertua, enam teras program yang telah saya sebut iaitu meningkatkan pendapatan, kesihatan, perumahan, kemudahan sosial, pengangkutan dan pendidikan akan menjadi teras utama dan program ini akan dijalankan secara bersepadu bersama-sama dengan semua agensi, NGO dan juga wakil-wakil komuniti pada masa-masa akan datang.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah, kerana bancian untuk mendapatkan ataupun memperkukuhkan pangkalan data telah pun dijalankan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, mungkin kita mengharapkan ada program yang telah dijalankan berdasarkan kepada enam aspek teras yang dinyatakan tadi.

Sebagai contoh, apabila kita berhadapan dengan isu untuk menyusun semula masyarakat ataupun melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin, ada program seperti *Bumiputera Commercial and Industrial Community*, dengan izin. Jadi mungkin kita mengharapkan Yang Berhormat melalui kementerian yang begitu besar dapat memperkenalkan program ini. Sudah sampai masanya, Yang Berhormat. Apabila kita pergi ke kedai-kedai makan pada hari ini, kita lihat peminta sedekah yang profesional yang berada hampir di mana-mana juga tempat-tempat makan dan riadah. Mungkin ini berpunca daripada tekanan kemiskinan di bandar yang semakin mendesak.

Jadi, apakah program yang secara khusus dapat kementerian perkenalkan dalam masa yang terdekat, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menjalankan program ini secara bersepadu. Banyak agensi yang telah pun diberi tugas selama ini akan teruskan dengan tugas mereka dan kementerian saya akan menjadi penyelaras dan juga mengkoordinasikan program yang semua agensi buat. Antara-antara program yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pontian mengenai bagaimana kita dapat bantu mereka yang miskin kerana sama ada dia tidak ada kerja, macam mana hendak tingkatkan pendapatan.

Selain daripada agensi yang telah buat, kementerian saya juga dengan persetujuan kerajaan, ini semuanya masih dalam peringkat perbincangan, bagaimana dapat dari segi batuan modal perniagaan bagi mereka yang benar-benar serius dan layak untuk memulakan perniagaan kecil dari segi misalnya mereka perlukan bantuan dari segi peralatan gerai, jajahan ataupun mereka perlukan latihan.

Dari segi latihan konsep di bawah program pembiayaan latihan ini ialah, dengan izin, we teach them how to fish dan bukannya beri fish kepada mereka sepanjang masa. So, dalam pada itu latihan kemahiran di institusi yang bertauliah akan juga kita atur supaya beri mereka yang sesuai boleh diberi latihan.

Program yang seterusnya, oleh kerana ini akan melibatkan agensi yang lain dan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan tetap akan diadakan pelan tindakan yang lebih konkrit. Oleh sebab sekarang masih dalam peringkat perbincangan apa-apa yang melibatkan peruntukan atau sumber kewangan adalah terlalu awal untuk saya buat apa-apa pengumuman. Tetapi Yang Berhormat, saya boleh beri jaminan bahawa program ini adalah sangat diutamakan, bantu mereka yang kurang mampu.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan salah satu cara untuk membasmi kemiskinan ialah penglibatan seluruh masyarakat ataupun penduduk yang ada di kawasan bandar dan persekitaran. Jadi, salah satu agenda yang telah diumumkan sebelum ini ialah local agenda 21, yang untuk memastikan *sustainable development* berlaku di kawasan persekitaran perbandaran.

Soalan saya, setakat manakah kejayaan local agenda 21 tersebut dan adakah perancangan-perancangan yang melibatkan penglibatan seluruh masyarakat setempat telah dijalankan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang benar Local Agenda 21 adalah merupakan salah satu program, ia bukan hanya untuk menambah baik dari segi, dengan izin, local governance bahkan juga dia ada peranan dalam pembasmian kemiskinan. Yang penting sekali saya sebut tadi mengapa kita buat bancia kerana kita hendak tahu benar-benar secara tepatnya di manakah keluarga miskin ini.

Tidak guna kalau kita cakap teori banyak tetapi tidak tahu di mana orang miskin itu. Jadi, dengan sudah ada fakta pangkalan itu, maka sasaran telah dikenal pasti dan kemudian kerajaan akan memahami apakah kekurangan, apakah kerumitan yang mereka hadapi. Jadi, dalam pada itu kita perlu melibatkan komuniti, iaitu pemimpin-pemimpin komuniti persatuan-persatuan kejrangan, NGO dari aspek itulah yang disebabkan Local Agenda 21 itu boleh memainkan peranan dan semua PBT akan digalakkan supaya mereka menubuhkan Jawatankuasa Sejahtera Bandar iaitu bertujuan untuk membantu keluarga yang miskin supaya mereka keluar daripada *vicious circle*, iaitu kemiskinan dari segi banyak aspek seperti sebagai contoh pendidikan, anak-anak mereka, kesihatan mereka, peluang pekerjaan mereka. Bagaimana meningkatkan pendapatan mereka.

6. **Tuan Chong Hon Min [Sandakan]** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan adakah kementerian sedar masalah gangguan bekalan elektrik dan kekurangan bekalan air di Sabah, khususnya di Sandakan memang sudah sampai ke tahap yang serius. Apakah langkah-langkah jangka masa pendek yang sedang dan akan diambil sementara menunggu penyelesaian pelan jangka masa panjang.

Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Sandakan kerajaan memang menyedari mengenai masalah gangguan bekalan elektrik di Negeri Sabah, khususnya di Sandakan. Antara punca utama sering berlakunya gangguan bekalan elektrik di Sabah ialah kekurangan bekalan serta kelemahan pada sistem penghantaran dan sistem pengagihan.

Bagi kawasan Sandakan masalah gangguan bekalan elektrik adalah disebabkan kekurangan bekalan elektrik serta sistem penghantaran elektrik yang belum sempurna. Bagi mengatasi masalah tersebut Kerajaan Persekutuan dan Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB) sedang melaksanakan beberapa projek infrastruktur bekalan elektrik untuk memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di Sandakan seperti berikut:

- (i) pembinaan pencawang pembahagian utama 3030/11 KVD Sim Sim Sandakan. Projek ini dijangka siap pada Ogos tahun ini;
- (ii) pembinaan sistem grid Pantai Timur Sabah dari Tawau ke Sandakan. Grid ini telah dimulakan tugas pada 7 Mac tahun lalu;
- (iii) pembinaan Grid Sambung Tara Timur Barat Sabah, dari Kota Kinabalu ke Sandakan sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2006. Projek ini akan menambah sumber penjanaan ke Pantai Timur Sabah termasuk Sandakan;
- (iv) pelaksanaan projek pengukuhan sistem pembahagian di Sandakan yang meliputi penggantian kabel-kabel, tiang-tiang dan meter-meter elektrik SESB.

Dengan siapnya projek-projek tersebut Sandakan akan menikmati bekalan elektrik yang berterusan dan berdaya harap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai bekalan air pula, kementerian menyedari masalah ini khususnya di Sandakan yang mana jumlah kekurangan kini mencecah 40%. Kapasiti pengeluaran air bersih sedia ada telah mencapai tahap maksimum iaitu sebanyak 82.5 juta liter sehari (jlh). Sementara itu, keperluan permintaan bekalan air semasa kini menjangkau 139 jlh iaitu yang terdiri daripada 40 ribu akaun pengguna berdaftar, lebih kurang 220 ribu orang.

Keperluan permintaan yang tinggi disebabkan oleh kadar pertumbuhan penduduk serta perkembangan pembangunan ekonomi dan infrastruktur yang kian pesat di Sandakan. Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air di Sandakan, langkah serta-merta telah diambil termasuklah pelaksanaan projek pengurangan air tidak berhasil atau NRW dengan syiling peruntukan sebanyak RM35 juta. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 2005 dengan tambahan bekalan air sebanyak 18 juta liter sehari (jlh). Pelaksanaan projek bekalan air Sandakan di bawah skim

kecemasan serta merta projek bekalan Air Sabah, di mana Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM26 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan projek ini dijangka siap pada Jun 2006 dan akan menghasilkan tambahan bekalan air sebanyak 10 jlh.

Di samping itu juga kerajaan negeri Sabah juga meluluskan peruntukan negeri untuk beberapa projek kecemasan bagi membantu mengatasi masalah kekurangan air di Sandakan iaitu peruntukan serta-merta sebanyak RM8.5 juta. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 2005 dan menghasilkan tambahan bekalan air sebanyak 5 juta liter sehari.

Yang kedua, dengan izin, *The Emergency Water Supply Scheme for Gum Gum*, Sandakan sebanyak RM19.13 juta. Projek ini dijangka siap pada Disember 2005 dan menghasilkan tambahan bekalan air sebanyak 5 JLH. Dan *The Emergency Water Supply Scheme for Sandakan Stage 1* (Fasa 1) sebanyak RM13.6 juta. Projek ini dijangka siap pada Disember 2005 dan menyumbang tambahan bekalan air sebanyak 10 juta liter sehari. Dengan siapnya projek-projek tersebut menjelang penghujung tahun 2005 kementerian percaya masalah bekalan air di Sandakan akan berkurangan dan mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu projek bekalan air Sandakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang bernilai RM482 juta akan dilaksanakan bagi memenuhi permintaan bekalan air bersih penduduk Sandakan dalam jangka masa panjang. Projek ini telah dimulakan dan dijangka dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bertujuan untuk menampung keperluan bekalan air bersih Sandakan sehingga tahun 2010. Apabila siap kelak projek ini mampu menambah pengeluaran air sebanyak 126 juta liter sehari. Pada masa sekarang kerja-kerja menyiapkan tapak dan reka bentuk sedang giat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan sudah lengkap. Ada lagi?

Tuan Chong Hon Min: [*Bangun*] [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Sandakan.

Tuan Chong Hon Min: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi dengan langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian. Setakat ini walaupun langkah-langkah telah dan akan diambil tetapi

rakyat di Sandakan pada masa ini masih mengalami kedua-dua masalah ini dengan seriusnya. Sebenarnya mereka selalu bertanya bilakah masalah ini benar-benar dapat diatasi. Dan juga salah satu masalah yang mengakibatkan kekurangan dan gangguan bekalan 'elektrik' ini ialah dari kawasan rumah setinggan yang haram kerana kecurian bekalan 'elektrik' sangat berkeluasan di kawasan setinggan ini. Saya mendapat jawapan daripada Kementerian Kerajaan Tempatan negeri bahawa mereka tidak ada bidang kuasa untuk mengatasi masalah ini, tetapi sebenarnya STSB telah memberi jawapan kepada saya bahawa STSB sendiri tidak sanggup menyelesaikan masalah ini dengan sendiri dan mereka meminta kerjasama dari pihak-pihak khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga pihak keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, sila.

Tuan Chong Hon Min: Jadi, saya ingin minta penjelasan...

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai perkara ini.

Tuan Chong Hon Min:kementerian... *[Ketawa]* Kementerian Kerajaan Tempatan mengatakan bahawa tidak ada bidang kuasa untuk bersama-sama STSB mengatasi masalah ini. Minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya pun kurang faham. Dia lari dari air kepada elektrik dan balik air, *[Ketawa]* saya pun sudah kelam-kabut sikitlah.

Seorang Ahli: Dia parti Bebas.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tetapi.... bagi *chancelah*. Sebab saya tahu keadaan air adalah teruk, keadaan bekalan elektrik adalah teruk, sebab itu Yang Berhormat minat sebagai bebas. Apa yang saya sebutkan yang siap banyak adalah kerja kecemasan yang dijalankan untuk menambah bekalan air di sana sini. Tetapi untuk jangka masa akan datang saya harap dengan pembinaan...

Tuan Chong Hon Min: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Nanti, nanti...ini apa ni. Semua dia mahu. *[Ketawa]* Projek bekalan air Sandakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan disambung di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menambahkan 125 juta liter sehari. Barangkali pada masa akan datang ia akan dibekalkan dengan air yang mencukupi, tetapi Yang Berhormat jangan ingat cukup tak cukup. Air bersih atau tidak

bersih itu pun ada masalah di Sandakan yang mana banyak paip sudah bocor, sudah pecah, kadang-kadang pun tidak tahu di mana paip itu pecah, bila air naik di atas jalan baru nampak. Kalau ia pecah di dalam tanah tidak nampak sehingga semua air pun habis pergi balik ke laut. Ini semua akan dijalankan. Elektrik adalah istimewa kepada Sabah yang mana dalam sejarah penjana kuasa elektrik ditempatkan di bandar-bandar, di Kota Kinabalu,....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Apa juga air...air...air...dengarlah. *[Ketawa]* Ini perempuan selalu kacau di dalamlah. *[Ketawa]* Saya cukup di dalam rumah, jangan masuk di sini. *[Ketawa]* Dalam sejarah bandar-bandar di Sabah dibekalkan dengan penjana kuasa bebas yang dibekalkan oleh STSB atau di IPP. Tetapi tanpa ada grid negeri di mana kalau satu penjana kuasa 'kocik' – saya gunakan 'kocik' habislah, berhenti. Tempat itu tidak dibekalkan dengan elektrik. Kebanyakan penjana kuasa ini adalah menggunakan bahan api diesel yang sekarang sangat mahal. Saya bagi contoh, kampung-kampung di pedalaman dibekalkan dengan penjana kuasa diesel 1 megawatt. Kita terpaksa kena hantar diesel melalui lori, bot kepada penjana kuasa itu dan kos jana kuasa itu sudah naik sehingga RM3.00 sekilo watt *hour*. Kalau *the cost* naik sehingga RM3.00 sekilo *hour* dan kita bekalkan kepada pengguna dengan 20 sen sekilo *hour* tentu STSB cepat muflislah, sudah bankrap.

Ini semua akan diganti tetapi apa yang mustahak ialah grid sambungan antara utara ke selatan di bahagian Pantai Timur dan utara dan selatan di Pantai Barat dan kemudian sambung antara Pantai Barat dengan Pantai Timur, dengan itu mengadakan grid baru pembahagian penghantaran elektrik boleh dibekalkan di mana-mana di Sabah tanpa penjana kuasa di mana-mana pun.

Kerajaan telah berbelanja sebanyak RM1.5 juta untuk menyiapkan sistem penghantaran ialah *State Electricity Grid*, dengan izin dan dengan itulah barangkali bekalan elektrik di Sandakan dan juga di tiap-tiap tempat di *[Disampuk]* *[Dewan riuh]* You mahu dengar atau tidak mahu dengar? *[Dewan bertambah riuh]*

Saya cakap Sabah, dia cakap Sarawak. Apa.... saya cakap Sarawak, dia cakap Ipoh Timor.

Seorang Ahli: Beri laluan.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Apa ini.....*[Dewan semakin riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Dengan itulah bekalan air di Sabah boleh dijamin. Kalau tidak ada, sampai sekarang Yang Berhormat-Yang Berhormat semua di negeri Sabah, sabar sedikitlah. Saya pun tidak boleh buat apa. Kita, kerajaan sudah siapkan banyak projek untuk negeri Sabah. Sekian, terima kasih. .

7. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta Menteri Penerangan menyatakan apakah kesan hasil daripada penjenamaan semula (re-branding) RTM dan berapakah jumlah peningkatan penonton dan sehingga kini berapa jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk ini.

Menteri Penerangan [Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Ahli Parlimen Libaran yang dikemukakan untuk dijawab pada hari ini juga dan juga soalan Yang Berhormat bagi Kudat yang dikemukakan untuk dijawab pada 28 Jun 2005. Ketiga-tiga soalan ini hampir sama, kait mengait dan memerlukan jawapan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, penjenamaan semula Radio dan Televisyen (RTM) merupakan suatu usaha yang bersungguh-sungguh Kementerian Penerangan bagi memastikan kedua-dua media rasmi milik kerajaan ini dapat berperanan sebagai saluran berkesan dalam menyebarkan dan memberikan penerangan yang sejelas-jelasnya serta memajukan pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan kerajaan untuk rakyat.

Penjenamaan semula RTM juga penting supaya ia terus relevan dan berkesan dengan keperluan, keadaan dan cabaran semasa. Kementerian Penerangan mahu memastikan semua stesen Radio dan TV RTM terus diikuti oleh masyarakat. Ini bukan sahaja kerana maklumat penting yang hendak disampaikan, tetapi juga soal keberkesanan peranannya dalam memupuk nilai-nilai murni bagi membentuk masyarakat yang progresif, dinamik dan berjaya selaras dengan Wawasan 2020.

Bagi memastikan saluran Radio dan TV kerajaan menarik dan berkesan, perancangan yang teliti telah dibuat dari segi penjadualan, kandungan rancangan dan format persembahan yang dapat memenuhi cita rasa pelbagai lapisan masyarakat. Laporan terbaru oleh AC Nielsen's bagi tempoh lima bulan pertama tahun 2005

menunjukkan jumlah penonton TV1 dan TV2 RTM meningkat kepada 37% berbanding dengan 35% bagi tempoh yang sama bagi tahun 2004.

Dari segi perolehan pendapatan TV1 dan TV2 bagi tempoh tujuh bulan selepas penjenamaan menunjukkan peningkatan sebanyak 10% kepada RM52.9 juta berbanding dengan RM48 juta bagi tempoh yang sama sebelum penjenamaan semula. Pihak kami sedang berusaha supaya angka ini dapat mencecah kepada RM150 juta tahun ini berbanding dengan RM90 juta sahaja tahun sudah.

Radio RTM pula sebanyak 32 buah stesen baru melalui penjenamaan semula yang menjangkau lebih kurang tiga bulan dan tempoh yang terlalu singkat itu adalah terlalu awal untuk sesuatu kajian keberkesanan dibuat kerana pendengar perlu diberi masa sekurang-kurangnya enam bulan untuk menghayati dan membuat penilaian ke atas penambahbaikan yang dibuat oleh Radio RTM.

Berkaitan dengan kos perbelanjaan penjenamaan semula RTM, sukacita dimaklumkan sejumlah RM120,000 dibelanjakan untuk memperolehi perkhidmatan pakar runding bagi penjenamaan dan logo baru RTM. Bagi TV1 dan TV2 yang masing-masing turut melibatkan kos sebanyak RM295,000. Kos penerbitan iklan untuk penjenamaan dan logo baru RTM pula melibatkan RM289,000 dan RM622,000 untuk TV1 dan RM471,000 untuk TV2 dan hampir RM379,000 untuk radio.

Dari segi kos pelancaran pula, pelancaran Logo RTM melibatkan kos sebanyak RM177,000, TV1 – RM402,000 dan TV2 – sebanyak RM269,000. Untuk kos pengiklanan di semua media utama pula RM262,000 dibelanjakan bagi penjenamaan semula RTM. RM877,000 untuk penjenamaan TV1 dan RM491,000 untuk penjenamaan TV2 dan RM482,000 untuk penjenamaan radio di seluruh negara.

Pada keseluruhannya perbelanjaan ini adalah rendah bagi urusan seperti ini., oleh kerana RTM banyak menggunakan jentera dan tenaga kakitangan dalaman di mana boleh. Inilah juga pendekatan yang perlu digunakan dan sedang digunakan oleh stesen-stesen penyiaran swasta untuk memberikan publisiti bagi menaikkan nama, imej dan penerimaan penonton kepada stesen mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (b) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kudat mengenai tindakan bagi memastikan slogan pertama di lokasi dan pertama

di TV itu berkesan, maka Bahagian Berita Dan Ehwat Semasa RTM telah melaksanakan pendekatan lebih sistematik dalam membuat liputan dan laporan berita.

Antara langkah yang diambil ialah dengan memastikan semua biro berita negeri sentiasa bersedia sedia menghadapi sebarang kejadian yang mungkin berlaku. Sehubungan itu, keperluan logistik terutamanya keupayaan menggerakkan *crew* berita ke mana-mana lokasi ditingkatkan. Ini termasuk menggunakan kemudahan menyewa helikopter bagi membuat liputan.

Di peringkat ibu pejabat pula, Bilik Berita di Angkasapuri dilengkapkan dengan talian *hot line* dengan semua jabatan penting seperti Jabatan Kaji Cuaca dan Polis dalam menghadapi keadaan kecemasan. Penyelarasan juga dibuat dengan semua stesen radio negeri bagi membolehkan berita-berita penting disiarkan menerusi radio terlebih dahulu sebelum susulan liputan berita TV dapat dibuat.

Bagi mendapatkan berita-berita luar negara pula, yang ada di mana Malaysia mempunyai kepentingan, RTM mendapatkan kerjasama dengan stesen-stesen TV tempatan selain melalui program pertukaran berita Asia Vision dan menggunakan khidmat koresponden rakyat Malaysia di luar negara seperti di London, Washington, Jakarta serta khidmat agensi berita asing.

Langkah bersepadu bagi mempercepatkan laporan berita, diterima juga orang RTM menerusi kerjasama dengan semua agensi di Kementerian Penerangan seperti Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwat Khas. Kakitangan jabatan-jabatan ini akan segera melaporkan kejadian-kejadian yang berlaku di seluruh negara kepada RTM di samping RTM sendiri menggerakkan kakitangannya yang terdapat di ibu-ibu negeri.

Dengan cara ini lebih banyak berita dan maklumat diterima dari ribuan kakitangan agensi kementerian ini yang terdapat di semua daerah di seluruh negara. Kerjasama ini telah pun berjalan dan kini dalam proses meningkatkan keberkesanannya. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Seperti yang kita tahu bahawa RTM merupakan saluran TV yang menjadi lidah kepada kerajaan dan kita percaya jika *re-branding* dibuat tentulah penekanan kepada *content*, isi dan sebagainya supaya RTM mampu untuk menjadi lidah kerajaan yang berjaya.

Tetapi apa yang kita nampak, jelas bahawa perubahan yang berlaku dan apa yang kita lihat ialah dari segi bukan *content*, tetapi dari segi kulit semata-mata dan kita lihat apa yang berlaku perubahan dari segi logo. Logo RTM berubah daripada RTM menjadi TV1 yang kita tidak nampak relevannya kerana BBC dan sebagainya tidak pernah menukar logo dan sebagainya yang penting adalah *content*. Begitu juga kalau kita lihat perubahan-perubahan dari segi nama seperti RIMA ditukar kepada FM Klasik, *Text Line* daripada Teman Setia Anda menjadi Saluran Infortainment dan sebagainya.

Kita lihat perkara-perkara yang bukan asas yang ditukar, bukan *content* tetapi luaran. Adakah pihak RTM hanya ingin menjadi stesen yang diminati ramai dengan bertambahnya penonton tetapi tidak menjadi saluran lidah kerajaan sebab apabila hendak menjadi saluran yang diminati ramai, tentulah program yang dibuat ingin bersaing dengan TV-TV komersial yang lain. Apa yang TV3 buat, RTM hendak buat. Apa yang NTV7 hendak buat, RTM dia buat.

Akhirnya, tidak jelas fokus sebenar RTM. Jadi apakah konsep sebenar, apakah fokus sebenar yang hendak dibuat oleh RTM?

Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat mengikuti apa yang kami lancar pada masa kami melancarkan logo-logo yang berkaitan, sudah tentu Ahli Yang Berhormat akan pasti bahawa sebenarnya kita melancarkan perubahan kepada isi kandungan (*content*). Pada hari yang kita melancarkan logo kita juga mengisytiharkan perubahan kepada isi kandungan (*content*) serentak. Jadi kalau Yang Berhormat mengikuti betul-betul semua dapat faham bahawa memang telah banyak berlaku dari segi perubahan kepada isi kandungan dan jelas dari *rating* pun kita dapati bahawa penonton kepada program-program TV1 dan TV2 dalam masa beberapa bulan ini telah meningkat dengan ketara. Jadi tidak betullah bahawa perubahannya hanya dari segi logo, tetapi kita telah menekankan dari awal-awal lagi untuk mengadakan program-program yang menarik yang dapat memajukan dasar-dasar kerajaan, dapat meningkatkan nilai-nilai kekeluargaan yang baik dan sebagainya. Jadi awal-awal lagi kita sedar dan sepanjang masa kita sedar bahawa RTM adalah hidup dengan wang rakyat maka kerja dan tujuan utama kita adalah untuk memajukan semua dasar kerajaan, sebuah kerajaan telah pun dipilih oleh rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahi-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya akhiri sesi soal jawab lisan. Setiausaha silakan.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**Ijazah Perubatan Crimea State Medical Univercity (CSMU)
- Menarik Balik Pengiktirafan**

11.13 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengemukakan usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincang satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu keputusan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) untuk menarik balik pengiktirafan terhadap ijazah perubatan *Crimea State Medical Univercity* (CSMU) di Ukraine. CSMU merupakan universiti yang paling besar sama ada di Malaysia atau di seluruh dunia yang memiliki tumpuan pelajar Malaysia tertinggi yang mengikuti pengajian perubatan iaitu 1,100 pelajar Malaysia antaranya 300 orang pelajar Melayu, 240 orang pelajar China 74 orang pelajar India dan 25 lain-lain kaum. Antaranya pelajar-pelajar tajaan kerajaan dan lain-lain agensi seperti Angkatan Tentera Malaysia, MARA, Yayasan Selangor, Yayasan Terengganu, MIED, KOJADI dan berbagai-bagai bank.

MMC tidak akan dipersalahkan kerana enggan berkompromi atas isu keselamatan pesakit atau dalam usahanya untuk memastikan bahawa para pelajar Malaysia yang mengikuti kursus perubatan sama ada di dalam atau di luar negeri dilatih sebagai doktor yang berkualiti apabila mereka habis pengajian nanti dan bukannya tertipu tetapi MMC haruslah bertindak secara adil, telus dan anjal kalau tidak ianya tidak boleh merungut kalau dituduh sebagai memiliki motif tersorok sebagaimana yang diperkatakan oleh Presiden MIC Dato’ Seri S. Samy Vellu bahawa MMC bertujuan menyekat pelajar-pelajar India terbaik daripada dilatih menjadi doktor melainkan

sekiranya standard CSMU adalah terlalu rendah sehingga tidak dapat ditebus dan sepatutnya tidak diiktiraf walaupun pada tahun seawal 2001 dahulu adalah lebih adil dan betul sekiranya CSMU diberikan *grace period* untuk mematuhi segala keperluan demi mengatasi apa-apa kekurangan yang ditemui oleh MMC dan bukannya mengumumkannya menarik balik pengiktirafannya secara sembarangan satu pihak dan mutlak. MMC harus dengan segera mengetepikan keputusannya atas isu pengiktirafan ijazah perubatan CSMU mengumumkan kekurangan yang terdapat pada program perubatan CSMU dan memberikan *grace period* kepada CSMU untuk membuat pembetulan yang sepatutnya sebelum satu keputusan akhir mengenai isu pengiktirafan ijazahnya dibuat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Ipoh Timor pada 20 Jun 2005. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara tertentu; yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai; dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa (a) Tertentu - perkara ini adalah perkara yang tertentu; (b) Syarat kepentingan bagi orang ramai - ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan (c) Berkehendakkan disegerakan - perkara ini juga perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan.

Mengikut Peraturan 18(3)(b) usul ini hendaklah ditempohkan hingga 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG AGENSI PEKERJAAN SWASTA (PINDAAN) 2005****Bacaan Bagi Kali Kedua dan Ketiga**

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” **[20 Jun 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat daripada Jerai menyambung berucap.

11.18 pagi

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap panjang kerana saya telah berbahas agak panjang lebar semalam, cuma saya hendak menekankan bahawa masalah penubuhan agensi pekerjaan swasta ini tidak akan selesai kalau tidak ada pengawasan dan pengawalan yang berterusan dan serius kerana setiap agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan selalunya menemui kegagalan disebabkan oleh tidak ada pemantauan yang cukup dan sempurna. Kadang-kadang agensi-agensi ini pula menyusahkan walaupun matlamat dan hasrat kerajaan itu adalah untuk kebaikan. Di sini saya berharap bahawa apabila Akta Agensi Pekerjaan Swasta ini kita luluskan pada hari ini insya-Allah ia akan membawa kebaikan kepada kementerian dan juga kepada pekerja-pekerja. Dan saya berharap supaya kerajaan menekankan tentang majikan itu penting supaya majikan ini memainkan peranan yang baik untuk membantu kerajaan dan membantu masyarakat kita yang memerlukan pekerjaan.

Saya jarang dengar yang majikan-majikan ataupun syarikat-syarikat cuba hendak membantu kerajaan dari segi mengambil anak-anak kita yang berjaya dalam bidang pendidikan ini, yang keluar dari universiti dan sebagainya. Yang kita dengar ialah orang mengkritik kerajaan kerana tidak dapat meletakkan anak mereka atau mencari pekerjaan untuk anak-anak mereka. Apakah syarikat-syarikat dan juga badan-badan perniagaan ini berpakat dan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia ini

untuk meringankan beban kerajaan untuk *absorbkan* mereka ini di dalam syarikat-syarikat mereka.

Mereka juga mesti bertanggungjawab sebagai syarikat yang berdaftar di Malaysia, mereka bertanggungjawab untuk membantu kerajaan untuk meletakkan pelajar-pelajar kita ini di tempat-tempat yang sewajarnya. Jadi, inilah yang menjadi masalah hari ini bahawa apa sahaja yang dihadapi, kerajaan semata-mata yang harus menyelesaikan sedangkan syarikat-syarikat ini mengaut keuntungan yang berjuta-juta ringgit, beratus-ratus juta ringgit daripada hasil perniagaan mereka di atas dasar yang kita bubar di Dewan Rakyat ini untuk mempertingkatkan ekonomi di dalam negara kita ini. Apakah sumbangan balas mereka balik kepada masyarakat?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang Di Pertua. Saya tertarik apabila Yang Berhormat bagi Jerai memberitahu bahawa adakah syarikat-syarikat turut membantu. Saya hendak memaklumkan sebagai maklumat tambahan kepada Yang Berhormat bagi Jerai, dua bulan lepas, -Eeh! Sebulan lepas, UMNO Negeri Kelantan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia mengadakan satu karnival. Nama karnival ini ialah Karnival Sure Kerja, di mana 40 buah syarikat datang membuka *boothnya* masing-masing dan menawarkan kerja kepada hampir 4000 orang pekerja dan majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia. Alhamdulillah, orang Kelantan yang berpuluh ribu tidak ada kerja sekurang-kurangnya dapat diselesaikan dengan 4000 orang pekerja, akibat daripada Karnival Sure Kerja ini. Jadi, sebagai sambutan daripada seruan Yang Berhormat bagi Jerai tadi memang telah ada, yang saya tahu telah dibuat oleh UMNO Negeri Kelantan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, itu semangat UMNO Negeri Kelantan, baguslah itu. Insya-Allah dapat balik ke BN. Ini salah satu. Jadi bermaknanya sukses dari segi idea yang diutarakan oleh pihak UMNO Kelantan dan 4000 dapat kerja. Jadi, kita akan berusaha dan ini adalah satu program yang baik.

Semalam saya terima SMS daripada seseorang pasal saya bercakap pasal ini, dia kata, “*Kami pelajar-pelajar universiti juga memerlukan pekerjaan dengan kerajaan.*” Kerana saya menegur sedikit supaya mereka ini melibatkan diri dalam bidang perniagaan Mereka kena sedar bahawa perniagaan itu lebih baik pendapatannya daripada pekerjaan makan gaji ini. Jadi yang pentingnya orang yang berniaga ini, Insya-Allah, kalau dia berniaga dengan betul, dengan jujur, dia akan berjaya. Kita lihat orang makan gaji dia hidup senang saja tetapi dia tidak boleh kaya tetapi orang berniaga dia boleh kaya. Orang makan gaji dia boleh hidup senang, wakil rakyat dia hidup serba kekurangan, pening banyak saya pun ada ubat, *pill killer* dalam beg, kena makan, kalau tidak dia tangkap kepala.

Jadi, kalau kita hendak berjaya, rezeki dia Tuhan kata, melimpah dari segi perniagaan. Pergilah berniaga. Rasulullah pun suruh umat dia mengurus niaga. Jadi, ini penting sebab itulah syarikat ini berniaga kerana berniaga dia boleh create employment, pekerjaan tetapi saya hendakkan supaya peluang ini, keutamaan ini diberilah kepada orang-orang kita, rakyat tempatan. Dan, Kementerian Sumber Manusia kena menjalankan tugas dengan tegas, dengan bertolak ansur, macam yang saya kata kelmarin, anak-anak kita ini harus dipelihara dahulu sebelum kita hendak jaga anak orang.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharap supaya syarikat-syarikat, kilang-kilang yang melabur di dalam Malaysia ini, kita harus juga memberi mereka satu, tauke-tauke mereka ini, *expatriates* yang masuk ini, supaya sebelum mereka menjalankan tugas mereka ini mereka harus diberitahu tentang budaya Malaysia. Budaya Malaysia itu kita harus beri kepada mereka supaya mereka memahami bagaimanakah kita, rakyat yang berbilang bangsa ini dapat hidup dalam sebuah negara yang aman tenteram dan juga ekonominya membangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kepong kelmarin pakai baju merah, hari ini pakai baju warna apa pula. *[Disampuk]* Oren. Dia sekarang ini sudah *glamour*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dekat *neck tie*, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dekat *neck tie*, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Neck tie* saya ambil, baju dia ambil. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dan yang oren juga itu [Sambil menunjuk ke arah seorang Ahli], yang sebelah pun, tidak disebut. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan itu. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bagi Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Arau bukan Arau.

Seorang Ahli: Jerai.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Jerai, saya tahu bukit dia 5000 kaki, lebih sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan ini tidak berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Gunung Jerai, dia sedikit lebih daripada 5000 kaki. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat bagi Jerai sedar bahawa sekarang kita menghadapi masalah kekurangan pekerja-pekerja yang mahir dan separuh mahir, yang dapat memenuhi kehendak pra nasional. Mereka pergi ke China ataupun Vietnam ataupun ke negara-negara yang lain kerana di situ ada ramai yang hendak bekerja dengan mereka dengan syarat mereka dan di Malaysia ini macam mana kita dapat memenuhi kehendak itu pelabur-pelabur asing.

Saya faham kalau mereka itu dapat mengerti dan memahami kebudayaan kita, agama kita dan sebagainya, itu baik tetapi macam mana kita dapat menyesuaikan diri di dalam dunia yang wujudnya persaingan yang hebat. Sekarang, Tuan Yang di-Pertua pun tahu banyak kilang telah ditutup kerana pergi ke negara yang lain. Macam mana Yang Berhormat kita dapat menyelesaikan masalah ini. Saya tengok ucapan itu memang lantang tetapi masalah macam mana kita dapat mengatasi, termasuklah itu dengan pembantu-pembantu rumah dan sebagainya. Saya setuju itu penguatkuasaan itu tidak baik, tidak cukup berkesan, tidak sempurna, tetapi macam mana kita selesaikan masalah ini kerana orang kita tidak mahu kerja, tidak mahu kerja. Macam mana kita

hendak selesaikan kerana saya tidak nampaklah penyelesaian cuma suara yang lantang saja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terutamanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Berhormat bagi Kepong jangan mengecil-gecilkan Gunung Jerai kerana nama Malaya itu adalah kerana gunung itu, kerana pelayar-pelayar India bila dia datang dahulu ke Malaya dia tengok gunung dia kata Malaya. Malay dalam bahasa India itu gunung kalau tidak silap saya, jadi di situlah maka lekat nama Malaya dan hari ini Malaysia. Jadi Kepong kena ingat. Kepong pelayar-pelayar India tidak kata Keponglah. [Bercakap ala Cina] [Ketawa].

Saya bersetuju sebenarnya saya ucap tahniah dan terima kasih kepada macam Pusat Giat Mara, vokasional dan sebagainya, ditubuhkan oleh kerajaan untuk memberi, melatih rakyat kita ini dari segi tenaga kemahiran, pakar dalam bidang elektronik, pakar dalam bidang mekanikal dan sebagainya. Ini kepada mereka yang mungkin tidak dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan dan alihkan kepada bidang kemahiran supaya mereka dapat dan apabila mereka bekerja dengan kilang-kilang mereka telah ada basic keperluannya. Untuk menyelesaikan masalah ini, Yang Berhormat bagi Kepong, dia mudah saja kita jangan *smear* nama Malaysia. Yang Berhormat bagi Kepong adalah Naib Presiden kepada DAP, tolong beritahu pada pembangkang, DAP jangan buruk-burukkan nama Malaysia supaya pelabur dapat masuk ke Malaysia dengan banyak, mereka confident dan percaya kepada Malaysia, mereka percaya bahawa Malaysia ini negara yang baik, Malaysia ini negara yang membangun tetapi kalau pembangkang dok kata Malaysia tidak bagus, kerajaan tidak adil.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Seputeh, apa hal...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Seputeh pun merah hari ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya yang memburuk-burukkan imej kerajaan dan nama baik Malaysia bukanlah parti pembangkang, sebenarnya Barisan Nasional sendiri yang telah memburukkan imej kerajaan kerana apa yang berlaku ketidakadilan, undang-undang yang tidak adil, dasar

yang tidak adil dan juga korupsi yang berleluasa dalam perkhidmatan awam kita, kesemua ini sebenarnya yang telah memburukkan nama baik kerajaan. Setujukah Yang Berhormat bagi Jerai?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Sudah tentu saya tidak setuju kerana ini menghina saya sebagai Ahli Parlimen Barisan Nasional dan keputusan pilihan raya membuktikan bahawa Barisan Nasional kerajaan yang adil. Kalau tidak, sudah tentu rakyat menolak Barisan Nasional dan rakyat telah menolak pembangkang kerana kerusi majoriti dahulu tahun 1999 telah kurang, tinggal satu blok sahaja, itu pun tidak hadir ramai dalam Dewan Rakyat. Ada lagi? Inilah Menteri dan Timbalan Menteri kata "nyet, nyet, nyet" ini, ini okay.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional menang kerana politik wang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup, cukup, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kita tahu, tengok ini New Straits Times – *Money politic in UMNO; big fish hold up*, dan sembilan orang EXCO UMNO kena siasat. Ini yang menjatuhkan imej Barisan Nasional.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *Point of order! Point of order!*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini menunjukkan parti Yang Berhormat itu sebenarnya begitu korup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Eh larilah, itu soalan lainlah. Apa Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, sekarang kita bukan bincang Akta Pilihan Raya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Itulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, teruskan kepada akta yang kita bincangkan; pekerjaan swasta.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Kepong, tolong beritahu anak buah Kepong, Peraturan Mesyuarat pun tidak faham. Kita bercakap tajuk lain, dia buka tajuk lain, tidak boleh. Dia kena buka tajuk yang tertentu, bukan boleh buka "memanjang", tidak boleh. Jangan dok buka selalu, Kepong!. Jadi Kerajaan Barisan

Nasional telah diberi kepercayaan oleh rakyat. Sejak kemerdekaan, tidak ada lagi sebuah negara di dalam dunia yang boleh memerintah daripada menuntut kemerdekaan, mengisi kemerdekaan dan terus untuk maju ke hadapan membangunkan negara, tidak ada lagi! Tunjuk saya parti yang boleh memerintah. Di Taiwan pun kalah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, bolehlah balik kepada tajuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* Ini semangat Tuan Yang di-Pertua, semangat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya Ketereh, silakan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Daripada semalam, saya mendengar tuduhan, tohmahan, dan kata nista daripada sahabat-sahabat kita di sebelah; macam-macam. Ada yang mengatakan bahawa adanya buruh asing di negara ini kerana mereka rapat dengan kepimpinan UMNO. Baru sekejap kononnya kita burukkan diri kita sendiri. Tetapi yang nyata, jelas Tuan Yang di-Pertua ialah negara ini adalah sebuah negara yang paling makmur di Asia Tenggara, kalau tidak kenapa dia jadi tumpuan orang Indonesia, kenapa dia jadi tumpuan orang India, kenapa dia jadi tumpuan pekerja asing untuk datang ke negara ini? Mengapa dia tidak pergi ke Vietnam? Kenapa tidak ke Thailand? Kenapa tidak ke Singapura? Tetapi ke Malaysia. Jelas terbukti bahawa negara ini makmur, aman dan damai dan di negara inilah pembangkang menikmati kebahagiaan dan kemuliaan di Dewan yang mulia ini. Jangan menidakkan fakta yang sebenarnya. Apakah Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju dengan saya kalau saya katakan bahawa apa yang perlu kita buat ialah satu sistem persamaan ataupun balancing di antara permintaan pekerja asing dengan kehendak sebenarnya kerana pada pandangan saya, saya masuk tajuk yang kedua, bukan soal pembangkang, tajuk asal.

Yang saya perhatikan sekarang ialah, yang menjaga soal keperluan pekerjaan sama ada dari segi profesional, separuh mahir dan mahir ialah Kementerian Sumber Manusia. Tetapi yang mengawal kemasukan pekerja asing ialah Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri, tentu ada sebab tetapi penjelasan yang saya pohon daripada Yang Berhormat bagi Jerai ialah apakah Yang Berhormat Jerai ingin mencadangkan kepada kedua-dua kementerian ini untuk mengadakan satu jawatankuasa khusus supaya terdapat satu balance, saya persamaan antara permintaan dengan kemasukan yang sebenar sebab yang menjadi kerisauan kepada saya, yang menyebabkan pembangkang tuduh ini ialah kerana ada orang mengatakan bahawa kemasukan pekerja asing ini masuk bukan untuk memenuhi kehendak pasaran kerja tetapi kemasukan pekerja asing ini masuk ialah kerana untuk memenuhi kehendak orang yang hendak membawa masuk pekerja sehingga pekerja membawa masuk pekerja asing sudah menjadi satu industri. Ini sebenarnya persepsi yang bermain di otak kotor pembangkang. Maka, saya minta Yang Berhormat bagi Jerai menjelaskan perkara ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Pertama saya hendak menjelaskan baik dan tidak baiknya Kerajaan Barisan Nasional. Kita bayar gaji pembangkang untuk kritik kerajaan. Kita bagi Ketua Pembangkang *special facilities* dekat dia. Mana ada? Tidak ada dalam dunia, pergilah cari Seputeh, Bukit Mertajam pun tidak ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Kami dilantik, dipilih oleh rakyat, bukan Yang Berhormat tau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yalah, haiya [*Ketawa*] Sedikit cakap sudah marah macam itukah? Jadi, kita kena terima dan pembangkang kena terima kenyataan bahawa pergilah cari di dunia lain kalau ada negara seperti Malaysia, pergi. Saya akan belanja dia orang duit untuk terbang seluruh dunia kalau dia tunjuk sebuah negara lain yang seperti Malaysia, kalau dia tidak boleh tunjuk, dia bayar balik kepada saya. Kalau depa boleh tunjuk ada, saya hendak bayar kepada depa tetapi naik *economy class*, itu boleh. Kita tengok Amerika, sebuah negara yang membangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, ini kalau tidak bagi pun kacau. Hendak pergi *overseas* Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Jerai kerana membahaskan rang undang-undang ini. Kita tidak dapat nafikan bahawa negara kita menjadi tempat yang dikatakan syurga bagi pekerja-pekerja asing untuk menampung kehidupan mereka. Ada empat yang di dalam fikiran saya, kalau Yang Berhormat bagi Jerai setuju, kalau tidak, Yang Berhormat bagi Jerai boleh tambah. Ada empat perkhidmatan yang kita perlukan kepada tenaga asing kerana kekurangan ataupun kurang minat pekerja-pekerja yang banyak juga menganggur, yang ramai juga menganggur dalam negara kita iaitu sektor pembinaan, sektor perkhidmatan, sektor perladangan dan sektor yang paling banyak – pembantu rumah.

Dalam menangani masalah keperluan pekerja-pekerja asing, kerajaan kita ada atau tidak angka-angka yang tertentu, yang telah pun disenaraikan di peringkat Kementerian Sumber Manusia umpamanya. Berapa pekerja asing yang diperlukan dalam sektor pembinaan, dalam sektor pembantu rumah, perkhidmatan, perladangan? Dan tenaga buruh negara mana yang sesuai? Seperti tenaga buruh daripada Indonesia – pembinaan, perladangan dan juga pembantu rumah. Tiga sektor pekerjaan ini, hampir dimonopoli oleh pekerja-pekerja Indonesia. Tetapi apabila kerajaan mengumumkan 100 ribu pekerja daripada Pakistan, di mana keperluan tenaga pekerja daripada Pakistan? Apakah dia sesuai dengan pembinaan? Saya rasa sudah barang tentu Jerai tidak akan hendak pembantu rumah daripada Pakistan, bahaya kalau yang lelaki, kalau yang perempuan, yang perempuan pula cemburu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa itu baiklah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah banyak, sudah banyak perkara....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, Jerai ini dia suka soalan panjang-panjang macam itu Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya takut dia tidak faham Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia faham? Datuk faham?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Datuk faham, saya rasa Jerai, jadi macam mana dengan Pakistan? Di mana hendak letakkan? Di mana sektor yang sesuai dan kita takut Pakistan datang, masalah sosial pula. Nanti dia berniaga jual karpet, masuk kampung keluar kampung, ini bahaya [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini satu perkara yang penting Datuk, terlalu penting ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang penting, baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia jual karpet besar, karpet kecil pula yang hilang, itu tidak tahu macam mana Jerai punya pendapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, banyak perkara yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Sri Gading; tentang angka-angka yang dipohon itu, kalau Yang Berhormat tidak tahu, boleh jawab secara bertulis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya akan beri jawapan secara bertulis [*Ketawa*] Memang, semalam saya bangkitkan. Saya berharap bahawa, macam pandangan Ketereh itu baik kerana kita adakan dengan izin, *joint committee* di antara Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, keperluannya. Kalau sektor pembinaan, keperluannya banyak mana? Setelah ditolak perkiraan, anak-anak tempatan telah diberi peluang untuk berkhidmat. Kemudian sektor lain begitulah; pembantu rumah dan sebagainya. Sekarang ini tidak ada, kadang-kadang dia import bawa masuk, seolah-olah macam berniaga pula, import kereta baru hendak dijual di Malaysia.

Jadi kita bukan hendak memperdagangkan manusia, tidak. Sekarang ini sistem memperdagangkan manusia, kita tidak mahu macam itu. Kita mahu, dia orang datang ada tempat untuk bekerja dan sebagainya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? Ini lagi kacau, silakan. Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jerai. Kalau tidak silap, Yang Berhormat mungkin juga tahu memang terdapat unsur-unsur perdagangan manusia, perdagangan buruh asing ini khususnya dalam sektor perladangan.

Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan apa pun bentuk akta yang kita ubah suai tanpa ada ketelusan, tanpa ada kesungguhan, tanpa ada kemahuan daripada pihak kerajaan. Semua akta itu tidak akan dapat diguna pakai secara berkesan. Contoh dia, di sektor perladangan di kawasan Parlimen saya. Ladang yang mempunyai keluasan 20 ribu hektar, dia buat deklarasi pekerja asing cuma 100 orang. Bermakna dia mengerah buruh secara paksa, sedangkan pada hakikatnya dia memerlukan 1500 orang. Bermakna 1300 lebih itu dia buat *smuggle* ataupun dia dagang secara tidak sah untuk mengelak pembayaran cukai, levi dan sebagainya. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kerajaan lebih peka dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi ini sebab kita mengalami kerugian. Terima kasih Yang Berhormat Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, sebab itu Yang Berhormat Kinabatangan semalam menyatakan bahawa majikan ini harus dipertanggungjawabkan Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan kalau dia buat silap pegang majikan ini dan jangan lepas. Kalau seorang dua sudah kena, insya-Allah yang lain akan akur. Jadi di sini tidak payah kita guna RELA, tidak payah kita belanja duit bermilion-milion macam Yang Berhormat bagi Kepong kata kelmarin. Tidak payah kita anggap kita kurung dan sebagainya hendak hantar balik. Ini adalah perkara yang cukup *messy* kalau kita tengok. Yang pentingnya ialah majikan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Masalahnya Yang Berhormat, belum pun pernah ada majikan yang didakwa. Jadi saya bukan menuduh. Cuma saya meminta pegawai-pegawai agensi penguat kuasa, saya mahu tanya kenapa tidak ada yang kena tangkap? Kenapa tidak ada yang kena hukum di mahkamah? Ini bermakna ada unsur-unsur penyelewengan di antara agensi penguat kuasa dengan pihak-pihak atau tauke-tauke ladang ini. Minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju dia bukan susah sangat. Kalau kita tangkap pendatang tanpa izin di ladang Kinabatangan contohnya, kita tangkap orang itu, kita ambil dia. Kita pergi ambil Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dia tauke. Jadi dia bertanggungjawab. Kalau kita pergi *construction site* ataupun tapak pembinaan dan syarikat yang bertanggungjawab itu ada di situ, tangkap pendatang ambil sekali dengan syarikat-syarikat yang bertanggungjawab cukup mudah. Tetapi tidak boleh buat. Saya tidak faham. Tak reti hendak fikirkah? Sudah itu kita ini duduk hendak pinda akta.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Padang Terap dan Yang Berhormat bagi Sri Gading. bangun. Mana satu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bagi Yang Berhormat Padang Terap sebab hendak seimbangkan bahasa saya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kita sudah maklum bahawa kita ada Dasar Perburuhan Negara (DPN). Di antara dasar itu ialah hendaklah menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Kalau tidak kita berikan *training* kepada mereka untuk memenuhi hasrat sektor swasta atau kerajaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju, dasar ini telah pun dilaksanakan ataupun tidak dipraktikan oleh kerajaan pada hari ini. Itu soalan saya pada Yang Berhormat bagi Jerai. Kita ada dasar, adakah dasar ini dilaksanakan ataupun tidak. Mengapa kita ambil terlampau ramai pekerja asing untuk bekerja di sektor swasta di negara kita, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang kita ada dasar. Dasar dia sudah elok. Cuma dari segi implementasi dia dari segi kawalan itu lemah. Contoh saya ambil, ini saya ambil sendiri. Tenaga Nasional Berhad. Satu syarikat milik kerajaan. Budak-budak keluar dari universiti diberi kursus selama dua tahun di situ, training atas dasar kerajaan, iaitu pelajar-pelajar universiti itu diserap masuk untuk Tenaga Nasional selama dua tahun. Tetapi, apabila hendak rekrut, budak-budak ini diketepikan kerana tidak cukup point dia. Hendak ambil yang tinggi. Jadi yang dua tahun dia berkursus di situ, dua tahun dia bekerja di situ, buang masa, sedangkan

budak ini berpengalaman. Jadi inilah kadang-kadang mereka tidak memahami dasar. Jadi tidak adil, kawan ini sudah dua tahun berlatih di situ, diajar di situ dan bekerja di situ, akhirnya diketepikan kerana tidak cukup dia punya point.

Ini tidak sepatutnya berlaku. Inilah yang saya minta bahawa Kementerian Sumber Manusia kena kaji, duduk elok-elok dan kena *enforce*kan benda-benda macam ini,. tidak boleh bertolak ansur. Kalau tidak rakyat akan marah kepada kita. Ini pelajar ini Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Pelajar ini semua akan keluar, mana kita hendak bubuh depa selain daripada kalau depa sanggup pergi berniaga baguslah. Kalau depa hendak kerja, dasar ada, dasar baik, kawalan tidak baik, akhirnya dasar itu menjadi tidak baik, sila Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Kita mengimport pekerja-pekerja asing kerana hendak menyelesaikan masalah kekurangan tenaga pekerja dalam sektor yang saya sebutkan sebentar tadi. Maknanya ambil pekerja asing hendak menyelesaikan masalah kekurangan pekerja. Satu tindakan yang bijak, dan baik. Tetapi dengan hadirnya pekerja asing yang berjumlah 1 juta lebih, dia menimbulkan masalah baru. Kita tidak tahu bagaimana kementerian hendak mengatasi masalah ini, di pihak berkuasa tempatan seperti Jabatan Agama umpamanya, tidak terdaya untuk mengambil tindakan. Sebagai contoh di kawasan saya ada tiga kawasan perindustrian yang terlibat dengan pekerja-pekerja asing. Pekerja Indonesia perempuan berasmara dengan pekerja Bangladesh. Bergayut di *phone booth* ataupun dekat kawasan-kawasan gelap yang berhampiran tempat rumah masing-masing.

Kita serbu dia dengan JKK serbu, dia kata dia bukan Islam. Kemudian, dengan pekerja-pekerja Philipine, dia pun bukan Islam. Jadi tenaga ataupun kuasa tempatan hendak mengatasi tidak dapat. Kita adu kepada majikan, majikan kata itu di luar kawalan dia. Maka anak-anak muda kita melihatlah perlakuan itu. Dia pun kadang-kadang ambil juga kesempatan untuk kalau ada peluang pikat sama ada gadis Indonesia atau Philipine dan gadis-gadis pekerja Indonesia ini pula, kalau budak-budak kita cuba berapat dengan dia, memang dia kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan dengan

harapan kalau boleh kahwin dengan orang sini supaya dapat menjadi warganegara Malaysia. So, masalah ini macam mana nak selesaikan. Ini satu.

Saya juga didatangi oleh pekerja Bangladesh yang sudah pandai cakap Melayu, cerita dengan saya, apabila pekerja asing ini bekerja di kilang-kilang, dia hendak mengerjakan sembahyang Jumaat, majikan dia tidak peduli kerana majikan pun tahu mereka ini tidak akan ada sesiapa yang membela. Dia bukan ahli UMNO. Tidak ada cawangan, ketua cawangan, ketua bahagian UMNO hendak membela dia. Jadi dia tahu, wakil rakyat UMNO Barisan Nasional boleh memperjuangkan dia. Kita adukan kepada majikan, majikan buat tidak tahu. Pada dia pekerja asing bukan menjadi tanggungjawab kerajaan yang ada ini dari segi agama. Ini masalah. So, macam mana Yang Berhormat bagi Jerai yang bijaksana hendak menjawab soalan saya ini kalau tidak, serah sahaja kepada Menteri. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: "Kecil tapak tangan, nyiru ditadahkan". Sebenarnya kadang-kadang yang bertadah itu semua mak ai! Yang ini kita kena jaga, hal-hal lain itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menasihati Menteri untuk memberi jawapan kepada Sri Gading lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Banyak lagi ke Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya dah nak habis. Saya bersetuju memang bermasalah tapi kita kena registerlah depa ini. Jadi keperluan pasaran itu harus seimbang dengan keperluan yang kita hendak bawa masuk. Saya hendak minta supaya kita jangan memperdagangkan mereka. Mereka ini manusia macam kita juga, tidak boleh kita bawa mai masuk tinggal dengan anak. Allah!..berkapar-kapar orang Kedah kata. Makan tidak tentu arah, kadang-kadang kasihan kita tengok. Depa ni bukan mergastua macam Kepong kata, depa manusia, depa ada hak, depa juga makhluk daripada Tuhan, hamba Allah ini. Tetapi kalau kita buat macam tu tanggungjawab akhirnya akan balik kepada kita.

Jadi *culpritnya* dalam kes ini ialah majikan. Ya, Santubong, ada apa? Apa dia? Minta maaf, ingat Santubong minta penjelasan. Jadi saya hendak minta bahawa hari ini dalam Parlimen ini kita fokus tentang majikan. Jangan dok tangkap pelarian ni, dia mai kerana majikan ambil, kalau majikan tak ambil, dia tak akan datang. Kalau kita tidak

employed orang yang tanpa izin ini, tak akan mereka hendak datang. Kalau semua majikan pegang dan patuh pada undang-undang, tidak akan ada pendatang tanpa izin. Inilah menjadi masalah kepada kita hari ini. Pendatang tanpa izin masuk kerana mereka ada pekerjaan, dan apabila mereka ini dianiayai, mereka ini tidak ada tempat untuk merayu ataupun merintih.

Jadi mintalah semua Kementerian balik kepada situ sahaja, macam saya katakan tadi. Kalau di tapak pembinaan itu ada pendatang haram, pegang dia, pegang dengan tauke dia, selesai masalah. Sebat tauke dia dalam kawasan pembinaan itu juga, jatuh hukum, sebat *time* itu. Kalau ladang getah jatuh hukum, panggil semua pekerja tibai tauke dalam ladang getah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketereh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jerai. Saya lama cuba menyelami perkara ini dan mengikuti ucapan Jerai daripada semalam. Hasil daripada kedatangan pekerja asing yang begitu ramai ke negara kita, maka timbul banyak gejala sosial. Yang datang pembantu rumahnya perempuan Indonesia dan Filipina. Mereka duduk di sini tiga tahun, mereka ada keperluan mereka. Yang datang pekerja laki-laki daripada Pakistan, India, dan Bangladesh duduk sini dua tiga tahun. Kadang-kadang macam ada satu *matching* di antara pekerja pembantu rumah Indonesia dan Filipina ini dan pekerja laki-laki daripada Pakistan, Bangladesh dan India ini. Mereka memerlukan kehendak fizikal mereka, maka akhirnya timbul masalah sosial dan banyak berlaku perkahwinan dan hubungan di antara kedua mereka ini. Dan orang Pakistan, orang Bangladesh yang datang lebih handsome dari saya, lebih handsome dari Jerai - Shah Rukh Khan dan akhirnya berlaku masalah gejala sosial ini.

Maka saya minta Jerai sampaikan kepada Kementerian Sumber Manusia atau Kementerian Dalam Negeri, bagaimana kita selesaikan masalah sosial ini selain daripada anak muda kita disapu bersih oleh mereka, ada kala nya penjual-*carpet* dan sebagainya. Ada filem mengenai perkara ini, cerita seorang perempuan, saya lupa nama cerita itu. Penjual *carpet* masuk kampung akhirnya terjadi peristiwa yang kita tidak mahu terjadi.

Gejala sosial ini berlaku kerana kita menangani masalah pekerja asing untuk menyelesaikan masalah kerja, *natures* kita menyelesaikan masalah negara ini *natures*, tidak seluruh. Kita terpaksa mencari pekerja asing yang ramai kerana kita ada matlamat, 2020 mahu negara maju maka banyak *construction* perlu dibuat, banyak perkara dibuat. Tak cukup pekerja dalam negeri, bawa orang luar, tak cukup Bangladesh bawa Pakistan, tak cukup Pakistan bawa Indonesia, okey ada matlamat. Tetapi bagaimana satu penyelesaian holistik yang dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia, apakah ia selari dengan Kementerian Dalam Negeri? Penjelasan, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju Yang Berhormat Ketereh iaitu dua Kementerian ini berpakatlah. Apa salahnya berpakat bagi elok-elok? Kemudian majikan ini harus juga bertanggungjawab. Bila dia *employed* pekerja-pekerja ini tanggungjawab dia dipanggil anak buah, kerana pekerja juga mendatangkan rezeki kepada tauke, syarikat. Ini macam kita meniagaalah, kalau saya ada duit berjuta pun Tuan Yang di-Pertua, kalau saya suruh *salesrep.* tidak buat kerja, pekerja saya tak buat kerja, modal itu akan habis saja, hancur. Begitu juga ini, tenaga pekerja ini adalah sebahagian daripada keluarga kita, konsep ini harus disemai kepada majikan-majikan. Jangan anggap depa ini sebagai kuli, sebagai *slave*, tak boleh kerana depa manusia macam kita, bernafas, makan nasi dan ada juga kehendak macam kita.

Jadi kalau mereka ini dibimbing, tauke tu bertanggungjawab kalau anak buah dia buat perangai, dia bertanggungjawab maka benda ini dapat kita atasi. Jadi saya berharap sekali ini pihak Kementerian, dua-dua Kementerian ini duduk, matlamat dia hari ini panggil majikan bagi *warning* yang terakhir. Kalau kamu orang masih tidak bertanggungjawab hanya hendak mengaut keuntungan, maka pihak kerajaan tidak akan bertolak ansur, kita akan bertindak. Kalau ini boleh dilakukan InsyaAllah, masalah pekerja-pekerja tempatan dan juga luaran ini akan dapat kita atasi. Ini harus dipercepatkan oleh pihak Kementerian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di penghujungnya kita sama-sama memandang jauh ke hadapan. Rezeki makmur di negara kita tetapi kita tidak mahu negara, rakyat kita menjadi mangsa di atas limpahan rezeki yang tuhan bagi ini. Kepada pendatang asing pun, kita nak nasihatkan daripada Dewan Rakyat yang mulia ini, boleh datang ke

Malaysia bekerja ikut undang-undang dan peraturan Malaysia dan hormat-menghormati rakyat sesama kita ini.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Akhir sekali sebelum Jerai tutup sebab saya tak ingin berucap, saya hanya hendak minta dan saya minta Timbalan Menteri bila menjawab... Menteri tiada? Oh, Timbalan Menteri akan menjawab. Itulah masalahnya kita, itu satu masalah lagi. Tidak apalah, Timbalan Menteri kerja dia ganti Menteri. Saya nampak di negara kini, saya sebut tadi pembawa pekerja asing adalah merupakan satu industri, seolah-olah majikan ini bila dia bawa pekerja masuk maka habislah tugas dia. Tugas mereka ialah hanya bawa pekerja asing, selesai bawa pekerja asing maka selesailah tugasnya.

Masalah sosial, masalah perkara-perkara lain diserahkan kepada kerajaan, akhirnya kerajaan terpaksa menanggung beban daripada dasar membenarkan membawa masuk pekerja asing. Apakah tidak boleh Jerai, kita buat satu dasar yang menyeluruh yang mana tanggungjawab pekerja ini juga macam Jerai kata tadi, bukan saja tanggungjawab kerajaan, ini *you pass the problem to* kerajaan, duit syarikat ambil tetapi masalah lain kerajaan tanggung. Akhirnya Parlimen negara terpaksa tanggung masalah yang sebenarnya kita cari sendiri. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Memang benar Ketereh, kita belanja bermilion, berjuta-juta ringgit untuk menyelesaikan masalah ini. Tangkapan tanpa izin dan sebagainya, bagi makan, jaga dan banyak tapi yang untung syarikat. Begitu jugalah kadang-kadang developer ini tebang gunung, bukit-bukau, bila banjir kerajaan keluar duit. Ini nasib kita ini. Kerajaan ini terlalu baik, itu pun pembangkang dok bising lagi, terlalu baik kepada orang cari peluang perniagaan.

Saya cuma berharaplah kepada pihak Kementerian bahawa benda ini bukanlah susah sangat. Tengok baru ini kes macam Ketereh bangkitkan, cerita... Awat Padang Terap hendak terangkan ke? Ha, Padang Terap? Baru-baru ni kes seorang pekerja daripada India berkahwin dengan orang daripada Indonesia, anak dua orang. *Last* sekali, yang India pi balik India, yang isteri dia Indonesia ni susah hati, bunuh diri dan anak, anak kecil tinggal. Kerajaan tanggung, Kebajikan Masyarakat tanggung, padahal Kebajikan Masyarakat kena tanggung rakyat Malaysia tapi terpaksa tanggung, tak akan kita hendak hanyutkan budak itu di dalam laut. Jadi depa seronok, kita boleh sakit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, tidak ada sesiapa bertanya dah? Tidak ada saya berhenti. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada Kementerian. Tanggungan kepada Kementerian ini besar. Kes-kes macam ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bukanlah saya tidak pernah hendak menafikan kebolehan Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen, ini peluang untuk mereka belajar tapi Menteri patut mai lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pantun tak ada?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sedikit lagi, sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Padang Terap pula.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat mahu ucapkah?

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Tidak, saya hendak tanya sahaja. Dahulu kita wujud satu *training center* untuk pekerja asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak apalah. Nanti boleh tanya Menterilah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Sedikit sahaja, tidak sempat lagi. Apa sudah jadi dengan *training center* ini, sebab kita sudah *employed* 200 orang? Apa sudah jadi dengan *training center* yang telah diwujudkan untuk pekerja asing ini? Itu persoalan dia. Sila Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang ada *training center*, yang ini pihak kementerian kena jawab. Setiap kali depa hendak masuk di *train* budaya kita lepas itu baru lepas pergi cari makan. Jadi *training center* ini keberkesanan dia macam mana?

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh. Bukan apa kita mahu menteri mai bukan hari-hari, kalau Bill dia masuk mai, jadi kita boleh soal jawab dengan menteri. Itu sahaja, kita bukan *underrate* menteri dengan menteri, depa ke depan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma tolonglah, menteri-menteri pun janganlah buat macam itu. Ada menteri, Tuan Yang di-Pertua, mai untuk angkat sumpah sahaja. Dewan Rakyat bersidang sekalipun dalam penggal ini dia tidak pernah hadir dalam Dewan Rakyat. Kita tidak boleh macam itu, kita bertanggungjawab. Sampai hari perasmian Dewan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong pun tidak hadir. Kita tidak boleh, kita kena jaga yang ini, ini satu Dewan yang mulia. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambunglah sedikit cerita Yang Berhormat bagi Jerai. Semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah sebut minta menteri tolong jawab. Jangan *delegate* banyak sangat. Saya mohonlah pihak menteri-menteri ini datanglah ke Parlimen.

Saya pernah membangkitkan beberapa kali perkara ini, bukan di Dewan sahaja, di luar Dewan, meminta pihak menteri datang dan menunjukkan bahawa Parlimen ini ialah tempat letaknya kuasa kerajaan. Jangan diremehkan Dewan ini, jangan diremeh-temehkan Dewan ini.

Saya pun rasa kecewa juga bila bercerita soalan Dewan Parlimen, inilah tidak ada guna nampaknya. Kalau Ahli Parlimen yang *absent* dia sebut 50 orang sahaja Ahli Parlimen *average* datang ke Parlimen, tetapi *average* menteri datang macam mana?

Beberapa Ahli: Betul!

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ahli Parlimen juga bertanggungjawab kepada *constituent* mereka balik ke kawasan mereka jumpa orang mati, jumpa kenduri, jumpa yang sebagai macam-macam dia jumpa juga.

Dalam masa yang sama kita tidak ada *attention* daripada televisyen dan surat khabar. Apa yang kita buat, kita hendak tunjuk lebih sepuluh kita bercakap satu sahaja yang masuk; kalau menteri satu bercakap satu masuk, sepuluh 10 bercakap sepuluh masuk dalam surat khabar. Jadi kita, *we've got to do a lot more* untuk dapat *attention* daripada pihak-pihak media.

Beberapa Ahli: Betul!

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Di Dewan ini kita dikehendaki mesti hadir di Dewan tiap-tiap masa, macam mana *constituent* pun hendak pilih juga. Tuan Yang di-Pertua, saya bermohonlah sampai salam kami kepada menteri-menteri ini. Kalau tidak, boleh *delegate* saya, saya boleh duduk dekat sana[*menunjuk ke arah tempat duduk menteri-menteri di dalam Dewan Rakyat*] ...[*Dewan riuh seketika*]

Gaji, elaun dan kemudahan beri kepada saya termasuk *driver* dan kereta, bagi pejabat, insya-Allah kita semua boleh pindah ke sebelah...

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat, kalau sudah duduk situ...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...Yang menteri sebelah sini, kita sebelah sana!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Santubong, takut Yang Berhormat Santubong nanti duduk sini lagi sibuk tidak boleh datang juga...[*Dewan gamat sebentar*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau rekod saya boleh diterima Tuan Yang di-Pertua, sayalah Ahli Parlimen bukan sahaja hadir tunjuk kehadiran, saya terlibat dalam Dewan ini. Kalau rekod saya itu, percakapan saya mungkin berlainan sedikitlah. Saya akan *show you the track record*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, pindahlah saya kepada Dewan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seputeh bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ... Undang-undang yang saya bangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Santubong, Seputeh bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Seputeh ini, saya hendak bagi boleh bagi tetapi kalau Seputeh berbincang, dia cakap manis, ketawa banyak, senyum pun banyak tetapi percakapan dia, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang menyayat hatilah!

Seorang Ahli Pembangkang: Tidak!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi ke tidak, Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidaklah! Saya hendak puji Yang Berhormat! Puji, puji!

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kadang-kadang saya pun baik dengan dia ini tetapi dia ini macam betul-betul putih tetapi racun! *[Dewan gamat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi kah Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Dia memang sakitkan hati saya!

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya dengar percakapan di sini tadi. Ini tidak betul, itu tidak betul, semua tidak betul! Bahkan Ketua Pembangkang pun ada cakap benda itu betul-betul. Haa! Bolehlah cakaplah sedikit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sebenarnya saya hendak bangun, saya tadi sudah tepuk banyak bila Yang Berhormat Santubong berucap. Saya hendak tanya dia macam mana pihak kami di sini boleh tolong dia untuk duduk di sebelah sana tetapi dia kata saya putih tetapi racun, jadi saya mahu tarik balik cadangan saya!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, tarik semua keluar pun boleh, tidak apa. Kita boleh jalankan kerja! Tidak ada tuduhan-tuduhan melulu lagi! Memang betul itu, kita sini cadangan sudah banyak dengar Yang Berhormat bagi Sri Gading, Jerai pun banyak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berpindah kepada undang-undang. Undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kecil sahaja, pindaan kepada akta ini. Itu pun sedikit sahaja, memindahkan tugas, tanggungjawab ataupun kuasa daripada Yang

di-Pertuan Agong kepada menteri. Pindaan pun dua perkataan, tiga perkataan sahaja daripada Ketua Pengarah Tenaga Rakyat kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja - tiga sahaja - tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar perbahasan daripada Yang Berhormat daripada semalam. Saya bersetuju apa yang disebut Yang Berhormat bagi Bentong mengatakan kita kena melihat semula undang-undang secara *holistic*.

Sebagaimana yang disebut banyak kawan-kawan di sini sebab saya ada semalam duduk di Dewan tidak keluar-keluar apabila undang-undang ini di bahas sebab hendak dengar kawan-kawan bercakap. *Retention* saya adalah dapat mungkin 40% dari semalam, apa yang di cadang, dikata, disebut, dikritik oleh kawan-kawan dalam Dewan ini banyak membina. Walaupun saya juga bersetuju bahawa fokus bahasan kita tidak mengena kepada undang-undang ini, fokus perbahasan kita itu kepada benda-benda lain, tidak ada dalam undang-undang ini.

Dalam konteks itulah kenapa saya bersetuju dengan Bentong sepatutnya undang-undang ini, masuklah fokus itu. Kalau kata *proverb* orang putih, "*If the mountain won't come to Muhammad, Muhammad must go to the mountain*", dengan izin. Maknanya kalau isu ini tidak ada dalam undang-undang patut dimasukkan ke dalam undang-undang ini supaya dia masuk dalam satu perundangan senang dilihat dan difahami oleh masyarakat termasuk Ahli Parlimen.

Ini kerana dalam soalan sumber tenaga pekerja di Malaysia ini, kita ada dua agensi - yang main agensi dia - dengan izin, iaitu Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab untuk pekerja-pekerja asing mengambil pekerja asing dan sebagainya. Semua ini di bawah Kementerian Dalam Negeri. Apabila pekerja ini sudah di masuk daripada luar negeri, masuk ke dalam negara ini di Malaysia baru dia menjadi isu di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia.

Nampaknya tidak keliru jugalah tetapi dalam keadaan itulah maka kekeliruan berbangkit. Dua agensi besar yang terlibat dengan satu isu yang amat besar sekali untuk pembangunan negara ini. Jadi undang-undang ini hanya diserahkan dengan kementerian ini untuk bertanggungjawab mengambil pekerja pembantu rumah sahaja.

Walaupun daripada segi amnya undang-undang ini boleh diguna untuk semua sebab agensi pekerja swasta ini bermaknanya *Private Employment Agency* dalam cakap orang putih, makna dia bolehlah. Mahu kerja kilang kah, kerja pembinaan kah, ataupun

pertanian kah, semuanya boleh tetapi dikhususkan kementerian ini bertanggungjawab untuk menangani masalah pembantu rumah.

Dengan sendirinya, persoalan yang dibangkitkan dalam undang-undang ini hanyalah soalan pembantu rumah. Ada jugalah yang dibincang selama satu hari suntuk semalam. Soalan pembantu rumah, tetapi mungkin tidak sampai pun 20%.

Tetapi itu tidak kisah Tuan Yang di-Pertua. Dalam dewan ini kita sudah lihat dah kadang-kadang kita pergi Lautan Pasifik sebelum balik ke Batang Lupar. Kita pernah pergi ke Lautan Atlantik sebelum balik pergi Santubong. Memang biasalah itu. Tuan Yang di-Pertua pun saya mengangkat jari sepuluhlah. Terima kasihlah, tidak ganggu kita banyak sangat soalan merapu kiri, kanan ini. Memang sudah menjadi itu, tetapi persoalannya memang isu berbangkit. Walaupun di lautan Atlantik, walaupun di Lautan Pasifik ada hubung kait dengan negara kita. Kementerian tidak boleh menutupkan mata, menutupkan telinga, melupakan perkara-perkara yang telah dibangkitkan walaupun di luar persoalan yang khusus di hadapan kita ini.

Dari dalam konteks dan semangat sedemikianlah Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh juga pergi ke Lautan Pasifik dan Atlantik. Soalan pekerja. Persoalan yang banyak dibangkitkan ialah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jangan pergi ke bulan sudahlah Yang Berhormat, jauh.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jangan dalam sangatlah masuk. Di dataran lautan tujuh itu, bolehlah macam Yang Berbahagia Datuk.....apa?.....

Beberapa Ahli: Azhar Mansor.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya?

Beberapa Ahli: Azhar Mansor.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Azhar Mansor. Bolehlah itu. Tetapi janganlah menjunam ke dalam lautan. Mungkin kalau dalam sangat boleh berjumpa ikan, sotong sahaja yang boleh makan manusia sahaja nanti, susah kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikitlah soalan pekerja. Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, banyak disebut oleh kawan-kawan di Dewan semalam berhubung dengan mengguna tenaga manusia daripada luar negara. Kenapakah syarikat-syarikat kita, pengusaha-pengusaha kita tidak mengguna rakyat Malaysia. Dalam masa yang

sama, kita melihat beribu-ribu rakyat Malaysia keluar universiti, kolej, *technical school* dan pelbagai lagi institusi-institusi selepas persekolahan, masuk membanjiri pasaran pekerjaan tidak mendapat pekerjaan. Persoalannya kenapa?

Jadi, kita boleh melihat daripada beberapa sudut Datuk. Sama ada betul ataupun tidak sudut ini ialah persepsi yang kita lihat, persepsi yang kita pegang, persepsi yang semua orang menerima pakai. Umpamanya, adakah sudah kita memartabatkan pekerja-pekerja kita. Jawapan, sudah. 1 hari bulan Mei kita raikan seluruh negara, bagi semua orang bercuti, jangan bekerja, sebab itu adalah Hari Pekerja. Itu menunjukkan bahawa kita memartabatkan pekerja di negara kita ini. Tetapi, dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit pada beberapa sesi. Kalau seseorang itu mendapat SPM, dia masuk jadi kerani, mendapat duduk kerusi yang empuk dalam bilik hawa dingin, dapat gaji RM700. Seorang yang sama SPM, masuk kerja dalam syarikat pembinaan ataupun di ladang, keadaan panas terik, pakaian yang teruk, tempat yang kotor, makanan tidak menentu, syarat perkhidmatan, kemudahan perkhidmatan pun tidak elok, gaji mungkin RM450 ataupun RM500.

Ini negara kita. Orang buruh, buruh juga. Yang kerani, kerani juga. Tetapi, lihat Datuk kalau di England, di Amerika dan di negara Barat, di Eropah umpamanya. Kita lihat mekanik yang buat pasang skru ini, tukar tayar dan sebagainya, tidak ada latihan, tidak ada apa benda, tukar tayar sahaja. Adapun latihan, secara bekerja. Dia tukar tayar, gaji dia berapa? Tanya si kerani yang duduk dalam pejabat itu. Masa hari panas, hawa dingin on. Masa sejuk, kita di on. Gaji dia jauh lebih murah daripada gaji si tukar tayar tadi. Saya di universiti masa cuti saya pergi cari kerja. Pengurus universiti tanya dengan saya, "*Mr. Jaafar, which want do you want? You want to work in the garden or you want to work in the library? In the library, one pound one hour and the garden two pounds an hour*".

Datuk, siapa tidak hendak kerja? Jadi saya pilihlah. Setengah masa saya duduk bekerja dalam garden dia, tolong *pluck* buah epal dan sebagainya dan setengah daripada masa, apabila saya teruk sangat di luar itu sejuk, musim *winter* umpamanya ataupun *spring*, saya kerja di library universiti. Di luar, gaji *double* daripada yang gaji di dalam sebab kemudahannya sudah ada, *di off set* kemudahan-kemudahan dan keelokan bekerja. Jadi, dalam masa yang sama, kita lihat di negara kita, macam mana

keadaannya? Itu daripada segi statik gaji. Kita tengok status Tuan Yang di-Pertua. Orang *rubbish collector, scavenger*. Yang *rubbish collector* itu, sistem di England umpamanya, kalau orang hendak hantar sampah keluar daripada rumah, dia kena masuk dalam satu plastik yang dikhaskan, ditentukan, disebut oleh pihak bandaran. Orang Sarawak kata, uras. Uras dan arus ataupun sampah ini mesti dimasukkan dalam plastik. Kalau dihantar macam itu sahaja, walaupun ada tong sampahnya, orang *scavenger*, pengangkat sampah tidak akan angkat Tuan Yang di-Pertua, ketepikan kerana tindakan orang rumah itu ialah tidak menghormati pengangkat sampah ini. Status dimaintainnya.

Kalau kompelin dengan *council, council* akan datang ke rumah itu, dia bagi tahu. “Tuan, you tidak masuk dalam plastik sampah ini. Macam mana orang-orang saya hendak angkat? Jadi, janganlah tidak hormat dengan pegawai saya ini.” Jadi, bolehkah kita menerima perkara ini? Jadi, kita kena memartabatkan status, layanan, gaji pekerja-pekerja yang di luar itu kalau di banding dengan yang di dalam.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam sektor pembangunan. Saya sebut dua sahaja – pembangunan dan perladangan. Majikan, apa yang majikan buat. Pembangunan, dia buat bangsal ataupun *makeshift* rumah duduk di sana. Kalau ada tempat mandi pun, *standpipe* dengan izin, di luar. Kalau hendak tengok cerita lucu, pergi ke tempat pembangunan ini, tengok anak-anak muda yang menggunakan *brief* yang *transparent* itu, dia mandi di *standpipe* di luar.

Anak-anak perempuan pakai sarung sampai dekat sini, [*Menunjuk isyarat*] mandi dekat luar. Inilah kemudahan yang kita sediakan di tempat pembinaan, tempat pembangunan pekerja-pekerja kita. Janganlah hendak sebut soalan tempat riadahnya, persekolahannya, kliniknya, kemudahan-kemudahan lainnya, tidak payah sebut. Yang asas, api, air, tempat duduk, rumah dia, macam mana? Hanya semua dalam peringkat yang amat menyedihkan. Ini pekerja kita di Malaysia. Jadi macam mana kita hendak marah anak-anak kita yang duduk di rumah yang elok, lepas itu bila sampai bekerja, dibuat macam hamba abdi?

Kalau di rumah tidak payahlah sebut Ahli Parlimen, tidak payahlah sebut pegawai kerajaan, bahkan orang kampung biasa, rumahnya sudah elok dah, tempat tidur. Orang Sarawak kata, sudah hendak pergi ke tandas pun sudah jamban tarik. Dia mandi pun

sudah mandi bilik berasingan. Tetapi, bila bekerja dihina duduk di luar. Macam mana hendak bekerja? Sebab tahap negeri kita sudah sampai ke satu tahap yang membangun, yang elok, yang senang, yang baik.

Tetapi bila di luar... Jadi dalam keadaan sedemikianlah kenapa anak bangsa kita Malaysia ini memilih pekerjaan, tidak hendak bekerja di tempat itu sebab kemudahan, status, gaji dan penghormatan kepada mereka pun tidak diberi.

Tuan Yang di-Pertua, soal orang bekerja ke luar negara. Kawan saya, Form 6, dapat diploma *migrate* ke Kanada, bekerja, dia hantar gambar kepada saya, dia pergi memanjat atas pokok, atas kren tinggi. Gambar itu yang dia tunjuk kepada saya, macam kuli biasa sahaja, diploma dalam *civil engineering* dari Malaysia. Tetapi gaji dia, akauntan dalam pejabat tidak payah lawan dia, jauh lebih besar. Tetapi bila dia duduk, masuk dalam *construction site*, dia masuk tempat itu berhawa dingin dan semua kemudahan elok, macamlah kerani biasa.

Jadi, kesusahpayahan dia bekerja di luar itu telah di *offset* dengan kemudahan yang diberi dan gaji yang diberi kepadanya. Itulah kenapa orang kita jangan marahkan anak Malaysia. Mereka ini sudah senang, 12 tahun bersekolah, 12 tahun duduk dengan ibu bapa, 12 tahun sudah dibelai, 12 tahun disayangi tetapi bila bekerja nanti dibuat macam hamba abdi. Di mana letaknya keadilan, di mana letaknya kemahuan? Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita kena melihat...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila Dato.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta maaf, abang saya, Yang Berhormat bagi Santubong. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, dua soalan. Saya kurang fahamlah *because* undang-undang yang saya belajar, *Islamic Law*. *Civil Law* ini saya tidak berapa faham kerana dua pindaan sahaja. Pindaan Seksyen 4 Akta Ibu ini, pindaan dengan menggantikan perkataan "Yang di-Pertuan Agong" dengan perkataan "Menteri". Apakah Yang Berhormat setuju hendak tukar gantikan dengan "Menteri" ini? Apa implikasinya *long term*, jangka panjang dan *short term*, jangka pendek?

Yang keduanya, saya setuju tadi kalau majikan-majikan yang hendak beri kerja kepada anak-anak kita perlu buat tempat yang standard dan gaji yang standard, mesti ada skim. Sebab itu saya nampak di sini, saya tidak faham sebab saya belum setahun lagi angkat sumpah di Dewan ini. Saya dengar perbahasan tadi jelas bahawa kita, majikan ini ada kepentingan. Dia tidak banyak mahu membela remaja kita lepasan sekolah, dia banyak suka ambil daripada luar kerana dia dapat mengaut keuntungan yang lebih besar. Dia tidak ada kebajikan. Bank-bank yang ada berbentuk komersial hari ini pun tidak ada berbentuk kebajikan untuk menekan, credit card menekan, semua menekan. Terima kasih, setuju tidak dengan pandangan saya?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Dato adinda saya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, setuju. Tetapi sebenarnya saya masih sebagaimana yang saya sebut awal tadi, saya hendak pergilah menimba pengalaman ke lautan lepas dahulu sebelum balik ke negara Malaysia berhubung dengan perundangan ini. Saya setuju. Sepatutnya perundangan ini jangan disebutlah Yang di-Pertuan Agong itu pelantikan kepada Ketua Pengarah ini sepatutnya masih terletak di tangan Yang di-Pertuan Agong, tetapi pelantikan pegawai itu bolehlah diserahkan dengan Menteri, ini dua-dua diserahkan dengan Menteri.

Jadi saya bukanlah hendak mengatakan saya tidak percaya dengan kewibawaan dan kemampuan Menteri untuk melantik tetapi sepatutnya kalau sebagai amalan, pelantikan Ketua Pengarah ini dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong, kita kena ikut amalan yang telah kita laksanakan selama ini, tetapi kalau kesemua perundangan amalan kita menghalakan kepada tugas ini diberi kepada Menteri, saya memikirkan boleh juga. Tetapi yang keduanya, Dato, sebagaimana yang Dato telah sebut tadi memang betul. Eksploitasi oleh majikan banyak berlaku di Malaysia.

Dalam keadaan yang sedemikianlah, Tuan Yang di-Pertua, orang kita tidak mahu bekerja dengan majikan tempatan, mereka lebih rela pergi ke Jepun, pergi ke Amerika, pergi ke Australia, pergi ke mana-mana juga di mana status ini boleh dijaga. Dan dalam masa yang sama juga kita mesti melihat kenapa rakyat asing berduyun-duyun datang ke negara ini oleh kerana kemewahannya, kemakmurannya, kebahagiaannya dan penjagaan kepada mereka masih ada kalau dibandingkan dengan apa yang berlaku di negara mereka sendiri.

Semua Ahli Parlimen, saya sudah cukup yakin semua sudah ada pergi ke negara jiran kita seperti Indonesia, Bangladesh, Pakistan, India, Myanmar, Vietnam, bahkan daripada negeri China, walaupun negeri China itu maju tetapi masih segelintir yang kecil sahaja yang maju, yang besar itu masih belum lagi sampai ke tahap masyarakat di Malaysia ini. Itulah kenapa dia ini datang ke sini untuk mengisi keperluan yang boleh dieksploitasikan oleh pihak majikan-majikan di Malaysia. Mereka boleh menerima pengeksploitasian itu. Jadi Malaysia tidak boleh menerima masyarakat ini oleh kerana mencari kehidupan, mencari sesuap nasi, seteguk air, datanglah ke negara ini untuk menyara hidup sepanjang mana masa masih boleh hidup di dunia yang fana ini.

Jadi dalam keadaan inilah, Tuan Yang di-Pertua, kenapa masyarakat asing masih datang berduyun-duyun secara undang-undang dan tidak secara undang-undang, dan di sinilah letaknya tugas dan tanggungjawab kementerian sama ada KDN ataupun Kementerian Sumber Manusia melihat supaya walaupun mereka ini datang secara haram mengikut undang-undang antarabangsa, apabila orang itu berdiri di bawah bendera kita di tanah air kita, tugas dan tanggungjawab kita ialah memberikan layanan yang sempurna, walaupun tidak sama dengan layanan yang kita beri kepada orang yang datang secara halal ataupun masyarakat Malaysia itu sendiri, tetapi mestilah dengan tahap yang berpatutan dari segi kemanusiaan, menunjukkan ketamadunan masyarakat Malaysia itu sendiri.

Kita banyak mendengar orang yang datang ke negara kita ini bekerja sampai setahun tidak dibayar gaji, bekerja sampai tidak diberi gaji yang berpatutan, diberi gaji RM100 atau RM200 sebulan, dipotong makan, dipotong tempat kediaman, dipotong ini, dipotong itu, hujung bulan tidak ada lagi, saya dengar cerita ini berlaku. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Jerai sebut, di manakah letaknya mereka ini untuk mencari pembelaan. Siapakah tempat mengadu? Kepada siapa kalau tidak kepada KDN, kalau tidak kepada Kementerian Sumber Manusia.

Pergi ke KDN, takut kena tangkap kalau yang masuk tanpa izin. Kepada Kementerian Sumber Manusia pun tidak lebih daripada itu juga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita dan saya sebagai Ahli Parlimen mewakili ketamadunan Malaysia, menunjukkan ketamadunan negara kita, pembangunan negara kita, kecerdikan kita, kebaikan kita, keharmonian jiwa kita. Kita kena bersifat dari segi kemanusiaan kepada

mereka ini sama ada mereka datang secara halal ataupun secara haram. Yang haram itu kita layan secara mana undang-undang kita, mereka ini perlu dilayan. Tetapi tanggungjawab kita kepada mereka ini tidak sekurang mana.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendengar kenapa daripada negeri mana datangnya pekerja pembantu rumah, dari mana Shah Rukh Khan datang, dari mana macam-macam lagi nama. Jadi ini kerajaan mesti memikir sejauh manakah negara kita mampu mengawal keadaan supaya tidak menjadikan negara ini menjadi satu dataran berlakunya masalah sosial oleh kerana kemasukan masyarakat yang begitu rupa daripada negara-negara yang kita bawa ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang barulah saya berpindah kepada persoalan yang khusus di bawah undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kemasukan pembantu rumah ke negara ini yang ditangani oleh Kementerian Sumber Manusia yang diletakkan tugas dan tanggungjawab itu di bawah perundangan ini.

Pada masa sekarang saya tidak mengetahui macam mana mekanisma membawa pekerja asing khususnya pembantu rumah ke Malaysia. Adakah proses perlantikan ini atau pengambilan ini dibuat secara di Malaysia sahaja ataupun bekerjasama dengan satu agensi sebagai counter part, agensi di sini dengan orang di negara mana kita mengambil pekerja. Umpamanya di Indonesia, adakah kita berhubung dengan satu agensi di Malaysia dengan agensi yang lain di Indonesia. Kalau tidak, apakah mekanisma supaya pengambilan orang yang dibawa masuk ke negara ini, khususnya pembantu rumah ini yang perlantikannya orangnya bersesuaian dibawa ke sini.

Yang pertama, dari segi kemampuan seseorang itu masuk ke sini. Kesesuaian ini, Tuan Yang di-Pertua, saya kena sebut dua, tiga perkara yang berlaku di Sarawak umpamanya. Ada kadang-kadang anak-anak di Kalimantan di bawa ke Kuching umpamanya, umurnya hanya baru 15 tahun tetapi kad pengenalan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tertentu di Kalimantan menunjukkan bahawa anak ini sudah sampai umur 18 tahun ataupun 20 tahun mengikut syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dengan menerusi kementerian ini. Apabila sesuatu perkara berlaku barulah diketahui bahawa anak ini hanya 15 tahun ataupun 16 tahun sahaja dan kad pengenalan pula boleh dikeluarkan oleh pihak yang tertentu di Kalimantan. Macam kita

membeli sijil dan resit di kedai, di Malaysia ini. Jadi, apakah kawalan yang boleh diatasi dan dibuat supaya semua orang yang kita bawa itu menepati syarat-syarat yang tertentu dibuat di negara mana kita mengambil pekerja asing ini.

Itu yang pertama dan seterusnya yang kedua, soal kesihatan mereka. Kadang-kadang kita rasa terkilan apabila sampai ke sini kita hantar orang-orang yang kita terima ini bekerja, baru dihantar untuk check-up dan sebagainya. Apabila didapati kurang elok nanti - kadang-kadang kita ini masih berperangai macam orang Timur, memang pun kita orang Timur. Kita banyak belas kasihan, kita melihat muka anak-anak ini daripada keturunan ataupun golongan yang miskin ingin mencari sesuap nasi di negara kita, kita kasihan.

Apabila kita kasihan kadang-kadang kita tidak sampai hati untuk menolak mereka ini daripada bekerja dengan kita tetapi dalam masa yang sama kesihatannya masih boleh dipersoalkan. Jadi, kalau ada orang daripada pihak negara mana kita melantik pekerja ini boleh dipercayai membuat satu penyelidikan dahulu atau pemeriksaan dahulu sebelum orang ini dihantar ke negara kita ini, alangkah eloknya kerana apa sahaja yang kita ambil dari peringkat kita sendiri atau tahap kita sendiri tidaklah begitu membebankan atau mencurigakan.

Ada juga berlaku baru-baru ini pada minggu lepas sebenarnya dilaporkan di dalam surat khabar di Kuching, Sarawak, pengeksploitasian oleh pihak employment agency ini. Bekerjasama yang di Malaysia ini dengan yang di Kalimantan menerusi satu proses yang mana pekerja yang datang dilatih daripada Kalimantan di hantar ke Sarawak menerusi satu kelas visa yang hanya boleh digunakan satu bulan dan orang itu diserahkan kepada majikan dan majikan pun bayarlah semua deposit dan sebagainya. Belum pun sampai satu bulan pekerja ini melarikan diri. Apabila dia melarikan diri, maknanya majikan telah kehilangan RM1 ribu deposit. Dan, apabila hilang RM1 ribu tetapi dia masuk semula menerusi dan menggunakan nama lain pula dan dihantar kepada majikan lain. Pekerjaan ini berlaku mengikut laporannya ialah banyak berlaku di Sarawak.

Jadi, majikan bersikap tidak belas kasihan lagi dengan pekerja ini dianggap telah terlibat dengan penipuan secara beramai-ramai di antara pekerja dengan *employment agency* Sarawak dan juga di Indonesia.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Santubong. Saya tertarik dengan apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat tadi, tentang dua perkara satu pemeriksaan kesihatan pembantu rumah yang datangnya dari Indonesia tetapi apabila mereka masuk walaupun ada sijil pemeriksaan daripada pihak sana yang mengatakan sihat. Apabila sampai ke sini apabila hendak dilanjutkan permit kerja untuk setahun lagi nampaknya tidak boleh melalui dan gagal dalam pemeriksaan doktor yang dikendalikan oleh FOMEMA. Itu akan menyebabkan majikan terpaksa menanggung kerugian yang sekarang yang perlu dibayar ialah RM5 ribu yang dibayar pada agensi pekerjaan. Ini yang pertama. Apakah cadangan Yang Berhormat kepada pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini?

Yang kedua, Yang Berhormat menyatakan bahawa ada agensi yang menggunakan kesempatan dan membawa masuk pekerja asing ini melalui saluran biasa, sebagai pelancong sahaja selama satu bulan kemudian dihantar pula kepada majikan sebagai satu cara untuk mengutip deposit daripada majikan. Apa cadangan Yang Berhormat kepada pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini kerana ini terlalu banyak kes yang berlaku. Nampaknya agensi pekerjaan itu memang rela melihat perkara ini kerana dengan setiap kali pertukaran pembantu rumah itu nampaknya mereka boleh mengutip fee tambahan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya cukup yakin Yang Berhormat, bahawa apa yang saya pandang berlaku di Sarawak, yang diheboh dalam surat khabar di Sarawak berlaku di Sarawak juga berlaku di seluruh Malaysia, jadi penipuan ini juga berlaku di sana sini dan melibatkan dua pihak. Jadi, dalam keadaan sedemikian menjadikan majikan rasa bimbang dan tidak boleh bersifat telus, baik dan kasih sayang kepada pekerja mereka walaupun daripada golongan yang betul-betul

baik. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya cukup yakin jikalau kementerian mengadakan satu mekanisme yang tertentu untuk menentukan supaya, pertama pekerja yang datang itu mesti diperiksa dan janganlah berharap dengan majikan yang memeriksa. Sepatutnya pihak agensi pekerja ini memastikan orang yang dia hantar untuk bekerja itu mesti orang yang sesuai, orang yang sihat dan orang yang boleh bekerja, bukan orang yang tidak boleh bekerja.

Jadi, ini mesti sebab kalau orang yang hendak beli kereta Yang Berhormat, kalau macam saya sendiri, kalau saya hendak beli kereta tidak akanlah saya hendak cek sendiri. Kalau saya pilih elok atau tidak kereta ini semuanya tetapi kalau ada kerosakan dalam enjin dan sebagainya, kita akan balik kepada supplier. Jadi, dalam konteks ini orang yang meminta pekerja ini patutnya pembekal pekerja ini mestilah bertanggungjawab. Dalam perundangan ini saya tidak melihat perkara ini dikhususkan...

Melainkan kalaulah diletakkan daripada satu syarat di bawah perundangan kecil yang boleh dibuat oleh pihak kementerian yang tidak ada dihantarkan kepada Dewan ini.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi saya memohon kepada wakil kementerian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta dahulu satu sahaja, yang satu belum jawab lagi. Saya memohon kepada pihak kementerian supaya melihat semula undang-undang kecil yang dibuat di bawah seksyen 27, Kesalahan Peraturan kalau tidak salah saya di bawah undang-undang itu lihat semula peraturan perundangan ini supaya menentukan supaya pekerja yang dihantar kepada majikan itu didapati sihat, sesuai untuk bekerja, mempunyai *temperament* yang bersesuaian dengan pekerja-pekerja mereka. Kerana kita bimbang, anak-anak yang dijaga, pembantu rumah yang menjaga keluarga, anak-anak orang ini, latar belakang kesihatan, latar belakang kejenayahan, rekod dia mesti kena tahu juga.

Macam mana kita tinggal anak kecil kita dengan harta benda kita dekat rumah dengan orang yang kita tidak tahu latar belakangnya. Ini kena diperiksa dan diselidik dahulu, dan perundangan mesti dipertanggungjawabkan kepada pihak *employment*

agency kalau rekod-rekod ini didapati tidak sesuai untuk pekerjaan sedemikian. Yang kedua, soalan yang kedua Yang Berhormat apa soalan yang kedua tadi sudah lupa panjang sangat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: *Fee* tambahan itu, untuk dibawa masuk.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Pasal pengeksploitasi orang macam dihantar guna sebulan sudah balik lepas itu yang agensi ini yang untung daripada pengeksploitasian mereka dan *fee* yang ini majikan yang kerugian jadi kalau dalam keadaan yang sedemikian sedikit sebanyak *employment agency* dengan izin ataupun syarikat agensi pekerja swasta ini mestilah dipertanggungjawabkan kalau tidak di dalam undang-undang ini tetapi patutnya dipertanggungjawabkan dalam perundangan kecil mereka kalau tidak Tuan Yang di-Pertua banyaklah majikan-majikan terkena oleh kerana kecuiaan ataupun dengan sengaja pihak agensi swasta ini mengeksploitasi satu situasi dan menggunakan pihak pekerja ini mendapat meraikan keuntungan sendiri dan merugikan pihak majikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya sangat setuju dengan ucapan dan analisis yang telah dibuat oleh Yang Berhormat sebab bukan saya rasa di Sarawak sahaja yang kena, saya sendiri pun kena. Waktu hendak minta hendak memohon pembantu rumah daripada Indonesia, saya rasa ada dua penipuan yang dibuat ataupun dipalsukan maklumat itu untuk kita nilai dalam borang yang dihantar kepada kita dengan gambarnya sekali.

Pertama sekali dari segi umur, seperti mana Yang Berhormat katakan tadi saya terkena, saya diminta untuk menentukan berapakah umur yang patut? Saya kata di antara 25 dengan 30 begitulah, bersetujulah. Kemudian dia minta tentu untuk apa pembantu rumah ini? Untuk mengasuh dan juga untuk memasak dan juga mencuci rumah. Tiba-tiba yang datang itu ialah 48 tahun bukan 30 tahun, yang datang itu sudah 48 tahun yang pun tidak mampu untuk mengasuh anak tetapi untuk cuci rumah, menyapu itu ada. Jadi dari segi kesihatan ini saya mintalah kalau boleh dipanjangkan bahawa yang hendak dihantar itu sama ada orang ini ada penyakit *home sick* dengan izin. Kalau 48 tahun ini dia telah ada banyak *home sick*, ingat rumah kerana cucunya

pun ada, apa yang berlaku pada saya dia tidak boleh buat kerja dia ingat rumah dia. Tiga bulan lamanya dia tidak boleh, akhir sekali saya terpaksa menghantar dia balik.

Sudahlah tambang kita bayar kepada ejen, kita pula terpaksa bayar tambang kapal terbang daripada Kota Bharu ke Surabaya. Banyak lagi kes, jadi perkara-perkara ini saya rasa ada pemalsuan dan tidak di analisis dengan baik, itu saya setuju sangatlah. Yang kedua saya tengok bahawa dasar kerajaan tentang pekerja asing ini tidak konsisten, kalau Yang Berhormat boleh setuju atau tidak setuju tidak apalah. Saya tengok di antara Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini menjaga undang-undang dari segi kemasukan imigresen dan *immigrant* semua dan dari segi ini menentukan pekerjaan.

Tiba-tiba baru-baru ini berlaku, kalau dahulu undang-undang imigresen ini tidak boleh masuk dengan melancong, kalau masuk melancong ditanya maka dia akan dihantar balik segera di lapangan terbang itu sendiri. Tetapi sekarang ini boleh, boleh masuk melancong kemudian boleh membuat permohonan di sini untuk mencari pekerjaan. Yang kedua kita tengok bila PATI ini sudah dihantar balik lebih daripada ratus ribu banyak projek-projek ini tergendala sehingga dikatakan hampir RM12 bilion nilainya *construction* dan sebagainya rugi. Jadi sekarang ini dasar kerajaan orang itu tidak mahu balik.

Kenapa tidak dibuat sebelum dihantar balik itu mengesahkan PATI ini di sini tidak perlu dihantar balik, jadi dasar ini tidak konsisten saya tengok. Jadi tidak ada penyelarasan yang benar-benar berlaku dalam masalah ini di antara Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah Yang Berhormat setuju ataupun diulas? Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua saya juga melihat apabila kita menghantar pulang pekerja asing yang tidak menerusi saluran undang-undang yang banyak dari negara kita balik ke negara mereka sendiri tidak kira daripada Indonesia, Pakistan, China dan sebagainya dahulu. Kita hantar orang-orang ini beramai-ramai mengikut arahan dan keputusan yang dibuat oleh pihak kerajaan dan apabila berlakunya kemelut, masalah industri-industri yang tertentu sebagai pembinaan dan perladangan khususnya tidak mendapat pekerja di dalam pekerjaan mereka jadi

telah menekankan negara ini mungkin boleh mendatangkan satu tekanan ekonomi jangka panjang kepada negara ini.

Lepas itu kita membuka pintu kita semula untuk membawa balik mereka ini dan dalam masa yang sama khususnya dengan Indonesia telah menjadikan, mencetuskan satu peristiwa politik di antara Malaysia dan Indonesia. Jadi saya tidak dapat tidak mempersoalkan tindakan kerajaan dalam pandangan saya sepatutnya kita melihat perkara ini dengan cara yang lebih *fleksibel* yang boleh menentukan supaya apa yang saya sebutkan selalu, tarikkan benang dalam tepung, tepung jangan berciciran dan benang jangan putus. Patut kita boleh menggunakan strategi dan tindakan-tindakan sedemikian dengan bekerjasama sebagaimana telah disarankan oleh Yang Berhormat Jerai tadi.

Patutnya Kementerian Sumber Manusia duduk bersama satu meja tubuhkan satu jawatankuasa khusus tidak tahu di bawah siapa tetapi dua-dua kementerian ini di pengaruhi oleh pihak orang-orang yang tertentu daripada mana-mana satu kementerian yang dua ini supaya menyelaraskan tindakan-tindakan mereka ini. Yang pertama kita melihat keperluan negara kita daripada sumber manusianya dan selepas itu kita merancang untuk tindakan kita kerana apa yang kita buat selepas itu ialah mendatangkan satu masalah politik di antara kita dengan Indonesia. Yang kedua menunjukkan bahawa dasar yang tidak konsisten sebagaimana Yang Berhormat sebut dan yang ketiga menyusahkan kita sendiri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi saya berharap pihak kementerian mendengarliah rintihan Ahli Parlimen ini daripada Jerai kita dengar, Yang Berhormat daripada Seri Gading pun sebut.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu, selepas ini minta sebut yang ini, jadi kita dengar, Yang Berhormat tunggu sekejap ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia belum bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Adakah tidak *consistency* dalam kerajaan melaksanakan dasar mengambil tindakan menangani masalah yang kita hadapi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tentang Jawatankuasa yang bakal di tubuh, saya hendak tanya Yang Berhormat, sekarang ini kita ada Jawatankuasa Kabinet untuk urusan kemasukan pekerja asing yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang anggotanya daripada KDN, Kementerian Sumber Manusia, Menteri MITI dan Menteri-menteri termasuk Menteri Kerja Raya yang menggunakan kontrak-kontrak memerlukan pekerja dan sebagainya. Adakah tidak cukup dengan Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan pekerja asing yang dipengerusikan oleh TPM ini kita terpaksa tubuhkan lagi jawatankuasa pula bagi mengatasi kemelut yang kita hadapi pada hari ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya suka membincang soal falsafah, soal intelektual, soal teori dan sebagainya. Sebagai seorang yang banyak membaca buku dan suka membaca buku khususnya soal falsafah dan perbincangan intelektual, saya juga mahu melihat tiap-tiap pekerjaan yang kita buat secara praktikal *approach* kita dalam apa-apa segi jua. Walau pun saya pandang bahawa kita mempunyai satu badan ataupun jawatankuasa yang begitu tinggi sekali, yang begitu besar sekali tetapi kadang-kadang Jawatankuasa Kabinet ini peringkatnya begitu tinggi sekali, macamlah kita adakan Kabinet, maknanya kita tidak perlu lagi adakan *Post Cabinet* untuk menteri-menteri dan kementerian mereka sendiri, tidak adakan jawatankuasa ataupun lembaga-lembaga di bawah peringkat bawahannya untuk menangani perkara-perkara yang khusus, perkara-perkara yang *detail dan* perkara-perkara yang banyak kerana *Cabinet Committee* ini sebanyak mana pun mereka duduk, takkanlah boleh duduk sepanjang masa dan tiap-tiap masa apabila perkara berbangkit.

Jadi, kita perlukan satu jawatankuasa lebih kecil di antara kementerian yang dua ini sahaja. Biarlah mereka mendapat arahan dasar daripada *Cabinet Committee* dan dua jawatankuasa ini melihat secara *detail* kerana kadang-kadang perkara yang banyak, yang *detail* ini, yang khusus ini mungkin tidak dapat di bincang dalam peringkat Kabinet iaitu mereka hanya melihat daripada segi dasar dan apabila dasar diberi kepada

kementerian-kementerian pelaksanaan inilah yang tidak diselaraskan dengan menentu. Inilah yang kita bimbangkan.

Itulah kenapa saya bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai tadi supaya *committee* di peringkat dua kementerian ini diwujudkan untuk menangani masalah yang *detail* yang halus dan kecil yang tidak mungkin boleh dibincangkan di peringkat *Cabinet Committee*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bentong.

Datuk Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sila, Yang Berhormat Bentong.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Yang Berhormat Santubong, memang saya setuju bahawa suatu jawatankuasa yang lebih khusus dapat diwujudkan untuk meneliti semua cadangan-cadangan ini agar kita dapat mengatasi masalah pekerja asing ini. Sekarang masalah pekerja asing di negara ini adalah satu isu yang amat membimbangkan. Berbalik kepada fi yang tadi kita bincangkan, Yang Berhormat bagi Santubong ada sentuh tentang fi yang tinggi perlu kita bayar. Bagi pembantu rumah sekarang telah mencecah lebih kurang RM5,000 tetapi dalam pengetahuan saya Kementerian Sumber Manusia ada memeterai perjanjian contohnya dengan kerajaan Indonesia bahawa finya lebih kurang RM1,000 lebih saja. Saya tidak tahu berapa, tetapi tidak sampai RM5,000.

Di mana salahnya dan kenapa pihak Kementerian Sumber Manusia tidak mengambil tindakan terhadap agensi pekerjaan swasta yang mengenakan bayaran yang begitu tinggi. Ini adalah satu penyelewengan daripada perjanjian yang telah kita meterai dengan kerajaan Indonesia. Apakah pandangan ataupun kalau Indonesia sangat menyusahkan kita, agensi-agensi di Indonesia tidak membenarkan kita mengambil pekerja dengan mudah, apa cadangan kita mengambil pekerja pembantu rumah daripada negara lain. Saya rasa banyak lagi negara-negara lain seperti Filipina, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan banyak lagi negara-negara luar. Saya minta penjelasan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang pertama Yang Berhormat sebut ialah soal fi saya memang setuju fi ini sepatutnya kementerian yang bertanggungjawab untuk meletaknya dalam tahap yang berpatutan. Kalau seorang

pekerja rumah daripada Indonesia dibayar gaji hanya RM400.00 sebulan, kenapa pula majikan yang membawa satu orang sahaja, memproses satu orang kena bayar RM5,000. Sepatutnya RM1,000 pun sudah besar bagi saya. RM1,000 pun sudah besar. Seorang - satu syarikat yang buat ini dia boleh buat satu pejabat dengan telefon, komputer dan sebagainya seorang kerani sahaja dan mungkin dia ada *operative*, dia ada berulang alik ke Indonesia dan berhubung dengan *employment agency* di Indonesia yang mengambil pekerja di sana untuk dihantar ke Malaysia. Ini yang kita pandang yang dibuat sekarang. Jadi, kenapa pula yang ini hanya boleh menggunakan telefon dapat RM1,000 untuk satu orang, tidak perlulah itu.

Jadi, saya menyarankan kepada pihak kementerian kalau tanya kepada Ahli Parlimen sini, semua bersetuju yang RM1,000 untuk *employment agency* ini tidak berpatutan, lebih besar sangat dah. Janganlah sebut RM5000. RM5,000 ini *deluxe revelry* Yang Berhormat Dato'. Kalaulah berlaku eksploitasi yang berlaku di Sarawak itu, tiap-tiap kali masuk dia RM5,000, seorang hamba Allah ini boleh masuk tiga kali, RM15,000 untuk satu orang sahaja dia buat. Majikan yang mati. Jadi, tidak hairanlah kalau majikan kita bersikap *skeptical* dengan izin, bersikap ganas, bahkan marah macam mana dia pandang pekerja ini terlibat sama dengan penipuan ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kepada pihak kementerian janganlah dibiarkan pihak *employment agency* ini menggunakan faktor mereka sendiri, menggunakan naluri mereka sendiri untuk meletakkan fi untuk mengambil pekerja ini. Dalam konteks inilah sebenarnya saya hendak bertanya selepas itu kerana Yang Berhormat sudah tanya. Dalam konteks inilah saya hendak bertanya berapa banyakkah syarikat-syarikat yang telah didaftar di bawah undang-undang ini beroperasi sekarang dan berapa lamakah syarikat ini kalau tidak beroperasi telah dilesenkan ditarik balik lesen mereka.

Saya mencadangkan supaya apabila mereka tidak beroperasi dalam masa tiga, empat bulan tarik balik lesen mereka, jangan dibiarkan wujud begitu sahaja kerana menunjukkan bahawa mereka tidak berkemampuan untuk menjalankan *bisness*. Yang kedua, mestilah jangan apabila orang datang sahaja pembantu saya, penolong saya, sokong saya, orang kawasan saya semua dibagi lesen. Tetapi macam mana orang lain yang tidak orang kawasan, tidak ada pegang kuasa lesen? Hendak minta lesen juga

tidak dapat. Jadi, itu yang pertama, saya hendak minta berapa banyak lesen. Di Sarawak berapa, di Sabah berapa dan di negeri semenanjung ini tiap-tiap negeri berapa. Tidak dapat jawab di sini, minta jawab bertulis. Selepas ini, saya akan tulis surat dengan kementerian. Tetapi, jangan tunggu surat saya, minta jawab bertulis juga. Jawapan lisan, ini Sri Gading kata jawapan lisan, minta tolong pegawai-pegawai di belakang bagikan senarai.

Yang kedua, ini bukan soalan *racist*. Saya hendak tahu berapa bumiputera dan berapa non bumiputera yang diberi lesen. Saya hendak tahu juga ini sebab kita hendak melihat - kerajaan ini kerajaan yang *transparent*. Kita jangan cakap sahaja yang kita ini *transparent*, terbuka dan sebagainya tapi tindak tanduk kita, jawapan kita tidak.

Jadi, saya hendak tanya berapa agensi ini di seluruh Malaysia tiap-tiap negeri termasuk Sarawak dan Sabah. Satu lagi saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, soalan pekerja ini. Ini soalan majikan juga ini, baru dua minggu lepas, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat boleh sambung petang.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang kedua ini sambung petang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat waktu sekarang jam 1.00 tengah hari. Dewan yang mulia ini di tangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Santubong, sila sambung ucapan.

2.30 ptg

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung baru setengah mukadimah saya tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya memberilah peluang kepada Yang Berhormat Seputeh selepas ini untuk bertanya kalau dia hendak. Tadi Tuan Yang di-Pertua kita berbincang soalan kenapa orang Malaysia tidak mahu bekerja di satu-satu industri umpamanya industri pembangunan dan *construction*, industri perladangan dan ada industri-industri lain lagi seperti sebagai tukang sapu atau pencuci dan sebagainya. Macam di KLIA kebanyakannya kita lihat pekerja-pekerja yang bukan daripada rakyat Malaysia.

Jadi saya juga telah memberi penjelasan kenapa memartabatkan pekerja di Malaysia ini belum sampai ke tahap yang boleh dikatakan memuaskan. Pekerjaan tidak dinilai daripada segi macam mana situasi pekerjaan itu sendiri apabila menentukan gaji, upah dan sebagainya. Ini telah dilaksanakan di negara-negara maju di Eropah, England dan juga di Amerika. Tidak menjadi hairanlah kenapa negara sebegitu banyak rakyat tempatan mahu bekerja walaupun pekerjaan itu dianggap di negara kita ini rendah martabat tetapi di negara mereka tidak dianggap suatu yang rendah martabatnya.

Jadi, kita kena bertukarlah minda kita supaya pekerjaan ini diberi satu kedudukan dalam pandangan dan persepsi masyarakat lebih elok lagi. Tidak boleh dinafikan juga, Tuan Yang di-Pertua bahawa di negara-negara asing umpamanya Australia baru-baru ini bahkan Perdana Menteri sendiri telah merungut oleh kerana banyak sangat industri termasuk industri-industri yang dahulunya banyak pekerja tempatan macam *construction industry* dan *development* masih banyak sudah diberi kerja oleh orang tempatan tetapi sekarang sudah menerap ataupun diambil alih tempat mereka ini oleh pendatang-pendatang asing iaitu bukan sahaja di negara Asia tetapi juga daripada *eastern Europe*.

Jadi, ini telah mendatangkan satu kesan pandangan mereka yang tidak baik dan juga mendatangkan satu keadaan yang mana berlaku di Malaysia ini yang orang tempatan tidak ada lagi untuk bekerja. Salah satu sebabnya ialah kerana persoalannya ialah orang tempatan tidak mahu tangannya kotor, tidak hendak kerja yang remeh, tidak hendak kerja yang begitu teruk, yang mereka tidak duduk dalam tempat-tempat yang sedap, berhawa dingin, kerusi empuk dan sebagainya.

Jadi ini telah mendatangkan satu masalah juga kepada di negara seperti negara Australia. Bahkan cadangan oleh Perdana Menteri Australia bulan lepas mengatakan suruh anak-anak sekolah ini selepas peringkat O Level dan A Level drop up tidak payah

masuk ke universiti katanya. Selepas dia habis dalam O Level dan A level ini dia terus diserapkan masuk ke institusi *skill workers* pekerjaan supaya katanya anak-anak Australia itu boleh menjanakan guna tenaga di Australia. Ini cadangan oleh Perdana Menteri Australia supaya jangan banyak sangat pekerjaan sedemikian diambil alih oleh pekerja asing.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita mesti melihat juga di Australia, umpamanya kalau seseorang itu menjadi seorang *technician*, majikannya bagi *the tool of the treat* dalam sesuatu pekerjaannya. Maksudnya kalau dia seorang mekanik dia diberi *toolbox*. Semua *toolbox* dan sebagainya ini semua diberi atas perbelanjaan majikan. Dia boleh bawa benda ini ke rumahnya, turun bekerja dia bawa benda itu. Kalau rosak dan hilang diganti oleh majikannya dengan berpatutan.

Di sini mana ada majikan yang hendak buat macam itu. Bahkan perkakas keselamatan pun majikan tidak hendak bagi. Jadi inikan pula benda-benda untuk dia pergi bekerja, membuat pekerjaan dan sebagainya dan kemudahan-kemudahan daripada kerajaan itu sendiri memberi supaya umpamanya kalau seseorang itu hendak jadi mekanik, kerajaan boleh mengeluarkan dana yang tertentu untuk membeli perkakas untuk mereka ini berusaha macam *do yourself* (DSY). Dia bawalah *toolbox* dia ke sana sini. Benda macam ini dia boleh dapat daripada kerajaan di Australia.

Jadi ini telah menggalakkan mereka ini membuat pekerjaan sedemikian, tidak seperti kita di sini. Kita tidak lihat secara komprehensif. Jadi saya berharap pihak kementerian janganlah dengar saya cakap sahaja. Panjang cerita saya ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau orang tidak dengar, kecil hati saya nanti. Ahli Parlimen dah bercakap dari semalam, dah cerita-cerita. Tapi kalau orang tidak hendak baca macam mana? *Hansard* ini penting. Ada yang tidak boleh pakai. Kadang-kadang remeh juga cerita Ahli Parlimen ini tapi kebanyakannya banyak cerita-cerita dan cadangan-cadangan ini adalah membina yang boleh diguna pakai. Pengalaman yang begitu luas sekali. Ahli Parlimen ini banyak *travel* keluar sana sini. Jadi daripada itu dia mempunyai pengalaman selain daripada yang dibaca dalam buku, yang dipelajari di universiti dan sebagainya boleh diguna pakai yang mungkin boleh mengisi tempat kekosongan daripada pemikiran pihak-pihak pegawai kerajaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita mesti melihat persoalan kenapa orang kita tidak mahu bekerja di tempat yang dikatakan industri yang tidak diminati oleh pihak negara kita ini. Itu satu. Yang kedua lagi penekanan dalam pendidikan kita. Di mana letaknya kelemahan. Sini ada dibangkitkan dalam surat khabar baru-baru ini bahawa yang banyak sekali menganggur ialah kaum wanita. Dalam masa yang sama wanitalah yang banyak sekali masuk ke universiti. Ini sedap cerita ini, ganjil Tuan Yang di-Pertua.

Yang banyak sekali masuk universiti rakyat Malaysia sekarang ini ialah wanita. Dalam masa yang sama wanitalah yang menjana kepada pengangguran di negara ini pula. Maknanya, lelaki ini yang masuk universiti kurang sedikit tetapi bila yang kurang ini keluar dari universiti ke pasaran pekerja mereka inilah yang dapat kerja tetapi yang wanita ini tidak dapat kerja. Mengikut maklumat yang saya terima, 68% graduan wanita yang menganggur kalau dibandingkan dengan graduan lelaki. Maknanya, apa kelemahan graduan yang A8 biji ini dapat lulus ijazah yang elok tetapi tidak pandai cari kerja. Kena cari semua ini. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Santubong. Dalam kajian Yang Berhormat bagi Santubong, pasal apa wanita ramai masuk universiti tetapi lelaki tidak ramai. Apa masalah daripada kajian yang telah Yang Berhormat Santubong buat? Saya ada buat kajian tetapi saya hendak tengok sama ada sama atau tidak dengan kajian Yang Berhormat Santubong buat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kajian saya untuk di Sarawak, adalah sikit-sikit saya pergi ke Semenanjung tetapi tidak sampai ke Kedah. Jadi, kajian Yang Berhormat bagi Jerai dekat Kedah sahaja, dia nampak di Kedah sahajalah. Kalau tidak ada persamaan itu bukanlah masalah kelemahan saya atau kelemahan Yang Berhormat bagi Jerai. Maknanya, pandangan masyarakat di mana kita tumpukan pengkajian itu. Memang, kalau kita lihat nampaknya kebijaksanaan pelajar-pelajar di peringkat sekolah dan ketekunan pelajar wanita dan tidak ada penyelewengan pelajar wanita dengan permainan-permainan ataupun aktiviti-aktiviti di luar sekolah semasa bersekolah telah mendorong prestasi yang elok di peringkat sekolah dan membolehkan mereka ini masuk ke universiti.

Jadi, banyaklah jenis wanita ini masuk ke universiti oleh kerana kecicirannya berkurangan tetapi anak-anak muda kita kadang-kadang dia banyak aktiviti sampingan. Aktiviti tengok internet, aktiviti tengok penyanyi dan pelakon. Sekarang kita tidak ada kerja lain, memang tidak ada kerja lain. Kalau dengar dan tengok dalam TV, tidak ada cerita lain, Sure Heboh lah, apa benda lagi, Akademi Fantasia lah, apa satu lagi, sebutlah nama di Malaysia ini sudah ada semua. Jadi, kita telah menumpukan pandangan sini, mungkin anak-anak kita yang wanita ini dia pandang tetapi tidak terpegun sangat. Tetapi oleh kerana anak-anak muda lelaki ini banyak terpegun oleh kerana hiburan yang begitu banyak sekali yang dipelopori oleh TV-TV *channel* kita. Mereka ini jadi terlupa dengan pelajaran mereka. Kelemahannya jadi anak-anak kita yang lelaki itu berkurangan masuk ke peringkat universiti.

Jadi, yang tidak terpesong ini memang yang jenis handal, dia boleh masuk universiti. Macam itu dia boleh masuk universiti kerana kehandalan dia boleh tidak terpesong dengan semua dorongan dan pengaruh di persekitarannya dan bila dia habis universiti dia juga gigih mencari pekerjaan dan mendapat pekerjaan di mana-mana. Inilah kita kena mencari di peringkat-peringkat universiti, mencari di mana kelemahan anak-anak gadis ini, wanita yang keluar dari universiti ini kenapa mereka berkurangan sangat mereka boleh mendapat pekerjaan dan kalau perlu kita mencari mekanisme supaya anak-anak ini boleh dilatih secara memberi latihan yang khusus, mendorong dan memotivasikan mereka supaya boleh mendapat pekerjaan sebagai mana anak-anak lelaki keluar daripada universiti. Jadi, tidak ada perbezaan Yang Berhormat di antara Jerai dengan Santubong, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis Yang Berhormat Jerai, akan dibagi peluang. Dalam kajian saya, saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, kaum wanita ini lebih serius dan komited kepada sesuatu tugas dan tanggungjawab. Dia mahu komited, Tuan Yang di-Pertua. Kaum lelaki ini ada seronok-seronok sikit. Di sinilah yang menyebabkan dia orang ini serius. Kadang-kadang kita tengok dari segi pinjaman TEKUN atau pinjaman Amanah Ikhtiar, kaum wanita ini dia bayar pinjaman-pinjaman itu di kampung kita tetapi bukanlah semua lelaki ini, sesetengahnya dia kata, "*Tak apalah pihak kerajaan tangguh sat dahulu.*" dan sebagainya.

Di sini, adakah disebabkan oleh pembawaan sedemikian rupa menyebabkan kaum wanita sekarang ini sudah ke hadapan. Sekarang ini pun kita sudah risau, bukanlah risau macam mana, tak apalah juga mereka pun makhluk juga macam kita, manusia, tetapi mereka sudah naik taraf macam kita ini. Mereka telah menjawat jawatan-jawatan besar dan kita mungkin juga lelaki kena kurangkan keegoannya itu untuk mempelajari juga tentang mana rahsia-rahsia kewanitaan itu yang menyebabkan mereka berjaya. Itu *finding* sayalah. Adakah *finding* saya itu, Yang Berhormat tercibir *finding* Yang Berhormat masuk dalam Yang Berhormat punya *finding*?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya baru sampai ke *finding* tadi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi rumusan samalah tu. Rumusan saya sama dengan Yang Berhormat Jerai. Jadi, saya bersetuju satu perkara bahawa kita kurangkanlah sedikit dari segi yang mengghairahkan ini. Yang mengghairahkan dalam televisyen ini seperti Akademi Fantasia dan yang apa 'sia' lagi ni, kita kurangkan sikitlah supaya jangan mempengaruhi sangat anak-anak kita sampai tidak boleh belajar. Kadang-kadang ada juga ibu bapa oleh kerana kesibukan mereka turun kerja pukul 7.00 pagi tidak balik rumah sampai pukul 9.00 malam jadi anak-anak buat kerja sendiri dia punya pasal dan siapa yang hendak diharapkan menjaga anak-anak ini semasa di rumah. Jadi,

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis lagi cerita, Yang Berhormat bagi Jerai dah bangun lagi, Tuan Yang di-Pertua. Macam mana ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hendak respons sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Berkenaan dengan Akademi Fantasia. Sekarang ini wanita pun ramai tetapi saya tengok juruacaranya hendak kata wanita pun tidak, lelaki pun tidak. Hak jenis lembut, punya rambut tercacak macam tu, jadi macam mana pandangan Yang Berhormat. Adakah kita ini ketinggalan, rupanya ada satu jenis lagi yang mungkin kita tidak tahu. Jadi, adakah kita hendak mencadangkan kepada kementerian supaya kalau hendak juruacara lelaki ambillah lelaki kalau hendak juruacara perempuan ambillah perempuan. Jangan ambil yang lembut tidak keras, lembut-lembut keras ini, jadi kita tidak tahu. Ini juga merosakkan kelakuan orang lelaki kita, dahlah semakin kurang, mereka pula lembut macam tu.

[Ketawa] Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Santubong? Dalam *research* saya memang ada. [Ketawa].

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, dialog macam ini seperti dialog Santubong dengan Jerai. Saya dahulu, Tuan Yang di-Pertua, baca buku canai bacaan, mungkin Tuan Yang di-Pertua pun sudah membacanya juga. Semasa saya belajar dahulu di sekolah *Primary* Satu, tidak ada buku lain pun, buku tulah yang saya baca, buku jawi. Di dalam buku itu ada menyatakan, "*Rupanya seakan-akan tetapi bukan*", itu teka teki, Tuan Yang di-Pertua. Macam inilah ceritanya. Hendak kata ini pun bukan, itu pun bukan tetapi rupanya seakan-akan. Mungkinlah tu. [Ketawa].

Saya pun rasa terganggu juga, Tuan Yang di-Pertua. Betullah kata Yang Berhormat bagi Jerai itu. Bahkan orang rumah saya pun kata macam tu, yang budak itu kata dia, tangan dia macam perempuan, lebih-lebih lagi daripada perempuan tetapi rupa dan pakaian nama dia lelaki, jadi apa benda budak ni. Jadi betullah tu. Walau bagaimanapun, saya serahkan kepada pihak RTM, carilah orang kalau yang lelaki tu berperangai lelaki, kalau yang perempuan tu macam perempuan. Jangan ada yang seakan-akan ini. Jadi, saya

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu Yang Berhormat, tunggu. Saya bagi peluang, banyak peluang.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa Perdana Menteri Australia menyarankan supaya pelajar-pelajar yang telah lulus A level ini ataupun kalau kita di sini STPM tidak digalakkan masuk universiti tetapi masuk dalam skill institut. Jadi, kalau kita balik ke negeri kita, kita lihat bahawa 600 lebih IPTS yang melatih kemahiran ini dan 30 lagi yang sangat tenat. Jadi, nampaknya keadaan ini sebaliknya berlaku.

Apa yang berlaku di Australia itu mungkin kerajaan membantu IPTA – institut teknologikah, vokasionalkah untuk menghidupkan supaya *skill voca* ini, pelajar-pelajar yang mahir seperti IKM dahulu, dapat melatih diri dan memberi sumbangan kepada pasaran kerja yang banyak, tetapi dengan berlakunya fenomena di negara kita – 600 yang muflis dan 30 lagi yang tenat dan kerajaan telah mengambil keputusan tidak

membantu IPTS yang sebegitu, cuma akan membantu IPTA sahaja. Apa pandangan yang kontra ini? Bila kita hendak selesaikan masalah ini ataupun pelajar-pelajar yang katakanlah tahun ini kita kata 25 ribu atau 18 ribu siswazah. Tahun depan, yang keluar tahun ini, mungkin 18 ribu balik. Kalau masuk SPM dengan STPM ini lebih 200 ribu penganggur. Selepas tahun ini pula, mungkin 200 ribu lagi. Bagaimana hendak mengatasi ini? Saya hendak dapat pandangan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Persoalannya, saya hendak tegaskan di sini, saya tidak menyeru Malaysia mengambil tindakan ataupun menteri ataupun lebih-lebih lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tidak meminta mereka ini menyeru rakyat Malaysia supaya mengambil tindakan sebagaimana yang dibuat oleh Perdana Menteri Australia iaitu *drop out* daripada 'O' dan 'A Level' dan masuk ke institusi latihan ini. Saya masih berpendapat, Malaysia masih perlu graduan yang banyak supaya meningkatkan tahap pendidikan di negara ini kerana kalau kita baca buku yang ditulis oleh Peter Drucker mengatakan kenapa Amerika itu berjaya dalam semua bidang? Oleh kerana budaya pendidikan dan keilmuannya, itu sahaja.

Jadi kita belum lagi sampai ke tahap yang mana pelajar masuk ke universiti dan lulus universiti begitu banyak sekali yang boleh menjadi kebimbangan, kerana kita menerima hakikat bahawa universiti bukanlah agensi ataupun badan yang melatih orang khususnya guna tenaga negara. Universiti ialah untuk melatih orang menimba ilmu. Kalau selepas dia mendapat ilmu itu nanti keluar daripada universiti dan tidak mendapat pekerjaan, sebenarnya sedikit sahaja kita boleh bebaskan perkara atau tanggungjawab ini kepada universiti. Universiti melatih orang menimba ilmu. Kalau kita lihat di Germany umpamanya, kebanyakan pelajar apabila masuk peringkat ijazah pertama, akan belajar sampai peringkat Ph. D. baru lulus dan berhenti, dan mereka tidak guna doctorate, dia tidak pakai. Ph.D pun dia Ph.D sahaja, dia tidak panggil dia sendiri doktor dan sebagainya kerana banyak sangat. Dia sampai peringkat itu walaupun ada pihak bijak pandai mengatakan bahawa ini tidak produktif kerana keluaran ijazah universiti di Germany itu hanya memasukkan pasaran pekerja dalam jangka umur 32 tahun. Ini pendapat segelintir.....

Tuan Nasaruddin bin Hashim: *[Bangun]*

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat, saya habiskan daripada ini dahulu. Jadi, saya tidak menyarankan supaya langkah ini - kita masih bersetuju, universiti jalankan tugas untuk menjana keilmuan tempat mereka ini belajar ilmu dan menimba ilmu sama ada dia dapat kerja atau tidak dapat kerja, satu peringkat pekerjaan lagi. Jadi, kalau ada didapati institusi-institusi sebagaimana yang disebut tadi, 600 muflis, kalau benarlah cerita ini – 600 institusi latihan ini telah muflis, saya menyarankan kepada pihak kementerian yang bertanggungjawab dengan soal ini, beritahu kepada Dewan ini, kenapa mereka ini menjadi muflis? Kenapa lesen diberi kepada mereka ini dan selepas itu, apakah bantuan yang diberi, yang patut dibantu oleh kementerian dan mengapa bantuan ini tidak diberi?

Saya diberi maklumat bahawa kadang-kadang institusi ini disaran untuk mengambil 5,000 pelajar atau 500 pelajar dan pelajar ini dibiayai oleh kementerian, tetapi pembiayaan itu tidak sampai kepada institusi ini. Sampai institusi ini tidak lagi berupaya mencari sumber kewangan untuk menjana dan mengajar anak murid ini dan pembayaran daripada kementerian tidak menurun. Jadi, saya hendak jawapan ini juga dibuat kepada Parlimen ini supaya kita mengetahui di mana kelemahannya kementerian atau kerajaan. Yang Berhormat bagi Parit, sila.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya tertarik dengan kenyataan yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang menyebut perangkaan berkenaan dengan bilangan pengangguran. Yang dikatakan tadi, kalau mengikut statistik Yang Berhormat terima, penganggurannya lebih besar di kalangan wanita. Mungkin agaknya itu kepada siswazah agaknya. Tetapi walau bagaimanapun, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat berkenaan dengan yang kita tahu, wanita di Malaysia ini ialah merupakan kumpulan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi, kumpulan yang gigih dan komited apabila membuat sesuatu pekerjaan.

Kita pun sedar bahawa di kalangan peminjam wang daripada bank ataupun Projek Amanah Ikhtiar dan sebagainya, wanita ini lebih ramai kerana mereka ini merupakan pembayar pinjaman yang baik. Jadi, adakah pada pandangan Yang Berhormat, oleh kerana wanita ini begitu komited, patut pihak kementerian memberi

peluang kepada wanita ini untuk mengikuti latihan kemahiran untuk mereka menceburi diri dalam bidang perniagaan dan apa sahaja usahawan bagi sekurang-kurangnya mengurangkan taraf pengangguran di negara kita. Apa pendapat Yang Berhormat?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya mendapat butiran soal pengangguran siswazah ini ialah daripada jabatan kerajaan juga yang menyebutkan bahawa 68% jumlah daripada pengangguran itu ialah terdiri daripada graduan wanita. Maknanya, hanya 32% daripada kalangan lelaki. Jadi, saya tidak mendapat butiran apa yang dikatakan telah bekerja sama ada apa sahaja bidang pekerjaan, dianggap sudah ada kerja ataupun apa pekerjaan mengikut disiplin pelajaran mereka di universiti. Kalau peguam, praktis peguam atau sebagai peguam, kalau akauntan, praktis accounting atau sebagai akauntan ataupun kalau seorang peguam, dia tidak dapat kerja sebagai peguam, dia minta lesen teksi, memandu teksi itu sudah dianggap kerja. Saya tidak tahu, tidak ada butiran yang khusus, tetapi kenyataannya ialah 68% yang menganggur itu adalah daripada wanita.

Saya setuju Yang Berhormat bahawa di antara lelaki dan wanita, wanita ini lebih komited. Ia lebih komited sebagaimana yang disebutkan, saya sebut juga tadi, mereka lebih tekun, itulah sebabnya dia mendapat prestasi tinggi di peringkat universiti. Tetapi kelemahannya, apabila sudah graduate, dia tidak tahu macam mana hendak cari pekerjaan. Mungkin inisiatif mencari pekerjaan ini anak lelaki kita lebih cekap daripada wanita. Mungkin ada dorongan-dorongan ataupun bendungan-bendungan yang tertentu dari segi budaya ataupun gerak geri mereka ini menghalang graduan wanita ini keluar daripada rumah mencari pekerjaan, ataupun mencari pekerjaan yang terbatas kepada yang mana dianggap hanya wanita boleh buat, yang mana lelaki ini boleh terbuka luas, apa sahaja pekerjaan, dia boleh buat. Jadi, mungkin ini adalah satu faktor yang boleh menghalang graduan wanita ini mendapat pekerjaan. Dan saya bersetuju....

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik terdahulu tadi, Yang Berhormat bagi Santubong ada menyentuh mengenai peranan universiti, memang secara idealnya adalah untuk memberi ilmu tanpa memikirkan dari segi kegunaannya ataupun dari segi utilitinya. Maka kalau inilah yang menjadi

pegangan kita, maka saya kira masalah pengangguran itu akan terus berleluasa. Saya kira, harus difikirkan juga idealisme itu dengan realitinya sebab setiap anak kita yang pergi ke sekolah, mahu atau tidak mahu, dia harus memikirkan juga tentang kerjaya, tentang pekerjaannya.

Apalah gunanya kalau sekiranya dia pergi ke sekolah semata-mata untuk mendapat ilmu tetapi kemudian tidak tahu ke mana. Jadi dalam konteks ini saya kira, antara teori dan realiti itu kita harus seimbangkan. Maka saya kira pusat-pusat pengajian kita juga, tidak hanya memikirkan dari segi *idealism* pendidikan itu, tetapi dari segi realitinya, yakni untuk mendapat pekerjaan. Meskipun universiti tidak memberi ruang pekerjaan, tetapi harus memikirkan dari aspek marketabilitynya, pasarannya. Jadi ertinya sekarang ini, universiti itu harus senantiasa peka, apakah jenis peluang-peluang pekerjaan yang ada. Bukan hanya memikirkan dari segi menara gadingnya sahaja, tetapi dari segi realitinya. Kalau boleh beri pandangan Yang Berhormat bagi Santubong.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya memang selalu menyebut di Dewan yang mulia ini. Saya kata setiap disiplin pelajaran di universiti makna dia, apa sahaja jurusan yang kita buat di universiti, orang itu mesti dilatih ataupun diajar daripada bidang keusahawanan, bidang skill....

Tuan Yang di-Pertua: Kemahiran.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:kemahiran. Mesti diajar di peringkat universiti. Motivasi kepada mencari kerja, berdiri atas kaki sendiri dan mencari pekerjaan sendiri. Menjadi asas yang besar dalam universiti walaupun apa bidang sahaja dia belajar di pihak universiti ataupun murid-murid sedemikian. Jadi kita tidak sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, bukan daripada *conceptual* approach yang ideal sebagaimana yang disebutkan, kita juga sepatutnya sedikit sebanyak mengambil langkah sebagai *utilitarian approach* untuk memenuhi kehendak-kehendak negara juga kehendak-kehendak pelajar ini bukan khususnya untuk intelektual ataupun menimba ilmu sebagaimana yang saya sebut tadi. Memang saya bersetuju betul. Tetapi di peringkat sekolah dan universiti, pandangan ini mesti ditanam dengan anak-anak kita. Kita tidak boleh mengatakan, 'Oh, kau mesti

belajar mengambil undang-undang supaya menjadi peguam, kamu ini mesti mengambil menjadi doktor dan kau mesti mengambil kejuruteraan.

Jadi makna dia minda anak kita itu telah dibendung daripada awal lagi. Dia mesti jadi peguam, jadi doktor, jadi jurutera, jadi ini dan jadi itu yang ditentukan oleh masyarakat, ibu bapa, persekolahan dan universiti mereka. Kita sepatutnya membuka bidang luas kepadanya supaya mereka terbuka untuk memikir sendiri dan latihan diberi oleh peringkat universiti bukan menimba ilmu sahaja, tetapi macam mana menyarakan hidup, apabila mereka lepas daripada universiti tadi. Yang Berhormat Kuala Terengganu, saya bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat-amati ucapan Yang Berhormat bagi Santubong dan ingin berkongsi satu pengalaman saya apabila berjumpa dengan pelajar-pelajar kita di Ciro dan kebanyakan daripada pelajar-pelajar ini mengambil jurusan agama. Apabila saya memberitahu mereka tentang isu pengangguran siswazah menganggur di negara kita dan saya memberitahu mereka tentang pernah tidak mereka mendengar seorang graduan Usuluddin memegang jawatan sebagai Pengurus Sumber Manusia di sebuah kilang elektronik dan telah mengubah produktiviti kilang tersebut daripada mundur kepada kemajuan.

Jadi, ini telah sedikit sebanyak memberikan mereka ruang dia kata betul ke ada graduate Usuluddin menjadi seorang Pengurus Sumber Manusia di sebuah kilang yang dipunyai oleh orang Amerika? Jadi mungkin pendedahan perkara-perkara seperti ini yang lebih membawa kita kepada proses untuk membentuk suatu produk itu tidak kita perjelaskan kepada pelajar-pelajar ini.

Pada mereka apabila dia belajar sesuatu bidang itu, dia hendak pandai dalam bidang itu dan memegang sesuatu jawatan yang khusus dalam bidang itu dan tidak pernah menterjemahkannya dalam konsep kehidupan di mana sebenarnya tujuan pusat-pusat pendidikan tinggi tadi adalah untuk melahirkan insan yang berilmu supaya tidak ditipu oleh pasaran pada masa hadapan. Minta komen Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua itulah keadaan yang boleh dikatakan ideal. Bahkan pada sesi yang lepas saya telah

membangkitkan khususnya syarikat yang mengeluarkan produk-produk halal supaya mencari graduan-graduan kelulusan daripada universiti-universiti peringkat di Egypt, di Saudi Arabia dan sebagainya yang mempunyai latar belakang ilmu keislaman dan latihan pembelajaran sedemikian supaya diterapkan dalam syarikat-syarikat ini menjadi pengurus daripada syarikat-syarikat ini supaya boleh menerapkan nilai-nilai ini kepada mereka. Bukan sahaja pengkhususan, pentadbiran dan pengawalan keislaman ataupun kehalalan produk mereka. Saya sebutkan ini. Begitu juga sebagai Yang Berhormat, ia lebih jauh daripada itu lagi. Mungkin nilai latihan telah diterapkan dalam syarikat itu boleh menjadi pegawai ini tadi sebagai pegawai yang berwibawa.

Inilah yang disebutkan kita, tetapi latihan, pendedahan, pelajaran dan pembukaan kesedaran ini mesti dibuat dahulu di peringkat universiti dan peringkat sekolah dan kerajaan jangan menjadi the employment of last result. Ini kita habis duit nanti. Kalau 50 ribu graduan, semua masuk kerja kerajaan, habislah kerajaan. Kita kena latih dia orang ini suruh kerja sendiri. Cari kerja sendiri, buka minda sendiri. Janganlah cari jalan mudah masuk kerja dengan kerajaan. Yang lain di atas itu tambah dua tahun, yang bawah itu tambah lagi beribu-ribu orang. Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada dua tiga orang boleh angkat tangan siapa hendak bercakap lepas ini.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada lagi? Sila, sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai tinggi Kerajaan. Sedikit saya hendak tanya. Setuju tidak ILP ini dihidupkan balik? *Basic business* kerana tiada lagi. Sebab kita tidak mengharapkan kerja dengan kerajaan. Dia boleh berdikari. Saya setuju Yang Berhormat bagi Santubong tadi, abang saya. Kalau boleh kita hidup balik. Ialah *basic business* terutamanya kepada pelajar-pelajar agama. Di sekolah agama kita tidak ada Sekolah Agama Rakyat lagi. Kita cuba masukkan satu mata pelajaran, *basic business*. Setuju tidak? Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kadang-kadang kita hilang fokus Yang Berhormat. Sebenarnya di peringkat sekolah ada diajar anak-anak ini ekonomi diajar koperasi dan berbagai-bagai lagi sebagai pendorongan kepada pemikiran

perniagaan. Tetapi apa yang menjadi satu masalah apabila kita sampai dari satu peringkat ke satu peringkat penekanan, percakapan kita itu tidak menunjukkan bahawa subjek yang kita sarankan kepada murid-murid ini sebagai satu subjek yang mungkin akan membuka ruang dan peluang kepada mereka. Bahkan, kita sebutkan ini hanya subjek untuk *pass exam* sahaja. Jadi, kadang-kadang ini kita menjadi satu kelemahan dalam persekolahan dan pendidikan kita. Sepatutnya ini kita tekankan kalau kita terlibat dengan perniagaan, ekonomi. Ini semua jurusan ekonomi kita kena tekankan sampai peringkat universiti.

Bahkan dalam orang mengaji sebagai peguam, doktor, engineer dan sebagainya pun kena diajar juga soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua baca semua Internet entrepreneurs . Saya baca biologi internet entrepreneurs di Amerika itu, sama ada dot.com, Ebay, Amzone semua saya baca orang-orang ini. Semua mereka ini mempunyai satu kepakaran yang khusus. Tetapi apabila sampai ke satu peringkat pengurusan, mereka tidak lagi jadi *manager*, CEO dan sebagainya. Mereka hanya menjadi *Technical Officer* walaupun tuan punya syarikat kerana pendidikan dan pendedahan dia mengetahui bahawa, saya ini kata dia pandai dalam jurusan kejuruteraan tetapi tidak pandai dalam pengurusan syarikat.

Jadi dia pindahkan kepada orang lain, biarlah ini pada orang yang tahu soalan ini. Jadi ini tindakan orang yang mengetahui, orang yang terdedah dalam pengajian dia, kenapa universiti-universiti di California yang mendapat imbasan pemikiran daripada Silicon Valley tu banyak terlibat dengan Dot.Com ini walaupun *burst* tahun 2000, di sanalah tempat mereka banyak.

Walaupun negara-negara itu mempunyai universiti macam Mills, Cornell, Harvard dan sebagainya di Northern Part tapi di Silicon Valley lah pengaruh ini banyak membangun dan kenapa? Sebab pendidikan universiti-universiti di seluruh California Valley itu, di kawasan California itu semua mendedahkan kepada pendidikan ilmu perniagaan dan keusahawanan. Dan di situlah kenapa Dot.Com Company sampai membuat mereka yang dulu macam Jerry Wong umpamanya, pengasas Amazon, daripada budak sekolah yang tidak ada duit, beli T-shirt pun tak boleh dalam masa 48 bulan syarikat itu di *listed*, dia menjadi jutawan mempunyai duit RM41 bilion dalam bank.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan tadi, perniagaan ni boleh memberi kehidupan yang sempurna kepada sesiapa sahaja jadi kita kena melihat ini bukan satu mainan sekumpulan manusia sahaja tapi semua rakyat Malaysia boleh mengambil peranan dalam perniagaan. Jadi saya Tuan Yang di-Pertua, berpindah daripada itu sebelum saya menutup mungkin ada kawan seorang dua yang ingin bercakap selepas ini.

Seorang Ahli: Sambung, sambung.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan pekerja yang masuk dilantik oleh agen pekerja kita di luar negara. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin Ahli Parlimen daripada Sarawak terbaca surat khabar yang melaporkan bahawa ada pekerja-pekerja asing yang dibawa ke Malaysia khususnya di Sarawak yang diasaskan mengatakan mereka ini dibawa untuk bekerja sebagai pekerja rumah - pembantu rumah bukan orang rumahlah. Apabila sampai ke Sarawak, mereka ini dipaksa menjadi pelacur. Ini telah dilapor di surat khabar tempatan Sarawak dengan begitu meluas sekali.

Jadi persoalan yang berbangkit di sini ialah di manakah letaknya tugas dan tanggungjawab agensi pekerja ini dan di mana letaknya kawalan tugas dan tanggungjawab kementerian dalam persoalan ini? Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ini tidak ada nampak di mana letaknya hukuman yang boleh ditekankan. Seksyen 7 ada satu, seksyen 15 ada satu, seksyen 18 ada satu. Tidak ada pun yang khusus untuk menangani masalah sedemikian kerana kita yakin bahawa apabila undang-undang ini tertubuh dahulu, ini undang-undang Akta Agensi Pekerjaan Swasta yang bakal dipinda dengan yang kecil ini dilulus di Dewan ini pada tahun 1981.

Pada tahun 1981, masalah macam ini tidak berbangkit, fikirkan kita sendiri Tuan Yang di-Pertua, fikirkan. Anak-anak muda yang berumur 18 tahun, 19 tahun, 20 tahun, 25 tahun berangkat daripada kampung dan halaman mereka sendiri, dihantar ke negara orang, negara nama Malaysia negeri Sarawak. Apabila sampai anak ini mungkin ditatang macam minyak yang penuh, datang ke sini oleh sebab mencari nafkah kehidupan, menjadi pelacur. Jadi fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Santubong. Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Santubong ini satu penganiayaan dan kes ini memang kes yang telah pun berlaku bukan sahaja telah berlaku tetapi telah banyak berlaku penganiayaan. Seorang gadis berumur 18 tahun daripada Sulawesi dibawa ke Jakarta, dari Jakarta dibawa ke Batam, dari Batam dimasukkan ke Malaysia ke Kuala Lumpur, ke Johor Bahru, ke Ipoh dan yang membawa masuk ini kadang-kadang daripada kalangan wanita sendiri. Wanita, sampailah di Kuala Lumpur diserahkan kepada bapa ayam dan perempuan ini akan dapatlah RM3 ribu bagi satu kepala dan bapa ayam inilah yang akan melacurkannya.

Jadi, janji di Sulawesi gadis ini akan diberikan pekerjaan sesuai dengan taraf kelulusan dia, mungkin jadi kerani, mungkin jadi pekerja kilang, mungkin jadi pekerja perkhidmatan seperti di kedai-kedai dan sebagainya. Tetapi apabila sampai jatuh ke tangan bapa ayam, bapa ayam tanpa belas kasihan melacurkan gadis-gadis yang suci ini, meranalah si gadis ini dikurung, hasilnya diambil oleh bapa ayam. Jadi dalam kes ini kerajaan memang tidak bersalahlah, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri tidak bersalah tetapi kes yang sebegini berlaku bagaimana nak mengatasi? Kerana kita pun rasalah kalau anak gadis kita dilakukan orang seperti itu betapa tersiatnya hati kita dan dari segi kemanusiaan, satu penganiayaan satu kezaliman, hancur lebur masa depan dia.

Bagaimana kita hendak menangani bagi mengatasi perkara-perkara yang begini zalim yang membunuh sebenarnya, membunuh masa depan anak-anak gadis walaupun dia bukan warganegara kita tetapi berlaku keruntuhan hidupnya di negara kita, dibuat oleh warganegara kita yang tidak berperikemanusiaan, yang tidak berhati perut. Bagaimana hendak kita atasi? Jadi agaknya undang-undang harus diperbuat untuk membendung gejala-gejala ini. Bapa ayam ini kalau dapat ditangkap, saya ingat sebat pun tak layak lah, dipancung sajalah. Disembelih saja leher dia kalau boleh, dan ini beratus-ratus kes berlaku ini kerana al maklum orang yang gila seks ayam muda ini. *[Dewan riuh seketika]* Apa bahasa yang betul? Larut, apa bahasa yang betul?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tak tahu saya, tak tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini serius dari segi kemanusiaan. Di Dewan yang mulia ini kita dedahkan kezaliman-kezaliman yang dilakukan kepada orang yang tidak berdosa. Tujuan asal berhijrah ke Malaysia untuk mencari rezeki yang halal tetapi mereka teraniaya kerana perbuatan-perbuatan orang yang tidak bertanggungjawab ini. Apa pendapat Santubong dalam perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan perkara ini tadi penjelasan sudah dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading dengan jelas. Perjalanan anak-anak masyarakat kita di Indonesia ataupun dari mana sahaja dibawa ke Malaysia ini, diserahkan kepada bapa ayam, dan diperdagangkan oleh mereka ini oleh sebab mencari keuntungan.

Kita amat sedih sekali, amat sedih sekali oleh sebab yang pertama tindakan menganiayakan anak-anak ini, menganiayakan ibu bapa yang menyerahkan masa hadapan anak mereka kepada mereka ini dan yang ketiga mencemarkan nama Malaysia yang sebagai negara yang menerima orang yang sebegini dan dilacurkan di negara ini.

Kalau kita lihat daripada segi perundangan ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada di mana tugas dan tanggungjawab boleh diletakkan bukan dalam undang-undang ini. Undang-undang kita ada juga Undang-undang Kanun Keseksaan, Undang-undang Kecil dan pelbagai lagi tetapi undang-undang itu tidak, atau pada saya belum mencukupi untuk menangani masalah sedemikian kerana kita tidak boleh mendalami macam mana perasaan ibu bapa, macam mana perasaan anak-anak yang dikurungkan dan dipaksa untuk melacurkan diri kepada orang ini.

Tidak ada perkataan, tidak ada perasaan yang boleh kita luahkan untuk menjelaskan memberi gambaran kepada sesiapa pun kerana perkara ini kita anggap berlaku kepada orang lain tidak kepada kita sendiri. Bayangkanlah kalau perkara ini berlaku kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya bila mendengar apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Santubong dan diulas lagi oleh Yang Berhormat Sri Gading itu

merasakan seolah-olah berlaku suatu konflik, suatu ketidakjelasan di dalam kuasa-kuasa kementerian.

Apabila kita melihat di dalam hal buruh asing ini, terdapat dua kementerian yang mempunyai peranan dan tanggungjawab berbeza tetapi mungkin akan berlaku pertindihan kuasa, umpamanya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Sumber Manusia. Apabila berlaku lambakan pekerja asing dan tidak ada suatu ketentuan di dalam proses untuk mensuaikan pekerja-pekerja asing ini untuk datang ke negara kita dan inilah yang telah menyebabkan berlakunya pengambil kesempatan seperti yang dilakukan kepada anak-anak muda tadi.

Yang Berhormat Santubong, apakah Yang Berhormat Santubong boleh menjelaskan kepada saya umpamanya apabila buruh asing ini datang, Tuan Yang di-Pertua, daripada negara-negara luar mereka sepatutnya mempelajari lima perkara ataupun memperolehi lima perkara;

- i) bahasa;
- ii) budaya;
- iii) hak mereka sebagai pekerja;
- iv) hak majikan mereka;
- v) hubungan antara kedua-duanya; dan
- vi) keperluan memenuhi keperluan asas terhadap kesihatan mereka.

Perkara ini sepatutnya dilakukan oleh suatu agensi yang benar-benar mengurus secara profesional dengan di bawah Kementerian Sumber Manusia dan diterima oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Apabila ini berlaku, maka akan ada suatu proses yang mana jika ada pengkhianat-pengkhianat yang ingin mengambil peluang boleh menjejaskan nama baik negara kita tadi boleh dibendung ataupun dikawal.

Apa pandangan Yang Berhormat Santubong tentang proses ini yang mungkin tidak dihayati oleh kedua-dua kementerian ini ataupun mungkin berlaku pertindihan kuasa. Akhirnya, berlaku menuding jari dan tiada pihak yang mengambil tindakan yang benar-benar berkesan dan boleh mengelakkan perkara-perkara seperti yang diceritakan tadi daripada berlaku. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang amat bersetuju, bahkan kementerian telah lama mengatakan bahawa

apabila sesiapa sahaja datang ke negeri dan di bawa ke negara untuk bekerja mereka ini yang pertamanya mesti diberi pendedahan daripada soal budaya orang Malaysia, hal undang-undang Malaysia dan juga keperibadian yang ada kita lihat di Malaysia ini.

Apa yang tidak saya tahu ialah sama ada apa yang dihebohkan oleh kementerian itu telah dilaksanakan ataupun tidak. Kalau tidak, saya cukup bersetuju supaya kementerian mengambil tindakan yang khusus, tindakan yang segera supaya siapa sahaja yang datang ke negara ini mesti diberi latihan-latihan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi.

Persoalannya, umpamanya kalau dia kahwin di Malaysia ini apa akan terjadi kepada anak-anak mereka, apa status *citizenship* mereka kerana banyak khususnya wanita kita berjumpa dengan seorang daripada Bangladesh ataupun daripada Pakistan, rupanya lebih elok daripada Shah Rukh Khan. Selepas itu tertariklah hati, berkahwinlah mereka tetapi akhirnya tidak mengetahui di manakah letak soalan *nationality* ataupun *citizenship* anak yang dilahirkan itu nanti.

Pernah dan masih pun berlaku dan ada pun berlaku anak wanita-wanita kita sampai mengikut si suami balik ke negara itu, bila sampai ke sana baru menyedari bahawa Shah Rukh Khan yang di jumpa di sini tiada kedudukan sebagaimana Shah Rukh Khan dalam televisyen itu, dan hendak balik ke Malaysia dengan anak yang di bawa di tangan, macam mana anak ini, di mana statusnya. Ini perlu diambil kira dan diambil keprihatinan yang tinggi oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada perkara lain iaitu soal majikan lagi tidak membayar gaji dan sebagainya ataupun membayar gaji dengan harga yang murah dan dibayar dengan harga yang murah, ini orang pekerja rumah ini. Bila dia dibayar katakan gaji RM350 itulah gaji dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri penjelasan dengan khusus Tuan Yang di-Pertua. Digaji dengan RM350, selepas itu dia kata gaji ini tidak termasuk makan, tidak termasuk tempat kediaman, tidak termasuk api, tidak termasuk air dan tidak termasuk banyak lagi perkara lain. Habis hujung bulan potong kiri, potong kanan gaji tidak ada habis.

Tuan Yang di-Pertua, selepas dua tahun balikhlah anak ini ke kampung halaman mereka dengan tidak ada gaji satu sen pun. Mana dapat gaji kerana sudah potong kiri,

potong kanan. Jadi, di mana garis panduan yang diletak oleh pihak kementerian yang disebutkan dalam Seksyen 27 ini, merangkumikah tidak perkara ini. Kalau seorang dari yang kita terima sebagai pekerja di rumah kita itu, adakah ini termasuk makan, minum, tempat duduk, tempat kediaman, api, air, electricity dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau tidak termasuk habislah gaji dia nanti, di mana letaknya. Sila Yang Berhormat bagi Larut.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Santubong. Saya tertarik tentang masalah ini. Masalah satu ialah tentang kecuaihan majikan. Biasanya majikan kalau dia cuai ke atas pekerja asing ini, majikan yang akan denda, kena *fine*, dengan izin. Masalahnya pula ialah kalau kecuaihan ini berlaku ke atas pekerja asing, majikan yang kena.

Saya mintalah kepada Yang Berhormat Santubong setuju supaya pihak kementerian melihat jangan menyalahkan sahaja kepada majikan terutamanya pembantu rumah, apabila pembantu pekerja asing ini yang telah melarikan diri sebab tentu, majikan yang kena. Pihak kementerian juga kalau boleh melihat perkara ini supaya janganlah majikan juga teraniaya di atas perbuatan pekerja-pekerja asing ini. Adakah Santubong bersetuju supaya pihak kementerian melihat perkara ini begitu serius? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat bagi Larut, saya setuju, saya balik kepada soalan tidak bayar gaji ini. Selepas dia bayar gaji atas nama sahaja, potong kiri, potong *boat, lodging, food, drink, electricity*, api, air dan semua sekali. Bila sudah potong itu, semua gaji RM350 itu tadi, sains tidak ada duit lagi. Jadi, ini satu penganiayaan yang begitu besar sekali. Saya bagi penjelasan ini, satu perkara Tuan Yang di-Pertua. Dua orang anak yang umur dia baru 19 tahun bekerja di Kuching. Orang Kuching kata, "Nyucuk sate". Tiap-tiap malam pukul tiga pagi bangun, cucuk sate. Habis pukul 10, selepas bakar sate daripada pukul 11, tidak boleh tidur, kena kerja

rumah lagi. Satu hari kerja, dua, tiga jam sahaja boleh tidur, rehat. Gaji dia bagi hanya RM200.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bila RM200 habis, bila budak itu tidak tahan lagi bekerja, letih sangat, teruk sangat kerja selepas satu tahun lebih, dia keluar. Dia kata, gaji kamu telah dipotong sebab tempat rumah kediaman, air, api. Budak ini tidak boleh *on light* dalam bilik tempat tidur. Dia tidak boleh *switch on light* dia. Dia padamkan. Jadi, ini pun sudah kena dan RM200 pun habis. Jadi, anak itu berjumpa, ditakdirkan Tuhan berjumpa saya, saya hantar balik ke Indonesia. Hantar balik rupanya anak ini pendatang haram dan saya aturkan pihak wakil Indonesia di Kuching mengaturkan pemergian dia balik dan dia hantar sampai ke *border* dan selepas itu, diberi pasport di Indonesia dan dia masuk kembali ke Sarawak dan sekarang telah bekerja di rumah saya, lapan tahun sudah hingga sekarang. Jadi saya mengetahui perkara ini secara

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tadi kita diketengahkan dengan masalah eksploitasi wanita-wanita pekerja asing yang bekerja di negara kita, termasuklah menjadi pelacur dan sebagainya. Kalau ikut akta ini, saya perhatikan bahawa di antaranya ialah juga membenarkan agensi pekerja asing ini mengambil pekerja tempatan untuk bekerja di luar. Ini bermakna pekerja kita, warganegara kita bekerja di negara lain. Ini juga di antara peranan ataupun yang termasuk di bawah akta ini. Saya ingin bertanya dan saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Santubong, apakah bersetuju, kita cuba ketengahkan ataupun lahirkan, gambarkan kepada Parlimen ini oleh kementerian, berapa ramaikah pula pekerja-pekerja kita, pekerja tempatan ini yang dihantar bekerja di luar dan dieksploitasi oleh agensi pekerja swasta ini? Saya ingin mencadangkan apakah Yang Berhormat bersetuju supaya pihak kementerian memberikan senarai kepada kita, berapa ramaikan pekerja-pekerja asing yang

didaftarkan ini, yang telah disalahgunakan dan dieksploitasi sebagai pelacur dan juga menjalankan kegiatan-kegiatan yang lain?

Yang kedua, berapa ramaikah pekerja-pekerja kita seperti yang saya sebutkan tadi, yang telah dieksploitasi seperti yang sama, dan melibatkan mereka ini kecewa bekerja di luar negara?

Yang ketiga, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya pihak kementerian menyenaraikan berapakah jumlah syarikat-syarikat, agensi pekerja asing ini yang telah ditahan, ditangkap atau dibatalkan perkhidmatan mereka kerana menjalankan kerja-kerja yang tidak bermoral ini? Silakan. Sama ada bersetuju atau tidak dengan pandangan saya? Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Satu soalan itu sudah disebut saya tadi. Saya hendak senarai nama syarikat yang diberi lesen. Ini yang ditambah Yang Berhormat, supaya syarikat yang diambil tindakan oleh pihak kerajaan berlandaskan undang-undang ini, berapa banyak syarikat yang telah diambil tindakan, didapati bersalah dan apa hukuman? Ini kerana hukuman yang tertinggi sekali di bawah undang-undang ini RM5,000. Keperluan mendapatkan satu lesen kalau ia beroperasi dengan tidak berlesen. Penempatan yang memudaratkan kepentingan awam RM4,000, dan pengiklanan ini RM2,000. Maknanya, hukumannya kecil sahaja, senang bayar ini. Dapat satu pekerja, bayar dia punya *fee*, RM1,000 satu orang, sudah boleh bayar hukum dengan kementerian. Jadi begitulah murahnya hukuman yang dikenakan oleh pihak undang-undang ini kepada pesalah di bawah undang-undang ini juga.

Jadi, saya cukup yakin kementerian, wakil Timbalan Menteri mendengar hujah Yang Berhormat. Saya mengharapkan Menteri-menteri mengambil itu sebagai cadangan saya dan soalan saya dan memberi jawapan selepas ini nanti. Saya menyusulkan semula daripada pekerja yang menganiayai orang menjadi pelacur dan sebagainya, majikan yang tidak membayar gaji dan majikan yang mendera sebagaimana yang berlaku kepada Nirmala, baru-baru ini dan banyak perkara ini berlaku di seluruh negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita lihat perkara ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia ini tidak bertamadun. Tetapi sebenarnya sedikit sahaja, segelintirnya begitu

kecil sekali yang membuat penganiayaan ini, membuat perkara yang buruk ini, membuat perkara yang tidak siuman ini, yang tidak bertamadun ini. Tetapi, apakah tindakan yang patut kita ambil? Ini persoalan yang kita bangkit untuk semua rakyat Malaysia. Kalau tidak, malulah kita pergi ke negara lain, menunjukkan kita ini orang Malaysia, negara yang maju, bangunan yang tinggi mencakar langit, lapangan terbang yang elok di dunia ini tetapi orangnya tidak bertamadun. Jadi, saya mencadangkan supaya kementerian mewujudkan satu senarai ataupun satu pendaftaran maklumat. Tiap-tiap orang yang mengambil pekerja asing, syarikat ataupun individu, kita mempunyai data maklumat dalam kementerian, bukan disimpan oleh agensi pekerja swasta ini.

Di kementerian itu sendiri, mempunyai data maklumat ini supaya apabila penganiayaan berlaku, kita boleh *blacklist*kan mereka ini, sama ada individu ataupun syarikat supaya jangan tertimbul lagi dia menganiayai anak orang daripada Pontianak, selepas itu, ambil anak orang daripada Sulawesi, aniayai satu lagi, selepas itu berhenti, ambil lagi anak orang daripada Jawa Tengah dan sebagainya hinggalah Malaysia ini diburukkan nama oleh majikan yang sedemikian. Kita selalu mendengar perkara ini. Kita kadang-kadang rasa sedih, kita rasa pilu oleh kerana muka kita juga terkena, orang Malaysia. Tidak beza di antara Timbalan Speaker, wakil Ahli Parlimen ataupun mereka yang di luar sana, menjadi majikan kepada pekerja asing ini. Tidak ada bezanya. Rakyat Malaysialah yang terkena, rakyat Malaysialah yang akan mendapat nama yang buruk daripada mereka ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak mencukupi undang-undang ini, yang saya fikirkan sebagaimana Yang Berhormat bagi Bentong semalam sebut, saya juga menyarankan supaya kita *study*kan semula undang-undang yang kita buat pada tahun 1981 ini, belum mencukupi untuk menangani masalah yang berlaku pada 2005, kita pindahkan semula, bawa ke Dewan ini. Kalau baik, insya-Allah Ahli Parlimen semua akan menyokong. Jadi, dengan kata-kata yang sedemikian Tuan Yang di-Pertua, saya memendekkan sahajalah. Saya minta maaf. Janji saya tidak dapat saya tepati, bercakap sampai 4.30, kawan-kawan hendak bercakap. Jadi, saya mengundurkan diri dengan menyokong pindaan ini, walaupun saya masih menyarankan sepatutnya Yang di-Pertuan Agong lantik *Director General* itu, masih patut dikekalkan. Menteri lantiklah pegawai-pegawai lain.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tetapi, apa pula diubahnya? Ehh, ada.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya sudah kaji tadi dari segi Islamic Law dengan..... Minta maaf Yang Berhormat bagi Santubong dan Tan Sri Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Theresa Kok Suh Sim: Bukan Tan Sri.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Fasal ada hendak berubah sikit. Saya sebut tadi tidak perlu ubah, kagum. Tetapi, rupa-rupanya apabila saya tengok balik dari segi Hadharinya, masyarakat Hadhari tahun 1981, sekarang sudah 2005, kita terima kasih kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia, kerana berani membuat anjakan paradigma. Kita perlu kepada perubahan ini kerana sekadar melantik pegawai-pegawai kerajaan, padanlah kita kata dengan Menteri kuasa dia. Jadi, sebab itulah saya hendak tarik balik apa yang saya kata tadi, tidak patut ubah atau perlu diubah kerana dua seksyen ini saya rasa adalah satu anjakan paradigma untuk mencapai kemajuan dalam era globalisasi. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebagai wakil dan ejen kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu, saya pun bersetuju jugalah apa yang dicadangkan itu, supaya tidak bersentuh Kota Bharu tadi, jadi saya terpaksa bersetuju. Kalau *The Principal* bersetuju, kita kenalah setuju. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memintalah supaya undang-undang ini dilihat semula, diselidik semula dan kita lihat daripada segi hukumannya, peruntukannya dan bidang skopnya. Kalau tidak mencukupi, patutlah diselidik semula supaya perundangan kita *current* ataupun terkini daripada segi peruntukannya untuk menangani masalah yang berbangkit, yang telah dibangkitkan oleh semua wakil rakyat yang mendapat maklum balas daripada masyarakat keseluruhannya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tuaran.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan untuk memberi sedikit sumbangan dalam perbahasan ke atas pindaan Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini senang sahaja, hanya dua pindaan kepada seksyen 3 dan pindaan kepada seksyen 4 iaitu melibatkan takrif kepada Ketua Pengarah, kepada Ketua Pengarah Tenaga Rakyat yang dipinda kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja dan pindaan kepada seksyen 4 dipindahkah kuasa daripada Yang di-Pertuan Agong kepada kuasa Menteri, itu sahaja.

Saya ingin tanya, daripada pindaan ini apa sebenarnya tujuannya? Apa sebenarnya pindaan? Semalam apabila dijelaskan oleh Timbalan Menteri, kuasa Yang di-Pertuan Agong diperturunkan kepada Menteri untuk membuat penyelarasan tetapi bagi kita apabila suatu kuasa yang telah pada mulanya diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong tentu sekali pada ketika itu, akta ini adalah suatu akta yang penting, amat penting sehinggakan dia diberi kuasa Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, persoalan kita sekarang, apa sebenarnya masalah yang telah dihadapi semasa melaksanakan undang-undang ini, sebab saya difahamkan walaupun sudah panjang lebar perbincangan-perbincangan yang telah dibuat oleh sahabat-sahabat dari semalam sehingga pada hari ini yang bersangkutan-paut dengan soal pengambilan pekerja asing ke Malaysia tetapi saya difahamkan bahawa akta ini sebenarnya hanya digunakan untuk mengambil pekerja-pekerja swasta untuk orang-orang tempatan sahaja dan tidak ada kena mengena dengan mengambil pekerja-pekerja asing, tidak ada kena mengena.

Jadi, persoalannya sekarang dalam pindaan ialah ini apa sebenarnya tujuannya. Masalah yang dihadapi oleh negara pada hari ini ialah soal pekerja asing. Itu masalah pokok, masalah yang paling besar. Tetapi kenapakah akta ini tidak dipinda untuk membolehkan, memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menangani soal-soal pekerja asing. Itu persoalan kita. Apakah pihak kementerian tidak nampak masalah ini? Apakah kementerian tidak meminta kuasa kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja ataupun Ketua Pengarah Jabatan Buruh untuk menangani masalah pekerja asing? Itu persoalan pokok kita sekarang.

Semalam, Yang Berhormat bagi Bentong dengan panjang lebar menyatakan bahawa berilah kuasa. Itu yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong ini seperti mana kita kenal beliau, dahulu dia bekerja di sana sebagai Setiausaha Politik

dalam Kementerian Sumber Manusia, dia tahu keadaan ini tetapi kenapa. Itu persoalan dia.

Saya ambil contoh, ini bagi negeri Sabah. Di negeri Sabah, untuk mengambil pekerja asing, undang-undang yang digunakan ialah Undang-undang Buruh Negeri Sabah (Sabah Labor Ordinance), satu undang-undang yang kita telah luluskan dalam sesi yang lepas beberapa pindaan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, walaupun sudah diluluskan, sudah diberitahu oleh Tuan Yang di-Pertua dalam persidangan kali ini tetapi belum lagi digazetkan dan belum lagi dilaksanakan. Itu pun satu isu juga.

Pekerja-pekerja di Sabah sudah mula risau kenapakah kelambatan pelaksanaan itu. Itu satu. Persoalannya di sini ialah kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada agensi-agensinya pekerjaan untuk merekrut pekerja asing di Sabah ialah Pengarah Jabatan Buruh Negeri Sabah yang menggunakan undang-undang Sabah Labor Ordinance dan tidak ada kena mengena dengan Ketua Pengarah, tidak ada kena mengena dengan Ketua Pengarah, Jabatan Buruh Malaysia. Inilah persoalan kita. Sedangkan dalam undang-undang ini, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 ini untuk seluruh Malaysia, yang ini, tetapi tidak diberi kuasa dalam konteks Sabah, *[Disampuk]* Sarawak pun sama diberi kuasa.

Yang paling aneh lagi di negeri Sabah ini ialah sebenarnya Pengarah Jabatan Buruh Negeri Sabah pun tidak berkuasa. Bukan dia mengeluarkan lesen-lesen. Yang mengeluarkan lesen ialah Pengarah Majlis Keselamatan Negara Sabah, Federal Special Task Force, ada satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Petugas Khas Persekutuan Negeri Sabah yang...

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Silakan, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Banyak perkara ini. Pada sesi yang lalu kita telah meluluskan satu undang-undang yang dipanggil *Labor Ordinance Sabah* yang sepatutnya menangani masalah buruh di Sabah. Saya ingin tahu pemerhatian Yang Berhormat tentang perkara ini kerana saya difahamkan hingga sekarang ini, Labor

Ordinance ini tidak dapat dikuatkuasakan di Sabah kerana terdapat kemusykilan yang tidak ditangani oleh pihak kementerian ketika menggubal dan membawa undang-undang ke Parlimen ini. Saya ingin pemanjangan rangkaian daripada Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Ini kena *side tracking* sedikit. Saya juga telah mendapat tahu yang *Sabah Labor Ordinance* yang telah dipinda itu, kita lulus pindaannya pada sesi persidangan yang lepas. Pindaan itu sebenarnya kita telah memuatkan apa-apa juga undang-undang, peraturan dalam *Employment Act* dimasukkan *Sabah Labor Ordinance*, itu yang berlaku dalam persidangan yang lalu tetapi belum lagi dilaksanakan, belum lagi digazetkan.

Masalah pokok dia ialah dalam *Employment Act*, siling untuk melayakkan seseorang menuntut *overtime* kalau di Semenanjung ialah RM1,500 tetapi dalam pindaan tersebut, bagi Sabah dan juga sama di Sarawak, maksimumnya ialah RM2,500. Ini bererti sudah *level middle management*. Jadi, kalau kita bekerja di banklah katakan, jadi tiap-tiap hari kita kena *balance* akaun di bank. Kita kena tutup akaun, *balance* akaun walaupun sampai tengah malam. Ini kena *overtime*. *So, it can kill the industry*. Itu antara masalahnya. Saya tidak tahu kenapa tidak dikaji perkara ini.

Semasa dibahas dalam persidangan yang lalu, seperti biasa juga apabila ada akta dibuat begini, kita tidak ada perbincangan, jadi kita lulus sahaja sebab undang-undang itu *is a breakthrough*. Pindaan itu sudah *breakthrough* sudah sekian lama. Pekerja-pekerja di Sabah menunggu untuk pembelaan hak-hak mereka dan sebab itu kita, Ahli-ahli Parlimen sokong. Hari ini ia tidak dapat dilaksanakan kerana ada bantahan daripada majikan dan sebelum dari itu majikan berdiam diri dan tidak cakap apa-apa sebab mereka tidak yakin yang Parlimen ini boleh luluskan, kita telah luluskan.

Jadi, memang benar pada hari ini belum diluluskan dan kita minta supaya Timbalan Menteri memberi penjelasan apa sebenarnya masalah. Kita buat andaian tetapi apa masalah dia, kita minta penjelasan.

Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kuasa memberi lesen kepada ejen-ejen pekerjaan asing di Sabah. Yang meluluskan, yang saya ceritakan tadi ialah Pengarah Petugas Khas Persekutuan dan ahli-ahli dalam jawatankuasa ini termasuklah wakil dari Kementerian Sumber Manusia Negeri Sabah, dari Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Ketua Menteri Sabah dan termasuklah Pengarah Jabatan Buruh.

Persoalan saya di sini ialah di bawah undang-undang mana kuasa ini telah diperturunkan kepada Pengarah ini. Di bawah undang-undang mana? Dari mana undang-undang?

Ini undang-undang Parlimen. Kenapa tidak diletakkan di sini kuasanya? Kenapa diberi peranan kepada *National Security Council*? Di sini tidak ada sebut pun. ataupun daripada undang-undang mana? Kemudian saya telah diberitahu bahawa dia punya bon. Bon kalau di Sabah ini saya diberitahu dia kena *cash* RM50,000 tiap-tiap tahun. *[Disampuk] Cash*. Kalau di Semenanjung saya difahamkan dalam bentuk apa sahaja, bank guarantee RM100,000 kalau di sini. Di Sabah RM50,000 *cash* tiap-tiap tahun. Dari undang-undang mana, di mana kuasa? Siapa beri kuasa kepada Pengarah Petugas Khas Persekutuan ini? Siapa beri kuasa?

Saya difahamkan bahawa bukan senang kalau mahu *renew* lesen di sini pun bukan senang, bukan senang, bermacam-macam. Kadang-kadang saya tidak tahulah, saya diberitahu kadang-kadang kelulusan kalau yang biasa main golf di padang golf. Dan selepas itu dia kena....

Tuan Donald Peter Mojuntin: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, Yang Berhormat bagi Penampang.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin satu penjelasan sahaja Yang Berhormat tentang lesen-lesen yang disebut oleh Yang Berhormat tadi diberi kepada syarikat atau diberi kepada individu-individu atau bagaimana? Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya minta Timbalan Menteri untuk menjelaskan nanti tetapi saya telah diberitahu bahawa jumlah lesen yang telah diberi kepada syarikat di negeri Sabah ialah sebanyak 32 syarikat. *I stand corrector* on this dengan izin tetapi saya telah pergi ke internet, tengok dia punya website Jabatan Buruh Negeri Sabah dan lesen yang telah dikeluarkan pada tahun 2004 tahun lepas ialah 11,350 lesen.

Seorang ahli: 11,000 ?

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: 11,350...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Di Sarawak berapa pula?

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ini Sabah sahajalah, Sabah, 11,000 sebab di sini boleh diberi kepada individu juga, ini yang kita tidak faham dan daripada 11,000 lesen yang dikeluarkan jumlah pekerja yang telah diambil sebanyak 95,000 daripada yang 11,000 ini sebab apa, yang berdasarkan kepada lesen-lesen ini ada kuota. Itu lagi kuasa jawatankuasa ini yang daripada Pengarah Pertugas Khas Persekutuan tugasnya ialah memberi kuota. Ini lesen ini berapa kuota, ini lesen ini berapa kuota yang boleh diambil [*Disampuk*].

Itu lagi satu perkara, bagaimana kuota itu diberi keputusannya bagaimana? Kalau di negeri Sabah ini pekerja asing hanya mesti dua sumber sahaja, Filipina dengan Indonesia. Inilah persoalan-persoalannya. Sebab masalah ini begitu besar tetapi dari segi perundangannya bagaimana? Perundangan masalahnya kemudian kita lihat, dia punya levi *again on this I stand corrected* it lebih kurang RM1,200 untuk levi untuk seorang. Selepas itu levi itu dibayar oleh ejen pekerjaan tetapi selepas itu ejen pekerjaan akan minta daripada pekerja. So itu gaji pekerja dia beri setengah sahaja yang lain itu perlahan-lahan itu bererti bahawa pekerja asing ini sudah berhutang kepada agensi pekerjaan. Oleh itu dia kena berterusan bersama-sama dengan agensi dan dia akan berterusan menjadi pekerja asing di negeri Sabah.

Persoalan yang sentiasa ditanya oleh rakyat Malaysia di Sabah ialah kenapakah beribu-ribu rakyat Sabah datang ke Johor Bahru, datang ke Klang Valley datang ke Seremban, datang ke Melaka, datang ke Pulau Pinang untuk bekerja tetapi tidak bekerja di negeri Sabah. Orang mengatakan gaji rendah, dia malas, apalah tetapi kalau kita lihat betul dalam sistem ini sebenarnya pihak majikan dia tidak boleh ganti pekerjaanya sebab dia sudah terikat dengan yang berlesen ini. Dia sudah terikat sebab setengah dia bayar pekerja asing itu sudah terikat dan oleh sebab itu dia tidak boleh lari dan terpaksa dia duduk di sana sampai lama.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah dinyatakan oleh wakil UNHCR sebentar tadi juga kita bertemu beliau menyatakan supaya pelarian Filipina juga hendaklah digunakan sebagai pekerja untuk mengganti pekerja-pekerja asing yang tidak balik lagi selepas OP TEGAS. Menteri Dalam Negeri juga telah menyatakan bahawa ya, kita akan beri, berilah kepada pelarian Filipina ini.

Tetapi semalam saya telah membuat ucapan penangguhan dan kita telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, satu jawapan bagi saya yang amat *shocking* suatu perkara yang selama ini Tuan Yang di-Pertua, saya telah bertanya tentang persoalan perlarian Filipina ini sejak saya masuk di Dewan yang mulia ini sampai sekarang. Dan saya tidak diberi jawapan berbagai-bagai jawapan. Jawapan semalam adalah satu jawapan yang saya anggap komprehensif yang telah menjelaskan kedudukan yang sebenarnya tetapi yang lebih *shockingnya* ialah bahawa Majlis Keselamatan Negara dalam mesyuarat pada 27 Ogos 2002 telah membuat keputusan untuk mengesahkan status pemastautin pelarian Filipina di Malaysia dengan mengatakan bahawa kepada mereka yang sudah tinggal di negara ini lebih daripada 30 tahun mereka akan diberi taraf warga negara dan bagi mereka yang tinggal di antara 15 tahun hingga 29 tahun mereka akan diberi taraf penduduk tetap dan bagi mereka yang berada di negeri Sabah kurang daripada 15 tahun akan diberi taraf pendatang tanpa izin.

Sebenarnya yang dikatakan pelarian Filipina ini yang berada di negeri Sabah sejak tahun 1972 dan dia punya *card of point* berada di negeri Sabah yang dikatakan sebagai pendatang tanpa izin sebenarnya tahun 1989 menurut jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam kerana pada ketika itulah satu banci telah dibuat untuk menentukan berapa ramai sebenarnya pelarian Filipina ini? Dan dalam bancian tersebut jumlahnya ialah 57,197 orang dan inilah *magic figure* yang telah diberikan oleh Menteri Dalam Negeri sejak tahun 2000. Inilah yang dikatakan dan inilah bilangan pelarian Filipina, inilah bilangannya, balik-balik 2,000 tersebut.

Tetapi baru-baru ini pada tahun lepas jawapannya sudah berbeza dan bilangannya sudah bertambah bukan lagi 57,197 dan bilangannya sekarang ialah 65,000. Satu jawapan yang telah diberikan oleh Kementerian Dalam Negeri di Dewan yang mulia ini kemudian yang semalam dalam jawapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, mengatakan bahawa sebenarnya jumlah IMM13 yang telah diberikan kepada pelarian Filipina ini bilangannya hanyalah 61,314, ini yang buat kita pening, ini yang pening mana satu yang betul? Sebab IMM13 ini adalah satu dokumen yang diberikan kepada pelarian Filipina sebagai satu tanda bahawa mereka ini dikecualikan daripada peruntukkan Akta Imigresen, dia boleh duduk di Malaysia tanpa passport dan

diberi dokumen yang dikatakan IMM13 tetapi mana satu yang betul? Mana satu yang betul?

Tuan Yang di-Pertua, satu soalan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak menjawab dalam ucapan penangguhan saya ialah yang semalam iaitu saya bertanya, orang-orang yang diberi kewarganegaraan ini oleh sebab nama-nama mereka ini bukan nama mereka atau bukan orang puteh punya nama bukan juga macam India punya nama yang Devamani anak Maniam ataupun nama Cina, saya hendak bertanya apakah status orang ini? Apakah orang ini akan diberi status Bumiputera? Ini amat penting apabila berstatus Bumiputera kalau di negeri Sabah menjadi anak negeri Sabah maka dia akan layak mendapat tanah dengan bergeran anti atau negatif title. Apakah nanti orang-orang ini layak untuk mendapat tanah dengan bergeran NT atau *native title*, atau apakah orang-orang ini layak untuk mendapat tanah *native title* atau apakah orang-orang ini bukan Bumiputera? Ataupun berbagai-bagai lagi keistimewaan-keistimewaan yang diberikan kepada Bumiputera itu tidak dijawab, itu tidak dijawab.

Dan saya mengandaikan bahawa Yang Berhormat Menteri tidak menjawab itu sebab apa yang beliau beri tahu adalah satu keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara dan bukanlah satu keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Kabinet. Oleh sebab itu saya ingin bertanya, ingin bertanya apakah... saya tidak tahulah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab ini atau tidak tetapi apakah Jemaah Kabinet telah membincangkan tentang masa depan pelarian Filipina yang sudah berada di negeri Sabah lebih 30 tahun dan dalam jawapan semalam Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa mereka ini layak asalkan boleh bercakap, bertutur dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu.

Saya bersetuju dalam hal ini tetapi bagi kita untuk menjadi warganegara Malaysia ini yang paling penting ialah dia mesti ada kesetiaan kepada raja dan negara kita. Apakah orang-orang ini telah ditanya? Apakah dia punya kesetiaan ini kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong? Jangan kita lupa, kita harus ingat bahawa orang-orang ini adalah orang-orang yang selama ini menuntut bahawa negeri Sabah itu adalah sebahagian daripada Filipina, negara mereka. Kita harus ingat bahawa kerajaan

negeri Sabah masih lagi membayar sebanyak RM5,000 kepada Sultan Sulu. Ini kita harus ingat jangan main soal agama, tolong!

Ini bukan soal agama, ini soal kesetiaan kepada negara, ini kesetiaan kepada negara, ini yang kita kena lihat. Kalaulah orang-orang ini diberi kerakyatan dan begitu banyak kalau kita lihat dalam perbicaraan kes *competition* pilihan raya Dato' Yong Teck Lee, Likas tahun 1999. Dalam perbicaraan tersebut, ada seorang saksi, seorang ketua negeri daripada Sandakan bernama Hasnan Ibrahim, dan beliau telah mengatakan ini dalam *affidavit* ini, dalam pengakuan bersumpah di mahkamah mengatakan bahawa beliau terlibat secara langsung untuk mengurus pemberian kad-kad pengadilan kepada sebanyak 400 ribu orang Filipina dan beliau sendiri telah membuat dokumen-dokumen ini ke Shah Alam ke Ibu Pejabat Pendaftaran Negara dan apabila ada masalah sehingga beliau bertemu disebut lagi nama pegawai-pegawai yang terlibat - Pengarah Jabatan Imigresen Sabah, Pegawai Pendaftaran Negeri Sabah. Disebut lagi nama di mahkamah sehinggakan sampai bertemu dengan Ketua Setiausaha Negara pada waktu itu Tan Sri Ahmad Sarji dan Ketua Setiausaha Negara mengatakan bahawa ini tidak betul, ini tidak ikut peraturan, tidak boleh.

Jadi beliau pun bertemu dengan Timbalan Menteri Dalam Negeri ketika itu dan Timbalan Menteri Dalam Negeri mengatakan "Eh, ini sudah diluluskan, ini sudah di ok kan oleh Perdana Menteri kita mesti teruskan" Dan diteruskan dan akhirnya kad pengenalan telah diberi kepada 400 ribu orang dan akhirnya selepas itu saudara Hasnan Ibrahim ini telah ditangkap di bawah ISA bersama dengan beberapa orang lain lagi. Beliau telah menerima hukuman.

Oleh sebab itu kita mengatakan bahawa pada hari ini ramai mereka di negeri Sabah apakah orang-orang ini setia pada negara ini? Apa sudah terjadi dengan dokumen-dokumen yang mereka pegang ini dan di manakah kedudukan mereka di negeri Sabah, di mana mereka tinggal dan sebagainya. Sebab itulah berbagai masalah yang telah timbul, *street children* - enam penempatan pelarian di negeri Sabah. Kita boleh jemput semua Ahli-ahli Parlimen pembangkang dan kerajaan kita melawatlah di Kinarut seperti mana disebut oleh Yang Berhormat bagi Papar tempoh hari. Kita pergi melawat ke situ.

Bagaimana kedudukan yang di Labuan, yang di Sandakan dan yang di Lahad Datu? Kita pergi tengok bagaimana kedudukannya. Di sanalah pengedaran *syabu*, di sanalah tempat merebaknya penyakit-penyakit dan sebagainya. Beginikah kita mahu menguruskan negara ini? Di mana keluhuran undang-undang? Di mana? *Where is the rules of law?* Sebab itu saya mengatakan dan saya sudah cadangkan di Dewan yang mulia ini tidak perlulah dengan *Royal Commission*. Kita sudah nampak *Royal Commission* ini tidak perlu, *lets have just a select committee to look into this*. Kita boleh katakan mereka yang telah terlibat dahulu yang disuruhkah, apakah *lets get immunity for them*. Tidak perlu ambil tindakan undang-undang pada mereka asalkan kad-kad pengenalan yang di katakan oleh projek ini ditarik balik dan kita uruslah orang ini dengan baik. Kalau kita mahu mereka tinggal di Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tentang perkara ini boleh saya minta ringkaskan dan kita boleh balik kepada tajuk.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, tajuk dia Tuan Yang di-Pertua, tajuk dia ialah kita ini bercerita tentang agensi pekerja swasta dan ada cadangan supaya mereka ini diambil sebagai pekerja di situ, di situ pokok dia. Kalau kita tidak selesaikan status dia ini macam mana? Macam mana? Itu status bagaimana? Jadi saya ingin mencadangkan supaya orang-orang ini sebelum di katakan diambil sebagai pekerja asing untuk menggantikan orang-orang pekerja asing yang dihantar balik dalam Ops Tegas itu saya ingin mencadangkan supaya kita tubuhkan satu jawatankuasa - *select committee*. Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pelarian Filipina ini kita sendirilah menemu duga orang-orang pelarian Filipina ini.

Kita tidak tahu bagaimana perasaan mereka, bagaimana terhimpitnya mereka ini, mereka ini hanya diperalatkan untuk mendapatkan keuntungan, diberikan pengenalan selepas itu diminta duit dan sebagainya ada yang menjadi jutawan. Tetapi apakah yang sudah jadi dengan mereka ini? Persekolahan mereka dan sebagainya? Biar kita ada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ditubuhkan supaya kita pun boleh bercerita kepada mereka, anak-anak mereka. Kita boleh bercerita, ke Filipina dan bertanya apakah perasaan orang di sana, kita boleh bertanya pelbagai kumpulan dalam

masyarakat kita dan *please don't make any new lateral decision* seperti mana yang telah dibuat di sini.

Yes, di sana kalau kita katakan ini *separate to the national security* kita mahu menyatakan bahawa apakah orang-orang Sabah ini merasa selamat? Walaupun sudah Majlis Keselamatan Negara telah menangani perkara ini sudah sekian lama, apakah kita merasa selamat? Ataupun apakah *national security council* ini telah mengambil pekerja asing begitu sahaja dan Sabah ini membangun tetapi orang-orang yang telah mendapat pekerjaan di negeri Sabah dan orang-orang Sabah bekerja pula di kilang-kilang di Semenanjung, bekerja pula. Ramai juga anak-anak Sabah ini bekerja di Singapura sama ada diculik ataupun sendiri.

Baru minggu lepas saya telah mengurus satu kes di mana seorang ibu beranak tiga. Dia pergi ke *tamu* menjual sayur dengan suaminya. Pagi-pagi dia pergi ke tandas awam dan ditangkap. Selepas itu pom, pom, pom dijual. Dia sekarang berada di Singapura dan dalam kes polis. Saya sendiri telah berjumpa dengan Pesuruhjaya Polis Sabah dalam hal ini. Dibuat begitu dan rupanya apabila dia sampai ke situ kita sempat bercakap ramai orang-orang Sabah bekerja di situ rupanya. Sedangkan di Sabah ini kita ambil yang tahun lepas ini 95,000 pekerja asing, apa punya cerita ini? Apa punya cerita ini?

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersama-sama dengan beberapa Ahli Parlimen yang lain supaya akta ini sebenarnya tidak ada erti, hendak sokong pun susah tidak sokong pun susah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: Hendak sokong tidak ada apa, tidak ada apa-apa. *So what? You give it to the Menteri* daripada Agong kepada menteri, *so what?* Apa jadi? Tidak ada apa-apa, tidak ada perbezaan. Daripada Ketua Pengarah Tenaga Rakyat dipinda perkataan Ketua Pengarah Tenaga Rakyat, *so what? So what?* Itu sahaja, tidak ada apa benda lain, tiada lain dalam akta pindaan itu sahaja dan kita ini berjam-jam berbahas tentang itu tetapi perkara pokok pindaan ini tidak akan menyelesaikan perkara pokok dalam soal pekerja asing - pengambilan pekerja asing, dalam soal-soal pengeluaran lesen-lesen kepada syarikat-syarikat yang mengambil pekerja asing tidak boleh menyelesaikan.

Ini tidak boleh menyelesaikan pelbagai masalah yang dibangkitkan oleh rakan-rakan yang lebih awal mengatakan ini *unemployment, graduate* lah tetapi tidak boleh menyelesaikan pindaan ini dan juga kehadiran pelarian Filipina di negeri Sabah yang dicadangkan supaya menggantikan pekerja asing itu juga demi menyelesaikan, sebab status mereka belum lagi diselesaikan. Tidak diselesaikan sebab kita tidak telus - tidak ada ketulusan dalam pengurusan. Apa salahnya kita teluskan, tidak ada masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkanlah sudah banyak perkara yang dibincang dalam soal pelarian Filipina ini saya amat terharu mendengar cerita tadi apabila menghadiri pelancaran buku tentang undang-undang dan hal-hal pelarian. Saya amat terharu di atas ucapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin mencadangkan supaya satu, kita tubuhkan sahaja Jawatankuasa Pilihan Khas untuk menangani hal ini, *Select Committee*.

Yang keduanya, kerajaan hendaklah mengkaji sama ada kita mahu *rectify UN Convention on Refugees Protocol 1952*. Kenapa kita tidak mahu *rectify* sedangkan kita ini, *we are on the main*, di tengah-tengah perjalanan orang-orang yang bermasalah seperti Rohingya, Aceh dan sebagainya, tetapi kita lihat UNHCR bermatian-matian untuk mendaftar. Saya difahamkan setakat ini telah mendaftar lebih kurang 40,000 orang pelarian sama ada dari Aceh atau Rohingya, tetapi tidak ada mekanisme dari segi perundangan untuk menyelesaikan kes di Malaysia sebab kita ini, *we are not signatory of the UN Protocol on Refugees*. Dan oleh sebab kita ini tidak *rectify*, kita tidak boleh membuat apa-apa pindaan dalam undang-undang yang sedia ada untuk memberi hak-hak kepada orang-orang yang dikatakan pelarian ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin sekali lagi mencadangkan supaya *let's have a comprehensive amendment to the* undang-undang. Jangan yang dua ini sahaja bukan setakat ini, itu yang pertama.

Yang kedua, saya mohon supaya Undang-undang Buruh Negeri Sabah (*Sabah Labour Ordinance*) itu dilaksanakan dengan secepat mungkin. Kalau perlulah dipinda soal kelayakan *over time* – 2,500 itu bawa balik ke Parlimen dan kita akan pinda tetapi jangan lagi ditangguh-tangguh, jangan ditangguh-tangguh, semua majikan susah bila hendak dilaksanakan, yang pekerja pun saya difahamkan di Kuching MTUC sudah buat piket. Apakah kita mahu menunggu sehingga pilihan raya baru dilaksanakan?

Sedangkan kita sudah meminta sehingga lebih 10 tahun untuk menunggu sehingga pindaan ini dibuat dan kita telah buat tahun lepas. Oleh yang demikian, saya tidak tahulah hendak sokong atau tidak sokong tetapi pindaan itu bukannya besar sangat, mudah-mudahan persidangan yang akan datang buatlah *comprehensive* punya pindaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

4.13 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang mengizinkan saya turut serta dalam membahaskan pindaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana sahabat-sahabat yang lain saya sependapat bahawa Akta yang dibawa ke dalam Parlimen pada hari ini pada pandangan saya adalah satu Akta yang tidak akan mencakup kepada keperluan ataupun kepada inti pati masalah yang sedang dihadapi oleh negara pada hari ini. Dan suka saya mencadangkan supaya Akta ini kalau boleh ditarik kembali, dikaji dan dibentang, dibawa kembali ke dalam Parlimen ini supaya ia lebih bersifat komprehensif dan mempunyai satu daya untuk menjana kepada satu usaha ke arah menyelesaikan apa yang dikatakan kemelut ataupun krisis dan isu yang melibatkan tentang pekerja-pekerja yang bakal mengisi sektor swasta ini, yang sudah tentu kita yakin dan percaya ianya melibatkan sumber atau guna tenaga manusia yang melibatkan pendatang-pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, tentang pindaan Seksyen 4 iaitu perkataan "Yang di-Pertuan Agong" digantikan kepada perkataan "Menteri". Setelah saya melihat sepintas lalu akan perkara-perkara yang terkandung sama ada secara tersirat ataupun secara yang tidak tersirat daripada Akta Ibu yang saya faham ialah perkataan "Yang di-Pertuan Agong" itu *answerable to the* Yang di-Pertuan Agong dengan izin yang memiliki suatu interpretasi yang melambangkan betapa besarnya masalah ataupun isu tentang keselamatan yang mesti dijaga dan dipelihara, walhal kita mengizinkan kepada mana-mana pihak untuk memenuhi sektor ini di mana sudah tentu Akta Ibu yang digubal pada waktu itu yang menitikberatkan tentang masalah keselamatan negara ini sendiri. Oleh

itu saya juga berpandangan bahawa seharusnya dikaji dengan mendalam tentang kuasa yang bakal diberikan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri yang berkenaan bukan untuk saya bersangka jahat ataupun kita berniat buruk, tetapi apa yang penting di sini ialah kita melihat kepada keseluruhan *we have to look at the big picture*, dengan izin tentang apakah sebenarnya masalah yang kita berhadapan pada hari ini, dan apakah ancaman-ancaman yang bakal kita hadapi, isu-isu yang berkaitan, isu-isu yang menjaring masalah ini yang sebahagiannya telah pun diperkatakan oleh sahabat-sahabat kita. Yang paling saya *concern* ialah tentang masalah yang berlaku sebagai mana yang disebut oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Malaysia Timur, iaitu daripada Sabah dan Sarawak yang sudah tentu mengakibatkan tentang bagaimana kita melihat secara spesifik dalam dua perspektif.

Yang pertamanya seharusnya kita melihat perspektif undang-undang itu sendiri, dan yang kedua sudah tentu kita melihat daripada perspektif kemanusiaan itu sendiri dan kita mestilah melihat bahawa kadang-kadang dalam hal yang tertentu *discretion*, ataupun timbang tara itu sangat penting untuk mengiringi kuasa undang-undang agar kedaulatan dan keadilan itu dapat dilihat dan dirasakan bersama, sama ada mereka yang bekerja di Malaysia sebagai warganegara Malaysia ataupun mereka warganegara asing yang mengisi sektor ini, yang mereka digelar sebagai pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya di sini secara ringkas saya ingin mengemukakan beberapa kes yang saya rasa perlu diambil perhatian dalam kerajaan menggubal ataupun melihat ataupun kalau boleh bersetuju dengan pandangan-pandangan Ahli-ahli Parlimen yang telah berbahas dengan isu ini supaya Akta ini akan datang kembali dalam bentuk yang cukup komprehensif untuk melihat dan menyelesaikan masalah. Sebagai contoh saya mengambil tentang kes yang berlaku kepada warganegara asing yang terlibat dalam isu Damansara Damai yang melibatkan suatu isu yang boleh menjejaskan dari segi jangka panjang hubungan diplomatik di antara negara Malaysia dan Indonesia. Dalam kes ini 90 orang pekerja Indonesia di Damansara Damai yang bekerja di projek *apartment* Armanai yang selama tiga bulan dan tidak dibayar gaji. Kemudian kita melihat dalam usaha menafikan upah pekerja Indonesia ini majikan telah melakukan banyak pelanggaran, penindasan dan kadang-kadang boleh kita kategorikan berlakunya kezaliman terhadap pekerja-pekerja asing ini.

Saya bukan berdiri di sini untuk membela mana-mana kepada pekerja tanpa izin daripada aspek undang-undang ataupun dari aspek undang-undang itu sendiri, tetapi perlu dilihat bahawa kesalahan mereka dari segi undang-undang perlu dihukum daripada aspek undang-undang tetapi upah mereka, tenaga kerja mereka dan juga keringat mereka perlu dibayar. Ini yang saya sebutkan tadi bahawa aspek kemanusiaan mesti berjalan seiring dengan aspek undang-undang supaya keadilan itu telus, dan boleh digambarkan memberikan satu impak untuk dilihat Malaysia adalah sebuah negara yang boleh dibanggakan martabatnya dalam mengaplikasikan undang-undang yang digubal dalam Parlimen ini. Dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, majikan ini dalam kes yang spesifik, saya tidak mengatakan semua majikan tetapi ada majikan sebagai contoh menghasut pendatang tanpa izin ini melakukan perkara-perkara provokatif seperti merobohkan bangunan yang mereka dirikan.

Ini berlaku unsur-unsur provokatif. Yang kedua, rumah kongsi mereka dirobuhkan dalam usaha menghalau mereka dan kes ini berlaku pada 2 Februari tahun 2005. Ini kes yang telah berlaku di mana unsur-unsur ini sangat menggambarkan bagaimana majikan ini telah bertindak di luar perikemanusiaan yang sudah tentu memberikan satu kesan yang sangat besar terhadap perspektif negara luar terutama negara-negara jiran seperti Indonesia, Vietnam dan juga negara-negara seperti Bangladesh yang negara-negara ini mengizinkan rakyat mereka untuk bekerja dalam negara kita sama ada mereka datang secara legal ataupun mereka datang apa yang dikatakan sebagai pendatang haram.

Kemudian kes yang ketiga, memaksa kantin supaya jangan memberi makan kepada mereka sehingga mereka terpaksa memburu anjing liar untuk dimakan. Ini kes yang berlaku dalam negara kita dan kes ini berlaku pada 4 Februari 2005. Yang keempat, memasang anjing untuk menahan mereka supaya tidak keluar dan melaporkan mereka ini kepada pihak yang berkuasa, pihak polis. Ini tindakan yang pada kita satu tindakan yang sangat jahat. Sudahlah upah mereka tidak dibayar, tenaga mereka dikerah untuk membina bangunan di sini dalam rasa ataupun dengan niat untuk mengaut keuntungan yang banyak dan mengambil kesempatan daripada kerajaan untuk melaksanakan proses pemutihan, maka majikan ini mengambil kesempatan melaporkan mereka ini kepada pihak berkuasa.

Kemudian, kes yang kelima sebagai contoh, mengupah pendatang tanpa izin dari suku kaum yang lain. Ini untuk menghasutkan semangat perkauman ataupun semangat etnik di kalangan mereka, berlakunya pergaduhan di antara suku-suku ini yang bersenjatakan parang untuk menghasut pekerja asal yang berbangsa Jawa dan Madura supaya merusuh. Kes ini berlaku pada 6 Februari 2005, kemudian, dengan menggunakan jentolak untuk merobohkan rumah-rumah kongsi mereka dan kes ini berlaku pada 15 Februari 2005.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat yang berucap sebelum saya bahawa akta yang dibawa ataupun pindaan yang dikemukakan dalam Parlimen pada hari ini tidak memberikan suatu item yang spesifik bagi menghukum majikan yang seperti ini. Apakah tindakan yang diberikan, yang boleh diambil kepada mereka? Kalau jenis inilah majikan yang mengambil pekerja ini, yang mengambil kesempatan ini, maka sudah tentu kita melihat berlakunya apa yang dikatakan ketidakadilan yang berlaku dalam negara kita dan kes ini pada pengetahuan saya yang saya ikuti telah melibatkan suatu keadaan yang tidak *conducive* di antara kedua-dua negara dan campur tangan daripada media-media asing – daripada CNN, CNBC, BBC London yang datang untuk menemu ramah mereka yang sudah tentu wawancara ini disiarkan ke seluruh negara yang sudah tentu memberikan satu imej yang tidak baik terhadap negara kita.

Jadi saya melihat secara spesifik tentang perkara ini di mana saya mengharapkanlah supaya negara kita, dalam kita mengurus dan mengambil tindakan dari isu-isu pendatang asing ataupun isu-isu pekerja asing yang bakal kita bawa dalam sektor ini supaya kita memberikan suatu gambaran, satu *impressio*, dengan izin, kepada dunia luar bahawa memang negara kita antara tempat yang paling selamat untuk diduduki sama ada oleh warganegara Malaysia ataupun warganegara asing yang menumpang mencari rezeki dalam negara kita, mereka juga berasa selamat sebagaimana yang dikeluarkan dalam setiap tahun dan yang terbaru, laporan daripada UNDP, bahawa masih lagi mengisytiharkan negara-negara di rantau Scandinavia sebagai contoh Sweeden, Finland dan negara yang teratas, top five sebagai tempat yang paling selamat untuk didiami dan negara kita masih lagi menduduki di tangga yang ke 40 ke bawah. Ini satu perkara yang masih dikira jauh daripada indeks untuk kita

mencapai negara dan paling tidak pun, *top ten*, tempat sepuluh teratas yang boleh diisytiharkan sebagai antara tempat yang paling selamat untuk didiami.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana isu ini menyentuh tentang hubungan dua negara terutamanya dalam isu Malaysia dan Indonesia dan juga apabila kita melihat tentang bagaimana ianya juga berlaku di kalangan majikan kerana majikan yang memang mengambil kesempatan. Kes yang spesifik, yang saya sebut sebentar tadi ialah yang menyentuh tentang bagaimana mereka mengambil kesempatan daripada tenaga asing ini untuk mereka mengambil keuntungan dan mereka mengambil kesempatan untuk meraih banyak keuntungan, tetapi juga berlaku kes-kes yang spesifik juga di mana terdapat majikan-majikan sebagai contoh baru-baru ini saya pulang ke kampung halaman saya dan terdapat satu pembinaan projek mega di Tanjung Bin di selatan negeri Johor, sebuah pusat jana kuasa yang mungkin terbesar di Asia Tenggara yang dibangunkan. Saya cukup terkejut apabila terdapatnya beberapa bekas-bekas siswazah yang memohon kerja dalam syarikat multinasional ini tetapi mereka tidak dipilih. Walaupun mereka merupakan graduan-graduan universiti tempatan, mereka berkelulusan dalam bidang *accountancy*, dalam bidang *engineering*, *electrical engineering*, *mechanical engineering* tetapi oleh kerana majikan-majikan ini memberikan keutamaan kepada pekerja-pekerja asing yang mereka juga mempunyai kelulusan graduan dalam bidang yang sama tetapi bersedia untuk bekerja dengan hanya gaji RM800. Maka, merekalah memenuhi tempat-tempat yang penting ini walhal anak-anak tempatan kita yang merupakan graduan-graduan universiti tempatan terpaksa tercicir daripada persaingan ini.

Ini juga saya melihat serta perkara yang perlu dilihat oleh kementerian ini yang mudah-mudahan dengan hujah-hujah yang saya berikan tadi supaya pihak kerajaan dapat melihat isu ini dalam bentuk yang lebih besar, dalam bentuk yang lebih fokus supaya apa yang penting adalah kita sudah boleh menyelesaikan masalah yang sebenarnya yang sedang berlaku dalam negara kita yang melibatkan tentang bagaimana peranan majikan dan juga peranan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub:yang dimainkan oleh agensi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Salahuddin bin Ayub: pengajian swasta ini untuk mereka....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jerai bangun.

Tuan Salahuddin bin Ayub:memainkan peranan dalam memajukan negara kita. Insya-Allah, wallahualam, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis Yang Berhormat? Sudah habis ya? Jasin.

4.28 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya juga hendak bersama-sama dengan rakan-rakan untuk membincangkan pindaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta tetapi di bawah persepsi yang lain kerana pada hari ini saya lihat, daripada semalam sehingga hari ini, daripada apa yang telah diperkatakan oleh rakan-rakan daripada back-benchers dan juga daripada pembangkang, saya tengok semua lari daripada tajuk, *[Disampuk]* kerana kalau kita tengok semangat Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 adalah satu akta untuk mengawal agensi pekerjaan yang menjalankan perniagaan untuk menempatkan orang kita, orang Malaysia di syarikat-syarikat ataupun di mana-mana badan di dalam negara kita atau anak-anak Malaysia kita hendak tempatkan di luar negara, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada satu pun masuk tentang buruh asing dan kalau kita lihat dengan semangat dok bercakap dua hari dua malam ini, saya rasa Akta 1981 ini pun kita kena tolak, tidak relevan lagi. Rata-rata wakil rakyat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah yang relevan Yang Berhormat ingin keluarkan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang relevan ini Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, baiklah, nantilah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Masalahnya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh berucap selepas Usul Peraturan Mesyuarat 18(1), sila duduk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

USUL

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Ijazah Perubatan Crimea State Medical University (CSMU) - Menarik Balik Pengiktirafan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu. Seperti yang telah pun diputuskan tadi, pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, sila kemukakan.

4.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik daripada Kedutaan Ukraine dengan rakan-rakan saya; Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan kita telah berjumpa dengan Duta Ukraine, Oleksandar D. Shevchenko dan Kaunselor Olexander Nechytaylo supaya kita dapat maklumat kenapa Malaysia Medical Council (MMC) adalah tarik balik pengiktirafan terhadap ijazah perubatan Crimea State Medical University (CSMU) di Ukraine.

Tetapi nampaknya bahawa Kedutaan Ukraine sama-sama dengan izin, *in the dark*, . mereka pun tidak tahu kenapa MMC menarik balik pengiktirafan kepada ijazah perubatan CSMU dan sama-sama lebih daripada 1,100 pelajar Malaysia yang sekarang

ada mengikuti kursus perubatan di CSMU, ibu bapa mereka ataupun CSMU sendiri pun tidak tahu kenapa penarikan balik pengiktirafan itu. Sungguhpun pengiktirafan ini baru dibuat empat tahun dahulu, 2001 ada dibuat pengiktirafan, tetapi ditarik balik pengiktirafan. Sangat jelas bahawa *The Honourable, His Excellency* Duta Ukraine belum pulih daripada trauma, 'shock' CSMU.

Oleh kerana tahun lalu beliau baru datang dan Kedutaan Ukraine baru bermula tahun lalu sahaja selepas lawatan Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir kepada Ukraine pada Ogos 2003 kalau tidak silap saya. Masa itu yang pergi pun bekas Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed dan mereka ada berjumpa dengan pelajar-pelajar Malaysia di CSMU. Ambassador Oleksandar berkata bahawa apabila dia datang untuk berkhidmat sebagai Duta Ukraine, keutamaan beliau ialah untuk mendapat pengiktirafan kerajaan terhadap ijazah-ijazah perubatan.

Sepuluh lagi universiti perubatan di Ukraine tidak pernah membincangkan lagi mengenai CSMU oleh kerana sudah diiktiraf dan beliau berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan untuk *another ten medical universities* oleh kerana di Ukraine ada 27 buah universiti perubatan macam Lviv National Medical University, Ivano Medical University, Ternopil State Medical Academy, Dnipropetrovsk State Medical Academic, Sumy State University, Kharkiv State Medical University, Donetsk State Medical University, Zaporizhya State Medical University, Lugansk State Medical University dan Odessa State Medical University

Beliau diberi satu gambaran yang jelas bahawa akan ada respons positif mengenai permohonan sepuluh universiti perubatan ini untuk dapat pengiktirafan, mungkin bukan semua tetapi ada positif respons. Dalam perbincangan beliau dengan pegawai-pegawai dan Kerajaan Malaysia dengan bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Dr. Mohd Taha Ariff pada Jun tahun lalu dengan Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba, saya minta maaf, saya tidak tahu kawasan itu.

Oleh kerana beliau ada melawat Ukraine November tahun lalu dan mereka kata, 'Should be no problem' mengenai recognition untuk sepuluh universiti. Tidak ada masuk fikiran Ambassador bahawa tidak ada *inkling* langsung bahawa MMC bukan sahaja akan menolak pengiktirafan untuk ijazah perubatan sepuluh universiti itu, tetapi akan tarik

balik pengiktirafan untuk ijazah perubatan CSMU. Sungguhpun barulah diiktiraf tahun 2001 dan ini satu shock trauma yang besar dan kepada beliau oleh sebab kita lihat Khamis lalu Ketua Pengarah dan Tuan Pengerusi MMC Dr. Mohd Ismail Marican ada mengumumkan tolak 10%. Pengiktirafan 10 universiti itu dan tarik balik pengiktirafan untuk CSMU. Bahawa ibu bapa yang sangat *concern* apabila mereka telefon MMC dan tanya apa kedudukan dan apa harus dibuat oleh kerana ada anak-anak mereka bukan sahaja dalam Ukraine tetapi buat persiapan untuk pergi *Ukraine*, mereka diberitahu bahawa MMU akan memberi pengiktirafan kepada ijazah perubatan lima universiti di Indonesia dan di Egypt tempat itu tidak patut pergilah.

Di Indonesia lagi lima universiti akan dapat pengiktirafan dan di Egypt. Adakah kursus perubatan di Indonesia dan Egypt lebih tinggi daripada CSMU dan universiti-universiti perubatan di Ukraine dan saya rasa ini satu perkara di mana MMC perlu memberi satu penjelasan kepada orang ramai, kepada rakyat Malaysia oleh kerana bukan sahaja kepada beribu-ribu pelajar dan ibu bapa mereka yang terlibat tetapi kepada rakyat jelata.

Saya difahamkan bahawa CSMU dan pun ijazah perubatan Ukraine adalah dipandang tinggi dalam Egypt dan Middle East. Oleh kerana tempat di mana dahulu Soviet Union adalah pengaruh yang besar ada memandang tinggi dan kalau ijazah perubatan Ukraine khususnya CSMU ada pandangan tinggi di Egypt. Kita sekarang menolak pengiktirafan ijazah perubatan CSMU tetapi akan memberi pengiktirafan kepada ijazah perubatannya Egypt.

Bukankah ini something very wrong? Saya bukan akan melibatkan credibility MMC. Saya bukan advocate atau pembela ijazah perubatan Ukraine atau CSMU saya tidak tahu langsung. Kali pertama saya kaji perkara ini. Saya no advocate, no defender mengenai ijazah perubatan CSMU atau Ukraine, tetapi apa yang saya mahu lihat ialah justice dalam perkara ini. Justice fair play. Saya diberitahu bahawa di Ukraine adalah pelajar-pelajar daripada Cuba yang ada mengikut kursus perubatan dan kita tahu di dunia Cuba adalah taraf yang tinggi oleh kerana ada satu sistem kesihatan yang terbaik sekali di dunia. Kalau begitu ini satu plus point bagi Ukraine akan menyertai European Union tahun 2008.

Semua perlu mempertingkatkan prosesnya, standard, taraf, excellence dan kepada saya ini semua plus point. Apa penjelasan daripada MMC? Keputusan MMC untuk menarik balik pengiktirafan ijazah perubatan CSMU menimbulkan banyak perkara. Yang pertama kenapa tidak beri grace period kalau benar bahawa MMC dapati bahawa ada apa kekurangan atau kelemahan ijazah CSMU, kenapa tidak beri grace period supaya boleh dipatuhi khasnya empat tahun dahulu ada memberi pengiktirafan dan kalau tidak silap saya, satu technical committee daripada MMU ada membuat lawatan ke CSMU dan Ukraine pada September tahun 2003. Tetapi dari September 2003, sehingga sekarang MMU tidak pernah menghubungi dengan CSMU kata ada mana-mana kursus atau prestasi yang kurang memuaskan dan perlu diperbaiki langsung tidak apa-apa communication.

Kedua Ketua Pengarah Dr. Mohd Ismail Marichan ada berkata bahawa CSMU dengan izin, lowered it's entry standard to such and extent, that it was accepting art stream dropouts and academically poor science streams student.

Saya tidak boleh faham kenyataan ini oleh kerana semenjak 2003, khasnya keputusan Kabinet, Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri ada di sini, dia boleh mengesahkan, bahawa kabinet buat satu keputusan bahawa semua pelajar Malaysia yang mahu mengikuti kursus perubatan di luar negeri perlu dapat satu no objection letter. No objection letter daripada Kementerian masa itu Pendidikan, sekarang Kementerian Higher Education yang memerlukan sekurang-kurangnya minimum requirement 3 principle C dalam STPM atau equivalent atau cumulative grade point average, CGPA 3 point. Kalau mahu mengikuti kursus perubatan atau dentistry di luar negeri. Kalau begitu CSMU kata bahawa mereka sudah mematuhi dengan syarat ini, setiap pelajar perlu ada no objection letter daripada Kementerian. Kalau begitu bagaimana boleh kata bahawa lower it's standard. Kalau ada bukti, bahawa CSMU ada menerima pelajar-pelajar yang tanpa mendapat no objection letter, kita mahu tahu. Umumkan, kita tahu supaya kita boleh faham.

Kalau tidak saya rasa MMC tidak adil, oleh kerana sudah ada no objection letter itu requirement yang ditetapkan oleh Kementerian oleh Kabinet dan ada ikuti kenapa boleh berlaku bahawa lower standards. Saya faham bahawa antara pelajar-pelajar dalam CSMU adalah pelajar-pelajar Malaysia yang cemerlang, high achievers 8As,

9As,10As, 11As, 12As oleh kerana mereka tidak boleh dapat kursus perubatan di negara kita dan high achievers. Saya harap bahawa kita boleh dapat satu jawapan yang memuaskan dan adakah standard kursus perubatan CSMU begitu rendah sehingga boleh kata loss case. Tidak boleh diselamatkan, it's a condemn case sehingga MMC perlu buat satu keputusan yang begitu high ended arbitrary dan tidak adil di mana pengiktirafan di tarik balik tanpa grace period untuk mematuhi dengan memperbaiki apa-apa kekurangan dan kelemahan yang didapati oleh MMC.

Khasnya daripada segi, tempat yang begitu ramai anak-anak Malaysia pergi untuk mengikuti kursus perubatan, oleh kerana termurah. Betul, termurah, no crime, nothing to be shame of, its the cheapest. Saya kata bahawa MMC tidak boleh disalahkan, kalau tidak mahu kompromi keselamatan dengan penyakit atau mahu memastikan bahawa pelajar-pelajar Malaysia yang mengikuti kursus perubatan sama ada di negara kita atau di luar negeri boleh menjadi kualiti doctors, tidak di 'short change' tetapi MMC perlu bertindak dengan adil, dengan ketulusan, dengan fleksibiliti. Kalau tidak akan disalahkan semacam Presiden MIC bahawa ada ulterior motive, ada udang di sebalik batu, tidak mahu orang India menjadi doktor. Itu dibuat oleh Presiden MIC.

Saya sokong dengan sepenuhnya kepada Yang Berhormat Presiden MIC apabila beliau membidas MMC oleh sebab keputusan yang begitu high ended, begitu arbitrary, yang begitu tidak peka, tidak sensitif apabila tarik balik pengiktiran Ijazah Perubatan CSMU. Saya harap bahawa Menteri-Menteri, Ahli-ahli Parlimen, parti-parti komponen lain di Barisan Nasional, MCA, Gerakan, UMNO pun bolehlah berdiri atas keadilan, sokong Presiden MIC dalam perkara ini supaya suspend the recognition MMC kepada Ijazah Perubatan CSMU beri CSMU satu grace period untuk mematuhi dengan apa-apa yang perlu ditetapkan oleh MMU supaya rakyat Malaysia, anak-anak kita high achievers, semua anak-anak kita, kita cinta.

Mereka yang the most useful, talented, capital modal untuk negara kita. Tidak dinafikan hak-hak mereka untuk mengikuti kursus perubatan di luar negara. CSMU, kita patut faham bahawa sudah menjadi sebuah universiti yang terbesar sekali termasuk dalam Malaysia dengan concentration yang terbesar, di mana ada pelajar-pelajar Malaysia mengikut kursus perubatan. Lebih daripada 1100 anak-anak kita.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Hinghlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Time is very short but don't waste it away. Okay.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Saya ingin bertanya universiti ini mempunyai satu rekod yang begitu panjang sekali daripada 1931 dan begitu ramai sekali doktor telah dilahirkan. Saya ingin bertanya bolehkah MMC membuat keputusan untuk *derecognize*, dengan izin, sedangkan Kementerian Pengajian Tinggi sudah pun mempunyai kelulusan untuk keluarkan syarat-syarat prasyarat pengambilan seperti yang dikatakan pada tahun 2003 melalui pekeliling mereka.

Saya dimaklumkan bahawa segala prasyarat itu telah diikuti sekarang. Apakah alternatif kepada pelajar yang inginkan pengajian kedoktoran daripada banyak tempat-tempat tidak diberi dan akhir sekali bagaimanakah dengan pelajar-pelajar yang sudah ada dalam matrikulasi sekarang yang telah belanjakan begitu banyak duit sekali dan apakah alternatif nya di Malaysia? Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sudah jelaslah, ada dengar tahu, saya sudah cakap itu. Ini because the biggest single university di mana terbanyak pelajar-pelajar Malaysia mengikuti courses itu, 1,100 mereka dan ini oleh kerana bahawa CSMU yang termurah sekali untuk rakyat Malaysia. Ada satu kursus yang diiktiraf oleh kerajaan sama ada dalam negara atau di luar negara. Di dalam negara kalau IPTS, kalau mahu mengikuti satu kursus perubatan di Australia kita mungkin memerlukan RM400 ribu, Kanada perlu RM 500 ribu; untuk United Kingdom, RM630 ribu. United States perlu RM700 ribu dan kalau dalam IPTS, dalam negeri pun mahu RM250 ribu. Tetapi untuk CSMU RM100 ribu. Sebab itu ada begitu ramai anak-anak kita pergi ke CSMU dan tentulah MMC sangat tidak bertanggungjawab kalau tidak ambil kira perkara ini.

Adakah MMC ambil kira perkara ini? Saya rasa satu lagi editorial ada ditulis dalam News Straits Times semalam yang menyamakan masalah killer doctor di Australia, saya rasa sangat tidak bertanggungjawab dalam perkara ini. Rakyat Malaysia akan bersetuju dengan MMC sebagai custodian profession perubatan mahu jaga baik

kesihatan rakyat, tetapi ia mahu keadilan. Ada lagi tiga faktor yang perlu kita ambil perhatian mengenai CSMU.

Yang pertama, CSMU bukan satu fakulti perubatan, *it's not a medical faculty, it's medical university, it's a full medical university* bukannya *medical faculty*. Tidak ada didaftar dengan *World Health Organisation*, ada pelajar-pelajar *international* atau luar negara daripada 38 negara, dia di *rank* nombor dua daripada senarai 27 universiti tempatan di Ukraine dengan sejarah 40 tahun dan *teaching experience*, ada mengeluarkan lebih daripada 25,000 orang doktor. Ia ada 68 *department* atau fakulti dengan lebih daripada 600 profesor, 12 hospital dan 8,000 katil.

Kedua, daripada 1,100 rakyat Malaysia yang belajar mengikuti kursus perubatan di CSMU, pagi ini saya ada kata, pagi ini saya ada memberi satu *breakdown, breakdown* bahawa 300 orang Melayu, 240 orang Cina, 470 orang India, 25 *others* tetapi sekarang saya ada dapat maklumat yang lebih terkini, mungkin lebih tepat ialah doktor sebenarnya ialah 220 orang Cina, 231 orang Melayu, 581 orang India, 25 orang lain-lain.

Point ketiga, oleh sebab kursus perubatan di CSMU begitu murah bukan sahaja rakyat Malaysia sendiri pergi ke CSMU, jabatan-jabatan kerajaan pun hantar scholar-scholar kepada CSMU. Diiktiraf oleh PAC semacam angkatan tentera Malaysia, MARA, Yayasan Selangor, Yayasan Terengganu, MIED, KOJADI dan pelbagai bank-bank yang ada hantar scholar kepada CSMU.

Saya harap bahawa dalam perkara ini apa yang kita mahu ialah satu tindakan yang adil dan saya harap bahawa kita boleh menyuarakan, kita sependapat bahawa MMC patut juga bertindak dengan adil, suspen *derecognition* mengenai ijazah-ijazah perubatan CSMU. Umumkan apa kekurangan, kelemahan CSMU, make public kita mahu tahu. Saya bukan defender, saya bukan *evocate* CSMU dan kita tahu apa itu kekurangan, kelemahan *shotcomings* dan beri *grace period* kepada CSMU. *You* betulkan, memperbaiki, kalau tidak, okay, *final decision* di *recognise*, itu hal yang lain. Oleh sebab kalau CSMU standard yang begitu rendah, kenapa diiktiraf? Pengiktirafan dibuat pada 2001, patutlah ada satu proses *verification*, satu proses penilaian yang tunjuk cukup standard? Kenapa dalam tiga tahun tidak?

Kedua, kita tidak mahu perkara ini menjadi satu isu yang menunjukkan bahawa MMC satu badan profesional pun boleh bertindak dengan begitu tidak adil. Sebenarnya

kalau saya tidak silap, keputusan untuk menarik pengiktirafan CSMU atau apa-apa universiti patut dibuat dengan akhirnya persetujuan Menteri yang berkenaan. Adakah Menteri yang berkenaan, Menteri-Menteri Kesihatan ada memberi persetujuan atau ini dibuat tanpa proses itu dibuat? Menunjukkan bahawa itu tidak besar. Saya harap bahawa oleh sebab Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pun ada banyak pandangan, maka saya tamat di sini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kena habiskan sebelum pukul 5.

4.44 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, boleh, boleh. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menarik pengiktirafan ini bukan satu perkara yang baru. Sebenarnya, 2 minggu dulu dalam beberapa organisasi dan orang ramai telah menyatakan bahawa keadaan sedemikian akan berlaku. Tetapi kita nak tahu dari bila dan siapa yang menyebabkannya?

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2003, 2004, pada masa itu Menteri Pelajaran Datuk Musa telah pergi ke Crimea Universiti dan saya difahamkan beliau ingin berjumpa dengan organisasi di sana. Bila beliau berjumpa dengan pihak pelajar-pelajar, beliau terkejut dan inilah perkataan dia guna, "*How come this be? Why are there so many Indians in this university?*". Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu perkara yang saya baru dengar. Dua tahun dulu ramai di antara masyarakat dan orang-orang India dengar perkara ini. Ura-ura, *rumors become the truth after some time*.

Pada tahun 2004, kita ada satu Parliamentary Secretary yang telah pergi ke sana dan sebelum itu teknikal team telah pergi ke sana. Ini bukan perlukan banyak masa untuk membuat satu keputusan. Kenapa kita dapat satu keputusan selepas finding dibuat lebih dari dua tahun dahulu, lebih dari satu tahun dulu? Adakah ini boleh diterima pakai? *A decision made two years ago*. Saya rasa ini adalah satu perkara yang aneh. Dan satu di antara perkara yang dikatakan oleh MMC adalah *student ratio, what is the accepted standard ratio?* Satu kesepuluh, satu kedua belas.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Tak cukup masa lah, 1:6, *international standard*. Saya difahamkan universiti-universiti tempatan sangat teruk lebih ke 1:14, 1:15, kenapa tindakan tidak diambil? Adakah kerajaan akan membuat satu pendirian yang tulus dan ikhlas bahawa ini bukan adalah satu perkara yang disebabkan kerana satu polisi yang tidak boleh diterima oleh beberapa orang dalam kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Gombak bangun.

Tuan M. Kula Segaran: Minta maaf, *I just don't have time. I give you once....*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya melihat beberapa fakta harus diperjelaskan. Yang pertama MMC ialah Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Perubatan Malaysia ini adalah satu badan profesional yang memantau kualiti doktor-doktor ataupun pengamal perubatan di negara ini, yang mana anggota Majlis Perubatan Malaysia ini adalah terdiri daripada doktor-doktor, sebahagian besarnya dipilih melalui pemilihan, melalui proses pemilihan. Jadi kita tahu bahawa, saya nak terangkan sedikit

Tuan M. Kula Segaran: Saya tidak ada cukup masa, *maybe later*, saya minta maaf, minta maaf. Saya tahu standard dan siapa dipilih dan sebagainya, kita tahu, kita semua tahu tetapi yang menjadi aneh ialah seperti saya kata, lebih dua tahun dulu, macam dulu satu peperiksaan lepas dua tahun, lepas itu sahaja baru membuat keputusan. Dalam sistem kehakiman langsung ini tidak boleh dipakai, di Malaysia atau di mana-mana pun. Student ratio adalah satu perkara yang saya rasa adalah diguna pakai oleh MMC, dan saya sangat hairan. Walaupun *the acceptance standard* adalah yang dikatakan sudah meliputi dan kenapa tidak memberi masa kepada universiti tersebut.

Walhal, universiti Manipal yang ada kampus di Melaka telah diberi masa, dengan izin, *you are required to do this following things, filling which will be recognise*. Kenapa dengan tergesa-gesa, *why*, apakah *over zealous act of the MMC president*? Apakah ini satu perkara yang boleh dibuat oleh beliau? Dan, saya pun hairan, seorang senior menteri boleh membuat satu kenyataan yang tidak beza daripada apa yang saya keluarkan hari ini. Ini adalah pandangan masyarakat India di negara ini. Kita betul-betul rasa satu keputusan MMC yang teruk, yang tidak boleh dipakai.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu tahu bahawa kebanyakan masyarakat India adalah dari, *from the lower income group* dan juga ramai di antara bangsa lain, Cina dan Melayu yang tidak ada pilihan tetapi perlu dapat satu saluran sahaja hanya boleh hantar ke Crimea. Bagilah galakan, kalau kerajaan tidak ada tempat, tak apa, biar mereka pergi ke sana untuk melanjutkan pelajaran, ini anak-anak kita, anak-anak Malaysia. Bukankah satu sistem perlu ada supaya - kita tak cukup, kita tak cukup, kita tahu, kita betul-betul tidak ada sistem metokrasi kalau ada semua *student-student* dari HSC yang dapat 5A dan sebagainya semestinya boleh masuk ke universiti tersebut tapi kita tidak ada. Jadi, bagilah mereka. Jangan cari satu alasan untuk mengelak. Satu di antara perkara yang dikatakan adalah universiti-universiti bukan sahaja dari Indonesia dan Egypt, universiti-universiti yang lain, saya difahamkan akan diiktiraf tidak berapa lama lagi. Semua ini tidak ada koneksi-koneksi yang tertentu dengan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa.

Tuan M. Kula Segaran: Jadi saya haraplah jangan lepaskan, *don't let down the Indians in this country, don't let down the people of this country, and don't let down our children.* [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ipoh Barat kerana bagi peluang untuk saya. Apa yang hendak saya terangkan pada hari ini ialah;

- (i) Tentang MMC tadi yang mana saya telah menerangkan sedikit sebanyak;
- (ii) Bila istilah penarikan balik. Bila dia kata penarikan balik pengiktirafan itu bukan bermakna mereka yang belajar di situ tidak boleh belajar. Mereka boleh terus belajar tetapi bila mereka balik ke Malaysia mereka harus mengambil peperiksaan yang dipanggil sebagai *Medical Qualifying Exam* iaitu kalau mereka sudah belajar di sana dan balik di Malaysia sebelum mereka melakukan pengamalan perubatan mereka harus mengambil peperiksaan ini dan tidak ada salahnya kalau mereka terus belajar di situ; dan

- (iii) Kalau kita lihat saya sebagai seorang Ahli Parlimen dan sebagai seorang doktor perubatan saya telah mengamati masalah ini dengan begitu teliti kerana seperti mana kita tahu bahawa komposisi kaum yang ada di sana, menggambarkan semua komposisi kaum yang berada di Malaysia iaitu kita tengok ada orang India, ada orang Melayu dan ada orang Cina.

Selain daripada itu apa yang kita tidak diterangkan tadi yang saya lihat ialah masalah yang dipersoalkan oleh Majlis Perubatan Malaysia iaitu atau dipanggil sebagai kelas pra-perubatan ataupun yang dipanggil sebagai *foundation course*. Ini yang dipersoalkan kerana di dapati bahawa daripada pengamatan saya yang saya baca dalam surat khabar, apa yang kita dapati bahawa pra-perubatan ini kursusnya mengambil masa lebih kurang 10 bulan yang selalunya bermula di antara bulan Januari atau satu lagi bermula pada bulan Oktober yang mana kita tahu bahawa apabila keputusan SPM keluar iaitu bulan tiga dan kebanyakan pelajar kita pergi bulan empat atau bulan lima tetapi walaupun pelajar-pelajar ini pergi bulan tiga atau bulan empat mereka juga boleh menamatkan dalam masa yang sama dengan pelajar-pelajar yang bermula pada bulan Januari.

Ini menunjukkan walaupun pelajar-pelajar ini tidak mengikuti kursus itu sepanjang 10 bulan. Ini yang dipersoalkan iaitu kursus pra-perubatan yang selain daripada itu kalau kita lihat ialah ada di antara pelajar-pelajar yang masuk kursus pra-perubatan ini di dapati adalah daripada pelajar-pelajar lulusan sastera tetapi untuk yang ini kita tidak boleh persalahkan universiti dan pelajar 100%. Kita juga ingin persalahkan bagaimana ini berlaku, bagaimana kelulusan ini boleh diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan juga bagaimana kelulusan ini dibenarkan oleh kedutaan kita di UK, harus ada koordinasi. Ini juga harus diperhalusi dan ini juga harus dilihat pada saya.

Pada pandangan saya kalau kita lihat yang apa yang saya amati berlaku perubahan yang begitu mendadak iaitu hujung tahun 2001 terdapat 53 pelajar Malaysia yang belajar di situ tetapi sampai bulan Mei tahun ini lebih kurang 1500 *foreign student* yang belajar di universiti ini di CSMU yang kita risaukan ialah bagaimana keadaan *ratio* di antara pensyarah dengan pelajar dan kita tahu bahawa *ratio* yang dibenarkan di

peringkat antarabangsa ialah 1 kepada 4 dan laporan yang kita terima *ratio* di antara pensyarah dengan pelajar ialah 1 kepada 8 di CSMU.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bahawa

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail:Kalau apa ini.....Sekejap ya. Kalau lihat Majlis Perubatan Malaysia ini adalah mementingkan soal kualiti dan pada hari ini kalau kita baca *The Star* pada muka surat 29, satu komen yang diberikan oleh Dato' Dr. Lian Siang. Mereka bersetuju secara konsesi dalam perbincangan di dalam Majlis Perubatan Malaysia bahawa tidak ada isu lain yang dipertikaikan hanyalah soal yang berkaitan dengan kualiti, itu sahaja tidak ada timbul isu lain.

Kalau kita kata timbul isu bangsa dan sebagainya semua bangsa Malaysia yang belajar di Universiti terlibat dan kita tahu bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia mahu melahirkan seberapa banyak pengamal perubatan yang boleh kerana kita tahu bahawa pada masa sekarang di Kuala Lumpur ada *ratio* doktor dengan *population* 1 ke 300, di Sabah *ratio* di antara doktor dengan *population* ialah 1 ke 3000 yang kita hendak capai ialah 1 ke 500 tentulah kita mengalu-alukan lebih banyak pengamal-pengamal perubatan diberi latihan-latihan.

Kita tahu bahawa kalau satu universiti ini tidak diberi pengiktirafan ada lagi 334 *foreign university* yang diberi pengiktirafan oleh Majlis Perubatan Malaysia dan seperti mana yang saya katakan tadi setelah kalau ditarik pengiktirafan mereka masih terus belajar tetapi mereka kalau balik di Malaysia harus menduduki *Medical Qualifying Exam*.

Kalau universiti itu bagus, kalau pembelajarannya baik apa masalahnya kalau menduduki *Medical Qualifying Exam* dan kita tahu di Amerika siapa-siapa sahaja yang dari luar negara yang pergi ke Amerika they are must.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Dr. Rahman bin Ismail:sit for Medical Qualifying Exam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat, Kepong sudah bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail:Pada saya ini tidak menjadi satu isu kalau mereka mahu menerus belajar di sana, kalau pembelajaran mempunyai kualiti yang tinggi balik ke Malaysia sit for the exam iaitu tahap kelulusannya, tahap kepayahannya

adalah sama dengan pelajar tahun akhir di Fakulti Perubatan di Malaysia dan kita tahu bahawa kebanyakan yang lepas-lepas kerajaan bukan sahaja memberi pelajar-pelajar ini kursus balik ke Malaysia beri mereka enam bulan untuk training bukan sahaja beri enam bulan training, bayar elaun lagi dan mereka diberi peluang tiga kali menduduki *Medical Qualifying Exam* ini.

Kita tahu dalam kes 200 pelajar yang datang dari universiti yang tidak diiktiraf tahun lalu diberi 4 kali peluang itu pun ramai yang tidak lulus. Kalau mereka mengikuti kursus yang baik, universiti yang baik, latihan mereka baik, mereka tidak harus tidak ada masalah untuk lulus di dalam peperiksaan ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail:Dalam hal ini kita harus mementingkan kualiti. Kita jangan bergerak beberapa langkah ke belakang di satu masa yang sama kita hendak melahirkan insan yang berkualiti, pengamal perubatan yang berkualiti tetapi di suatu masa yang lain kita hendak memberi kompromi terhadap kualiti ini. Silakan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan. Saya sukalah dengar orang yang begitu emosi sekali, begitu bersentimen sekali. Yang Berhormat bagi Gombak memang dia mempunyai kelayakan tinggi dan ini menunjukkan kualiti dan saya berharap sudah digunakan kualiti dan kriteria yang sama untuk menilai apa yang dibuat oleh MMC. Yang pertama daripada 334 universiti yang diiktiraf itu adakah kualiti mereka, kedudukan mereka, pencapaian mereka lebih jauh lebih baik daripada CSMU. Adakah ini benar dan adakah kriteria yang sama yang digunakan untuk semua universiti mesti digunakan, saya pun hendak tahu, saya mahu MMC menerangkan keadaan yang sebenar sebab apa tindakan yang diambil.

Yang keduanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sejak bertahun-tahun lagi itu pelajar yang lulus di Taiwan, universiti-universiti yang sebelum diiktirafkan balik ke sini dikenakan itu syarat untuk mengambil itu Peperiksaan *Medical Qualifying Exam*, mereka ambil bertahun-tahun sekarang tidak payah sudah kerana diiktiraf.

Kemudian itu di universiti Malaysia dan juga Myanmar dan semualah universiti itu apakah nisbah pensyarah dengan pelajar di Malaysia. Adakah itu 1:4 itu memang penting, adakah 1:4 di Ukraine, di sini CSMU 1:10 saya setuju itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan. Itu jangan tunjuk belakang sama saya lagi.

Dr. Tan Seng Giaw:.....Tuan Yang di-Pertua, kadang kala kita mempelbagaikan pemandangan kerana ini dunia ICT kita mesti pandang jauh dan pelbagaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Berhormat dia tidak payah beremosi kita dengan itu, berlogik dengan itu pandangan yang cukup hebat untuk menilai semua ini, tidak payah bersetujulah kalau MMC keluarkan semua itu sebab apa dibuat keputusan ini dan adakah mereka mengirakan 334 buah universiti lain juga, kita nampak double standard, satu standard sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah nanti tidak ada masa untuk menteri jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Menteri ada sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Tiadalah menteri, ada mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, menteri hendak jawab. Saya pun hendak soal menteri jugalah, sama ada gunakan standard yang sama untuk semua universiti perubatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Gombak habis sudah. Sudah selesai, sudah selesai saya minta Timbalan Menteri jawab.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan pertama sekali tahniah kepada Yang Berhormat Ipoh Timor dan juga Ipoh Barat. Kalau dengar hujah-hujah mereka, seolah-olah mereka ini adalah wakil rakyat kepada Kerajaan Ukraine.

Tuan Lim Kit Siang: *[Mohon tarik balik]*

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tarik balik.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Seolah-olah Yang Berhormat....saya tarik baliklah. Tuan Yang di-Pertua, jelas bahawa Yang Berhormat bagi Ipoh Timor terlalu emosional dalam membincangkan isu ini, dia nampak kuman di seberang, tetapi dia tidak nampak gajah di hadapan mata. Yang paling teruk sekali Tuan Yang di-Pertua, dia cuba kaitkan sekongkolnya DAP dengan MIC. Seolah-olah apa juga tindakan.....

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: This is my floor, seolah-olah tindakan MMC atau Majlis Perubatan Malaysia adalah bersifat perkauman. Saya berasa sedih kerana Yang Berhormat Ipoh Barat pula tambah ajinomoto dan mengatakan mantan Yang Berhormat Menteri Pelajaran apabila dia masuk sahaja ke CSMU mengatakan, *'How come there are a lot of Indians?'* Dia cuba mengaitkan isu politik dan etnik di sini. Walhal seperti apa yang Yang Berhormat bagi Gombak kata, MMC adalah satu badan profesional ditubuh di bawah Akta Perubatan 1971 yang semua kita faham.

Presiden MMC bukan macam Presiden atau Setiausaha Agong DAP yang ada kuasa veto. Dia adalah satu Jawatankuasa Musyawarah semua Lembaga yang duduk dalam jawatankuasa tersebut. Kuasa yang diberi oleh akta tersebut, MPM - Majlis Perubatan Malaysia mempunyai kuasa melulus dan juga kuasa menarik balik, walaupun ini kali pertama, saya sudah periksa dengan pegawai saya, satu-satunya universiti yang ditarik balik pengiktirafannya setelah beberapa langkah dibuat oleh MMC dan juga satu jawatankuasa yang dianggotai oleh lima agensi kerajaan.

Kita tidak membuat sesuatu keputusan dengan mendadak, kita buat keputusan ini dengan berdasarkan kepada laporan yang sah dan benar. Elok saya terangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dan memperkukuhkan dan memperkuatkan hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Gombak. Memang betul kita iktiraf universiti tersebut pada 2001. Masa itu ada 53 pelajar sahaja dari Malaysia. Tetapi selepas itu, angka-angka tersebut makin bertambah sehingga pada jangkaan kita dia akan mengganggu gugat kualiti serta prestasi pelajar-pelajar. Bukan sahaja dari Malaysia, tetapi juga pelajar-pelajar dari negara-negara lain.

Sehingga bulan Mei, ada 1366. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat tanya standard. Kita punya standard 1 dengan 4. Satu lecturer empat pelajar. Tahun lepas kita longgarkan sedikit sebab 200 lebih pelajar cemerlang tidak dapat masuk ke universiti-

universiti tempatan. Pelajar hendak jadi doktor sangat. Kabinet buat keputusan 1:6. Satu lecturer enam student, begitu strict sekali. Kita berhubung dengan rektor universiti tersebut, inginkan penjelasan selama satu tahun daripada 2002 hingga 2003. Kita susul lagi 2004, sampai sekarang tidak jawab. Kenapa isu pengambilan pelajar ini daripada kecil hingga jadi besar yang boleh menjejaskan kualiti. Saya pasti ahli-ahli Yang Berhormat tidak mahu dirawat oleh mereka yang datangnya daripada universiti ini.

Okay, itu satu.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tunggu dulu Yang Berhormat. Saya tengah syok ini. Ekoran daripada tindakan tidak ambil tahu ini, kita dapat maklum bahawa ratio di antara pelajar dengan pensyarah sudah sampai 1:8. Dan, jika suasana ini berlarutan, oleh sebab ada elemen perniagaan, lagi ramai student lagi bagus, ini lambat laun akan menjejaskan kualiti graduan-graduan yang lahir daripada institusi tersebut.

Kedua,

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai teachers-student ratio. Bukankah benar untuk Univesiti Malaya, untuk clinical bukan nonclinical di mana untuk clinical lebih kurang perlu, untuk nonclinical Universiti Malaya adalah kumpulan satu lecturer kepada 15 pelajar dan itu alternate days, yang bererti satu kepada 30 in real terms. Apa penjelasan? Ini dalam Universiti Malaya – Perubatan, yang premier universiti, teaching universiti.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat, saya ingat tak betul, saya datang daripada Universiti Malaya.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Masa saya dahulu pun GMC pun recognise. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kedua, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat menyatakan bahawa entry level tadi, kita dapati terdapat banyak bukti bahawa pelajar-pelajar yang masuk ke Fakulti Perubatan....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nanti dahulu [*Disampuk*] Nanti saya tidak sempat, saya ada 11 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.bahawa

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Bangun*]

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: The entry level memang betul, saya tidak menafikan bahawa ramai pelajar-pelajar yang masuk ke universiti tersebut ada yang bagus. CGPA 4, CGPA 3.9, terdapat STPM yang minimum tetapi lebih baik tetapi kita dapat bukti, terdapat pelajar-pelajar kelulusan sastera yang gagal SPM juga diberi kebenaran semata-mata kerana mereka mendapat satu visa.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Atau mereka dapat surat “no” daripada Kementerian Pengajian Tinggi, *no objection letter*. Tetapi walaupun mereka mendapat *no objection letter*, pokoknya mereka masih tidak layak kerana mempunyai keputusan kelayakan yang begitu rendah. Sebab itu mereka masuk ke dalam apa yang kita katakan *foundation* tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak berikan laluan...

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Details saya tidak boleh bagilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...kepada Yang Berhormat bagi Kepong? Dia tidak bagi.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kedua, saya hendak jelaskan mengenai *grace period*, perlu kita beritahu, bertolak ansur. Sebenarnya kita sudah bertolak ansur, dua tahun kita bertolak ansur tetapi oleh kerana ada anasir-anasir yang terlalu mementingkan kewangan dalam pengambilan pelajar-pelajar kita, maka unsur-unsur kualiti terpaksa digadaikan. Dan saya ingin jelaskan bahawa sehingga 1 Januari 2005, maknanya mereka yang masih belajar sekarang tidak terlibat. Mereka yang masih dalam *foundation*, dengan syarat mereka masuk pada bulan Januari, mereka juga tidak terlibat tetapi jika mereka masuk ke fakulti tersebut selepas 1 Januari 2005, mereka ini tidak akan diiktiraf.

Bermakna kita akan terima graduan-graduan yang tidak diiktiraf, mungkin lima tahun daripada akan datang sekurang-kurangnya, *the earliest*. Kemudian pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus *foundation* di Crimea University ini diberi kemudahan perpindahan kredit. Kalau kita tidak iktiraf, kredit-kredit mereka tadi itu boleh dicampur dan mereka boleh pergi ke universiti-universiti yang diiktiraf yang masih dalam *list* Majlis Perubatan Malaysia. Ini tidak terjejas.

Ketiga, sebagai satu kerajaan yang bertimbang rasa, Crimea State Medical University ini boleh mohon balik. Kita sudah cerai dia, kita tidak cerai dia talak tiga, kita cerai talak satu. Kalau dia rasa dia boleh perbaiki apa benda-benda yang kita nyatakan, kita boleh balik semula, tidak ada masalah sebab perkara-perkara yang remeh-temeh kita boleh selesaikan, apa yang kita hendak tekankan di sini adalah Majlis Perubatan Malaysia tidak akan berkompromi dalam hal-hal kualiti. Kita tidak lihat kulit, kita tidak lihat etnik dan kita adalah satu badan profesional.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kalau ada pemimpin sebuah parti dalam komponen Barisan Nasional mengatakan bahawa tindakan ini adalah semata-mata untuk mengurangkan kapasiti etnik India untuk menjadi doktor, itu tidak benar sama sekali.

Tuan M. Kula Segaran: MIC, MIC, Samy Vellu cakap itu tidak benar?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kalau kita tengok statistik etnik India tahun 1998, 27%, ada 3,507 doktor etnik India. Pada 2003, kita ada 30.3%, ada 3,808 etnik. Kerja MMC ini tidak kiralah kulit atau agama. Jadi kita jangan libatkan sebab kalau hendak libatkan etnik, ada 200 lebih pelajar-pelajar Melayu yang sedang belajar di CSMU. [*Tepuk*] Apakah kerajaan tidak mahu, orang-orang UMNO tidak mahu lihat perkara ini? Tetapi kawan-kawan kita dalam UMNO menyokong kerana UMNO *is the custodian of quality*. [*Tepuk*]

Dato' S. G. Sothinathan: Yang Berhormat, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' S. G. Sothinathan: Minta laluan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini bukan isu emosi atau apa tetapi di CSMU ini kita tahu semua ini adalah satu perkara dan fakta yang benar. Kita ada lebih daripada 500 pelajar India, lebih kurang 50%. Jadi sebagai satu parti yang bertanggungjawab untuk memastikan kepentingan masyarakat India di negara ini terbela memang adalah tugas kita untuk menyuarakan pandangan kita. Jadi itulah sebabnya. Tetapi kita kena lihat. Kita kata MMC itu profesional. Kalau dia profesional, bagaimanakah cara dia buat penilaian pada tahun 2001 secara tergesa-gesa. Menghairankan macam mana dia boleh buat.

Tetapi sekarang saya hendak tahu, apakah nisbah pelajar pada tahun 2001 dan tahun 2005 sekarang ini di CSMU ini dan saya hendak tahu jumlah bilangan pelajar secara keseluruhan di CSMU pada tahun 2001 dan sekarang. Saya tidak mahu tahu pelajar-pelajar Malaysia yang ada bila dapat pengiktirafan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kula Segaran: Jangan main-main ini isu.

Dato' S. G. Sothinathan: Satu lagi sahaja.

Tuan M. Kula Segaran: Ini mustahak.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya sudah faham.

Dato' S. G. Sothinathan: Ini saya hendak...

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Saya sudah faham.

Tuan M. Kula Segaran: Timbalan Menteri tidak faham.

Dato' S. G. Sothinathan: Yang Berhormat, ini isu penting, ini isu penting.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' S. G. Sothinathan: Saya minta laluan, ini isu penting.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Fahamlah, jalanlah, Timbalan Menteri jawab.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' S. G. Sothinathan: ...kerana perkara ini dibangkitkan oleh MIC, biar saya tanya. Saya hendak satu penjelasan. Ini berkenaan dengan *no objection certificate*.

Kementerian Pengajian Tinggi seolah-olah berwibawa, bagaimana dia boleh katakan, boleh keluarkan *no objection certificate* katakan itu tidak sah. Dia tidak beritahu.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' S. G. Sothinathan: Kita mesti lihat semua isu...

Tuan M. Kula Segaran: Saya setuju dengan pandangan itu.

Dato' S. G. Sothinathan: Kita mesti memperbaiki sistem kita kalau ada kelemahan dan melihat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Duduklah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya juga setuju.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Timbalan Menteri jawablah.

Dato' S. G. Sothinathan: ...nasib pelajar-pelajar yang ada di sana.

Seorang Ahli: Cakap-cakap belakanglah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita tidak aniaya mana-mana pelajar. Pelajar yang ada boleh terus dan jika lulus mereka akan jadi doktor yang diiktiraf.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Cukuplah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak terangkan sebab ada orang kata yang MMC ini tidak profesional, lihat kulit. Jadi saya kena terangkan bahawa yang ditekankan oleh MMC adalah kualiti. Kalau hendak ikut kualiti, 200 pelajar, majoriti pelajar perubatan yang sudah *graduate* daripada *unscheduled university* sepatutnya mereka sudah tidak diberi peluang selepas tiga kali gagal. 200 pelajar ini, Tuan Yang di-Pertua, saya terangkan semuanya etnik India tetapi kita bagi peluang. Walaupun mereka *sue* kerajaan...

Dato' S. G. Sothinathan: Yang Berhormat, bukan semua pelajar India. Saya ingat jangan bangkitkan isu perkauman.

Dr. Rahman bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' S. G. Sothinathan: Dia tarik balik visa itu saya tahu. Jangan Yang Berhormat kata semua pelajar India, *please*.

Tuan Lim Kit Siang: *80 withdraw that.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Biarlah Timbalan Menteri Kesihatan menjawablah.

Dato' S. G. Sothinathan: Cakap yang benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, patuhi Peraturan Mesyuarat.

Dato' S. G. Sothinathan: Jangan kata yang tidak benar.

Beberapa Ahli : [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Point of Order.*

Tuan M. Kula Segaran: Dia tidak cakap benar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Teruskan, yang lain duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua duduk.

Tuan M. Kula Segaran: Ini semua tipu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk. Melainkan Timbalan Menteri yang menjawab.

Seorang Ahli: Semua duduk.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu orang emosional. Saya hendak terangkan fakta....

Tuan M. Kula Segaran: Ini betul, ini betul.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: ...bahawa Kerajaan Barisan Nasional prihatin tentang kedudukan mereka walaupun mereka dakwa kerajaan..

Tuan Lim Kit Siang: Masalah apa itu *no objection letter*? Apa ertinya?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita bagi peluang 80 pelajar yang baru ini..

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita benarkan mereka menerima latihan di hospital-hospital kerajaan, kita bagi lagi RM500 kepada mereka ini untuk mereka lulus *Medical Qualifying Examination*. Saya ingat tidak ada kerajaan dalam dunia yang mengamalkan sistem ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

[Dewan riuh]

Puan Komala Devi: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sebab itu kita hendak mereka lulus dan mempunyai mutu dan kualiti supaya rakyat kita sihat. Bila rakyat kita sakit, kalau Yang Berhormat sakit, kita semua sakit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, masa cukup, cukup.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun dan menyampuk] [Dewan menjadi gamat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah sampai 5.30, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. *[Dewan menjadi riuh dan gamat seketika]*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Ya, duduk, duduk, duduk, duduk, racist, ini Ipoh Barat racist, duduk, duduk. Duduk, perkauman, perkauman, perkauman, ini perkauman, duduk, cukup....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perkauman, perkauman, perkauman, saya punya meja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun dan menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun dan menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bangun dan menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bangun dan menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Menyampuk dan menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun dan menyampuk] [Dewan menjadi gamat seketika]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perkauman Ipoh Barat, Ipoh Barat perkauman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat semua, cukup, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bloody racist, racist, racist, racist *[Dengan perasaan yang marah]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa Yang Berhormat cakap ini? Racist? Siapa yang menimbulkan racist ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Racist, itu hal-hal racist. Itu perkauman, perkauman, perkauman punya ahli parlimen.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun dan menyampuk]* Dia bercakap perkara yang benar.... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat .

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ipoh Barat, duduk, sudah habis, saya punya meja. You perkauman, duduk, saya punya meja.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk, semua duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa? *[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat Ipoh Barat]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya punya pandangan yang ikhlas. *[Bercakap tanpa pembesar suara lagi]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Mahu beri 500 India, itu perkauman..... *[Dewan menjadi gamat dan riuh seketika]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun dan menyampuk] [Dengan perasaan yang marah]* Apakah ini?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat. *[sambil menjerit]*
Peraturan Mesyuarat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: *[Bangun dan menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun dan menyampuk]* Kenapa harus macam ini? Kenapa? *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk, perkauman, you are racist, racist, you are racist, you have got no place in this country. Malaysia tidak hendak racist, you are racist.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baca usul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Racist, baca usul, Ipoh Barat racist, duduk, racist.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masuk pun tidak tahu kah? Yang Berhormat, Yang Berhormat semua duduk. Semua duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Racist, racist duduk, racist duduk. Hei, duduk, perkauman duduk, bloody racist, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduk, duduk, duduk, duduk. Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Racist duduk, duduk, perkauman duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baca usul kah? Bacakan usul.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya baca usul, ya saya baca usul, saya baca usul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baca, baca sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Huh racist, sila duduk racist, ya, racist. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tarik balik, tarik balik racist, Tuan Yang di-Pertua...: .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peraturan mesyuarat 16 (3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Saya sokong.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah, Batu Gajah, apa itu?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c)...

Beberapa ahli: Sudah tangguh sudah, sudah tangguh, sudahlah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain! *[Dewan gamat seketika dengan sorakan dan jeritan]* Menuduh ahli parlimen Ipoh Barat, tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sana tarik balik, duduk, sana tarik balik, you are racist!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tarik balik, *you are coward, and*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bloody racist, perkauman, tidak ada tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudahlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Racist, sana tarik balik, tarik balik. *[Dewan masih gamat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri, siapa yang sokong? *[Dewan masih gamat]* Yang Berhormat, Yang Berhormat semua duduk, semua duduk. Ini dalam keadaan begini saya pun tidak dapat mengikutlah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Saya sokong, saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PEMAJU KONDOMINIUM LE CHATEAU GAGAL MEMOHON HAK MILIK STRATA

5.33 ptg

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kondominium Le Chateau yang terletak di Lorong Syed Putera, Kuala Lumpur yang mengandungi beberapa blok bangunan telah dibina oleh pemaju, AZMRUD PROPERTIES SDN. BHD sejak tahun 1990. Salah satu blok mengandungi 144 unit sudah pun membayar cukai tanah kepada pemaju tetapi pemaju gagal untuk membayar cukai tanah kepada Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sehingga menimbulkan pertikaian antara pemilik dan pemaju berhubung syer pembayaran cukai antara unit kediaman dan rumah kelab.

Berikutan itu pemaju telah gagal memohon hak milik strata bagi pihak pemilik-pemilik unit sejak tahun 1996. Kondominium ini hanya mendapat sijil layak menduduki pada tahun 1999 sedangkan kondominium di tempat lain sudah mendapat surat hak milik strata.

Pemilik-pemilik unit ingin memohon Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bertindak tegas ke atas pemaju untuk campur tangan supaya mereka bertanggungjawab untuk memenuhi kehendak permohonan hak milik strata. Pemilik-pemilik juga merasa sangsi ke atas pemaju sama ada syarikat pemaju itu diurus tadbir oleh pengarah yang layak dan sah di sisi undang-undang atau sebaliknya.

Pemaju tidak boleh membiarkan masa berlalu tanpa membuat permohonan dan Jabatan Tanah dan Galian pula tidak boleh membiarkan pemaju-pemaju seperti ini tidak

diambil tindakan. Para pemilik unit kondominium menjadi mangsa kepada pemaju yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, lot tanah yang terlibat dan menempatkan kondominium Le Chateau, Fasa 1 dan 2 ialah GM 1334, Lot 10 dan GM 1335, Lot 11, Seksyen 94 (b) Bukit Kuala Lumpur dan GM 1775 dan Lot 38, GM 1819, Lot 37 dan GM 2090, Lot 12 Seksyen 94 (b) Bandar Kuala Lumpur. Apa yang saya fahami bahawa pemilik tanah benar mengemukakan permohonan untuk meminta syarat dan tanah dari bangunan kediaman kepada maksud pangsapuri untuk menyatukan tanah, memecah sempadan tanah dan menyerap balik sebahagian tanah pada tahun 1987 ke atas tanah GN134, Lot 10 dan GM133, Lot 11 Seksyen 94 (b), Mukim Kuala Lumpur tetapi sehingga sekarang pemaju masih gagal mendapatkan persetujuan bertulis pemegang kad keadaan dan masih terdapat kaveat-kaveat persendirian yang masih berkuat kuasa, oleh itu surat hak milik bagi lot 11, dan Lot 10 Fasa 1 masih belum disatukan. Dengan demikian masih belum ada pecahan hak milik tanah serta hak milik strata termasuk harta guna **sama** malah tidak ada serahkan sebahagian tanah kepada pihak berkuasa bagi membuat jalan keluar masuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Lagi sedikit, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara yang saya bangkitkan ini serius maka saya ingin mencadangkan supaya kementerian mengambil tindakan undang-undang seperti yang tertakluk dalam harta hak milik strata 1985 untuk mendakwakan pemaju yang mana jika mereka enggan atau ingkar untuk memohon surat hak milik strata selama enam bulan sijil kelayakan menduduki tempat dikeluarkan. Pemaju boleh didakwa di mahkamah dan ini bukan dalam tempoh enam bulan lagi tetapi sudah memakan beberapa masa berapa tahun. Apa yang penting iaitu ketegasan tindakan pihak kementerian sendiri ke atas pemaju yang mengabaikan kehendak undang-undang, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila menjawab.

5.38 ptg.**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:**

Kondominium Le Chateau yang mempunyai beberapa blok bangunan ini terletak di atas geran mukim 2417, Lot 108, Jalan Syed Putera Kuala Lumpur. Hak milik ini telah didaftarkan oleh pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di atas nama Zamrud Properties Sdn Bhd pada 18 Julai 2002. Penglibatan pendaftaran hak milik ini adalah disebabkan kegagalan pemilik tanah menyelesaikan beberapa isu berkaitan dengan tanah tersebut. Isu-isu yang dimaksudkan itu termasuklah mengenai permohonan itu yang pertama, meminda syarat nyata tanah iaitu daripada bangunan kediaman kepada pangsapuri, menyatukan tanah, memecah sempadan tanah dan menyerahkan sebahagian tanah untuk kegunaan awam di atas tanah-tanah geran mukim 1334, Lot 10 dan geran mukim 1335, Lot 11 dan kedua menukar syarat tanah daripada maksud pertanian kepada bangunan kediaman, menyatukan dan menyerahkan balik sebahagian tanah untuk kegunaan awam ke atas tanah-tanah geran mukim 1775, Lot 38, geran mukim 1819, Lot 37 dan geran mukim 2090, Lot 12.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kementerian telah dimaklumkan oleh PTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bahawa setakat ini pihaknya masih belum menerima sebarang permohonan hak milik strata ke atas kondominium tersebut. Kementerian ini juga dimaklumkan bahawa satu aduan lisan telah diterima pada 28 Mei 2005, daripada pembeli petak kondominium tersebut bahawa hak milik strata belum lagi dikeluarkan. PTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah pun memulakan tindakan dengan membuka fail siasatan ke atas aduan ini, sehingga kini siasatan telah berjaya mendapatkan pelan lokasi salinan hak milik diakui sah dan carian rasmi status syarikat daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Langkah seterusnya yang akan diambil oleh PTG Kuala Lumpur ialah untuk mengemukakan surat peringatan kepada Zamrud Properties Sendirian Berhad. Jika pemilik berdaftar kondominium masih gagal mengemukakan permohonan hak milik serata dalam tempoh satu bulan tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 8 Akta Hak Milik Serata 1985, penguatkuasaan di bawah seksyen 8, akan dilaksanakan dan akan dikuatkuasakan.

Seksyen 8 (5) Akta Hak Milik Serata 1985 memperuntukkan bahawa mana-mana tuan punya tanah yang gagal memohon hak milik serata dalam tempoh yang ditetapkan adalah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan, tuan punya tanah tersebut boleh dikenakan denda di antara RM10,000,00 hingga RM100,000,00. Sekiranya kesalahan tersebut berterusan denda di atas di antara RM100 hingga RM1000 sehari boleh dikenakan, sekian terima kasih.

TINDAKAN KEBERKESANAN JABATAN INSOLVENSIA MALAYSIA

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ekoran masalah kegawatan kewangan dan ekonomi lebih ramai rakyat Malaysia diisytiharkan sebagai mufliis. Bilangan orang yang menghadapi saman bankrap di Malaysia telah meningkat 47% dalam tempoh tiga tahun ini. Seramai 16,251 orang diisytiharkan sebagai bankrap tahun lepas berbanding dengan 11,065 orang pada tahun 2001. Bank Negara telah menyatakan pada awal tahun ini bahawa terdapat 150,646 orang bankrap di Malaysia. Ramai diisytiharkan bankrap dalam tahun-tahun kebelakangan ini adalah individu yang berumur 30 tahun ke bawah yang telah gagal menguruskan perbelanjaan mereka dan memikul hutang kad kredit yang meningkat.

Jabatan Insolvensi Malaysia memainkan peranan yang penting untuk membantu si bankrap untuk menghadapi masalah yang timbul akibat perubahan dalam status seseorang. Ia juga diharapkan dapat membantu si bankrap untuk memulihkan status mereka dan melepaskan diri dari status bankrap. Memandangkan negara kita kini menghadapi tambahan dalam bilangan orang yang diisytiharkan sebagai bankrap, saya menyeru kerajaan meningkatkan keberkesanan Jabatan Insolvensi Malaysia agar jabatan ini dapat memberi bantuan yang lebih berkesan kepada golongan bankrap.

Saya ingin membangkitkan kes kebankrapan nombor 29985 tahun 1998 yang membabitkan Encik Tan Eng Hai, KB 510722075195 di mana beliau menghadapi berbagai masalah untuk membebaskan dari status bankrap dan Jabatan Insolvensi Malaysia Pulau Pinang dahulunya dinamakan Pemegang Harta Malaysia dilantik oleh

Mahkamah Tinggi Pulau Pinang sebagai penerima harta bendanya pada 12 September 2002. Si bankrap ini sebenarnya mempunyai milikan $\frac{1}{4}$ dari harta benda keluarga yang membolehkan beliau memohon pelepasan daripada kebankrapannya.

Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Pulau Pinang telah memohon kerjasama dari pihak pentadbir harta pusaka bapa yang dikongsi bersama oleh 4 orang adik beradik termasuk si bankrap untuk mengambil tindakan mentadbir harta pusaka mendiang bapa dengan secepat mungkin bagi menyelesaikan hutang si bankrap dan membolehkan beliau memohon pelepasan daripada kebankrapannya. Pihak pentadbir harta pusaka telah gagal membantu dalam penjualan bahagian si bankrap dan juga gagal mematuhi arahan untuk membayar kutipan sewa yang layak diterima oleh si bankrap.

Pakar Jabatan Insolvensi akan membawa perkara ini ke mahkamah dan mengambil tindakan mengikut kanun tanah negara dan Akta Kebankrapan tahun 1967. Jika ya, bila dan bagaimana Jabatan Insolvensi dapat membantu si bankrap ini? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan Jabatan Insolvensi Malaysia bagi membantu golongan si bankrap? Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri sila.

5.45 ptg.

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar]: Tuan Yang di-Pertua mengenai kes Encik Tan Eng Hai yang dibangkitkan, izinkan saya memberi penjelasan daripada mulanya.

Encik Tan diisytiharkan bankrap pada 12 September 2002 atas hutang berjumlah RM152,189.34, iaitu berhutang pada seorang penghutang sahaja wang DBS. Bapa beliau telah meninggal dunia terlebih dahulu lagi iaitu pada bulan November 1976 dan meninggalkan harta seperti berikut; Enam lot tanah di mana terdapat 14 buah kedai di atas lot tanah-tanah tersebut di Kedah Road, Cecil Street Ghaut dan Nanking Road, Pulau Pinang.

Jika kita lihat daripada segi bilangan rumah kedai dan kedudukan rumah-rumah tersebut di Pulau Pinang sudah tentulah kita boleh beranggapan bahawa harta-harta tersebut adalah yang bernilai tinggi. Ekoran daripada kematian mendiang bapanya, Encik Tan dan tiga orang adik beradiknya berhak kepada harta tersebut. Kini harta tersebut di tadbir oleh abangnya sebagai pentadbir. Jabatan Insolvensi Malaysia telah menghubungi pentadbir tersebut pada 27 Disember 2004 untuk menyerahkan bahagian Encik Tan kepada JIM. JIM disebut di sini ialah Jabatan Insolvensi Malaysia bukan Jabatan Imigresen Malaysia.

Malangnya sehingga kini tidak ada makluman balas yang diterima oleh JIM daripada pentadbir tersebut. JIM telah pun sekali lagi menulis kepada pentadbir pada 4 Februari 2005. Pihak JIM masih menunggu maklum balas dari pentadbir harta pusaka tersebut, jika tidak ada maklum balas dalam masa terdekat ini pihak JIM akan membuat permohonan di mahkamah untuk perintah mahkamah terhadap pentadbir harta pusaka tersebut. Setelah perintah diterima pihak JIM akan membantu si bankrap untuk menjual harta berkenaan. Tapi saya ingin menjelaskan di sini kepada Yang Berhormat bahawa proses mendapatkan perintah mahkamah dan menjual harta berkenaan akan memakan sedikit masa. Walau bagaimanapun, JIM akan memberikan bantuan dan kerjasama kepada pihak-pihak tertentu untuk mempercepatkan proses berkenaan.

Mengenai perkara kedua yang dibangkitkan kerajaan telah mencuba mempertingkatkan keberkesanan JIM dengan melaksanakan MS ISO 9000/2000 dalam sistem bekerja dan persijilan telah pun diperolehi pada bulan Mac 2005. Kerajaan juga akan memperkembangkan lagi JIM dengan menambah bilangan kakitangan bagi menangani masalah dan membantu golongan bankrap. Pada ketika ini JIM mempunyai 445 orang pegawai dan kakitangan sokongan yang mengendalikan sebanyak 133,032 kes di samping mengendalikan 21,652 kes-kes penggulungan syarikat, pembakalan pertubuhan dan kesatuan sekerja. Dengan pertambahan kakitangan JIM akan boleh bergerak dengan lebih efisien.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin menekankan di sini si bankrap juga perlu membantu diri sendiri dengan mematuhi peraturan dan memberi kerjasama kepada jabatan untuk pelepasan daripada kebankrapan. Untuk ke arah itu si bankrap perlu mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (1) hadir di pejabat JIM selepas perintah penerimaan dan perintah penghukuman dibuat;
- (2) memfailkan penyata hal ehwal iaitu *statement of affairs*;
- (3) menghadiri mesyuarat pertama pemiutang;
[Untuk makluman Yang Berhormat, tiga-tiga perkara yang disebutkan di sini adalah menjadi masalah kepada si bankrap selalunya itu, tidak hadir, tidak memfailkan dan tidak menghadiri mesyuarat pertama].
- (4) membuatkan bayaran bulanan;
- (5) memfailkan penyata pendapatan setiap 6 bulan sekali;
- (6) lepas itu tidak melanggar mana-mana larangan yang dikenakan ke atasnya;
- (7) tidak melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta Kebankrapan 1967;
- (8) memaklumkan kepada Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia jika terdapat sebarang perubahan pada pendapatan, tempat tinggal, pemilikan harta dan lain-lain; dan
- (9) mematuhi segala perintah mahkamah yang dibuat terhadapnya dan arahan Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia.

Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, urusan usul ucapan penangguhan telah selesai. Dengan yang demikian, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi besok. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang